

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**Kelantan diminta batalkan arahan pindah peniaga pasar Pasir Puteh**



→ ms24

**Perang dalam kem Najib**



→ ms2

**Membawa Islam Rahmatan Lil Alamin**



→ ms8&9

## Budget PH 2018:

# RAWAT DERITA RAKYAT



**BAJET 2018 yang dibentangkan Pakatan Harapan 25 Oktober lalu bertujuan merawat derita rakyat ekoran tekanan ekonomi, kenaikan kos sara hidup yang disebabkan oleh pentadbiran Datuk Seri Najib yang banyak menghasilkan keburukan dari kebaikan kepada rakyat dan negara.**

Para ahli parlimen Pakatan Harapan menunjukkan cadangan Bajet Pakatan Harapan dalam sidang media khas mereka 25 Oktober lalu, dua hari sebelum Bajet 2018 dibentangkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada 27 Oktober.

**Laporan penuh muka 2** →

**JUTAAN TERIMA KASIH DAN SELAMAT MAJU JAYA KEPADA SELURUH PERWAKILAN DAN PIMPINAN PARTI AMANAH NEGARA**

*"Menjunjung Amanah Rakyat"*



# Belanjawan Pakatan Harapan 2018 **rawat** derita rakyat

**B**AJET 2018 yang dibentangkan oleh Pakatan Harapan 25 Oktober lalu bertujuan untuk merawat derita rakyat ekoran tekanan ekonomi, kenaikan kos sara hidup yang disebabkan oleh pentabiran Datuk Seri Najib yang banyak menghasilkan keburukan dari kebaikan kepada rakyat dan negara.

Penal Bajet PH, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, dasar dan pendekatan ekonomi Najib telah terbukti membebaskan rakyat. Program ekonominya (yakni Najibnomiks) telah mencetuskan lebih banyak keburukan dari kebaikan.

"Dengan serentak melaksanakan GST dan menarik balik pelbagai subsidi termasuk beras, gula, tepung, minyak masak dan bahan bakar (petrol dan disel),

bersekali dengan penyusutan nilai ringgit, rakyat ditekan dengan kos kenaikan barangan yang paling parah," katanya.

Menurutnya, inflasi paling buruk pada bulan Mac (5.1%) dan 3.7% purata untuk tahun 2017. Kesan cukai GST menghapuskan lebih kurang 50% perbelanjaan isi secara langsung.

Bersekali dengan GST, ia telah menyebabkan kenaikan harga barang antara 14% sehingga 31%. Pengangguran khususnya di kalangan remaja dan graduan dan kehilangan kerja menambah derita rakyat.

Katanya, Bajet PH bermatlamatkan mengatasi derita rakyat ini dengan mengurangkan kos sara hidup dengan langkah-langkah berikut yang antaranya:

i. Menghapuskan cukai GST

yang songsang (regresif) dan ganas ke atas semua rakyat terutama golongan miskin dan dhaif.

ii. Menghapuskan tol sekaligus menjadikan kos pengangkutan awam mampu dibiayai rakyat. Begitu juga mempastikan rumah mampu dimiliki seperti yang telah dilaksanakan dalam program Selangorku.

iii. Menawarkan pendidikan percuma bagi mengurangkan beban hutang PTPN dan menekankan pendidikan dan latihan teknikal-vokasional supaya meningkatkan peluang pekerjaan.

iv. Bayaran balik hutang PTPN hanya perlu dibuat apabila mendapat gaji melebihi RM4000 sebulan.

v. Subsidi bahan bakar yang terarah terarah dan bukan

secara borong supaya sasarannya tepat.

Menurut Pengarah Strategi AMANAH itu, Bajet PH juga akan melaksanakan Gaji Minimum RM1,500 seperti dilaksana di Selangor dan Pulau Pinang dengan mewujudkan mekanisme 'co-pay system' supaya sama ditanggung oleh majikan dan kerajaan akan kenaikan RM500 itu untuk 3 tahun.

Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan juga akan diperkasa lagi secara 'tripartite' bagi kepentingan pekerja.

Di samping itu, tambahna, program memperkasakan peranan wanita, Bumiputera, kaum India dan Cina bagi membantu meningkatkan pendapatan dan peluang membangunkan diri, kerjaya, keluarga dan perniagaan.



Dr Dzulkefly dan Wong Chen dalam sidang media Bajet PH 2018.

## Konvensyen AMANAH lulus usul akta tangani gejala rasisme, takfiri

**ALOR SETAR:** Konvensyen AMANAH Nasional 22 Okt lalu meluluskan usul mendesak kerajaan mengemukakan tiga akta khusus bagi menangani gejala prejudis, rasisme dan takfiri.

Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa berkata, tiga cadangan akta itu adalah Rang Undang-undang (RUU) Jenayah Kebencian Kaum dan Agama; RUU Kesaksamaan serta RUU Suruhanjaya Keharmonian Nasional.

Ujar beliau, ketiga-tiga RUU itu penting memandangkan perkembangan bahayanya perkauman dan dogma agama sempit yang mengancam kesejahteraan rakyat di negara ini.

"Dengan ketiga-tiga RUU ini, pihak yang menimbulkan kebencian agama dan kaum boleh dituntut telah melakukan jenayah.

"Pada waktu sama, Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan diberikan kesegaran baru manakala segala masalah cetusan kaum dan agama diharap

dapat ditangani secara proaktif agar tidak merebak," jelasnya.

Walau bagaimanapun, Ahli Parlimen Parit Buntar itu menegaskan kesemua RUU tersebut tidak menggugat kebebasan bersuara selagi tidak digunakan untuk memporak-perandakan keamanan negara.

Usul tersebut kemudiannya disokong perwakilan AMANAH Tanjung Malim, Aminuddin Zulkipli yang menyifatkan syor undang-undang itu sebagai antidiskriminasi.

Beliau berpendapat cadangan peruntukan itu tidak seperti usul pindaan dalam Rang Undang-Undang Persendirian Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 2016 (RUU355) yang dibawa Ahli Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

"Tidak sama dengan usul dikemukakan Marang. Ini satu peluang keemasan kepada AMANAH untuk membuktikan sebelum jadi kerajaan, kita juga bisa pandai buat undang-



Dr Mujahid Yusof Rawa

undang," ujarnya.

Aminuddin bagaimanapun berkata, syor ketiga-tiga RUU itu harus tidak mengulang apa yang berlaku pada sebahagian daripada Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan yang kemudiannya terpaksa dipinda.

"Kalau diingat Enakmen Kanun

Jenayah Syariah II, itu adalah enakmen terbaik pada waktu itu.

"Bila dibengkelkan, setengah daripada enakmen dipinda. Kita tidak mahu usul itu (ketiga-tiga RUU) begitu," tegasnya.

Sehubungan itu, AMANAH Tanjung Malim berharap kesemua cadangan akta tersebut dibengkelkan melibatkan pakar perundangan termasuk dari luar AMANAH.

Usul diketengahkan Dr Mujahid juga disokong sepenuhnya perwakilan AMANAH Taiping, S Naili dan AMANAH Kuala Selangor, Pushpa Nagiah Vengdesa.

"Usul itu jelas menyerlahkan AMANAH sebagai sebuah parti rahmatan lil 'aalamin," kata Pushpa yang merupakan bekas Ketua Wanita Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP) Selangor.

Sementara itu, Perwakilan AMANAH Titiwangsa, Ahmad Zamri Asa'ad Khuzaimi berpendapat Malaysia sudah

cukup mempunyai banyak undang-undang.

"Kita paling banyak undang-undang di dunia ini tetapi masalah negara kita ketandusan satu badan perundangan yang bebas.

"Yang didakwa hari ini bukan yang meracuni pemikiran rakyat tetapi yang berhimpun secara aman dan melepaskan dua biji belon dalam satu bangunan," tegas peguam itu.

Perwakilan Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil pula menyifatkan RUU Jenayah Kebencian Kaum dan Agama perlu dibezakan dengan Akta Hasutan.

"Ini penting supaya undang-undang yang kita cadangkan tidak sama dengan Akta Hasutan," tegasnya.

Beliau turut menyokong penuh usul dikemukakan Dr Mujahid tetapi berharap RUU Jenayah Kebencian Kaum dan Agama diperhalusi.

"Kita seimbangkan dengan hak kebebasan bersuara," tambahnya lagi.



## Perang dalam kem Najib

**PEPERANGAN** sesama sendiri sedang berlaku dalam kem Datuk Seri Najib Razak dengan masa depan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkipli Ahmad menjadi taruhan.

Apa yang berlaku dalam peperangan ini diceritakan

dengan lebih terperinci lagi oleh penulis blog pro Najib, Raja Petra Kamarudin.

Ia semakin menarik lagi apabila Peguam Negara Tan Sri Apandi Ali membuat laporan polis terhadap Raja Petra ekoran tulisannya itu dengan dakwaan ia fitnah kepadanya.



# Negara dalam krisis, berdepan ancaman 'Islam fasis'

**A**LOR SETAR: Rakyat menghadapi tekanan bebanan kos hidup yang terus melonjak ekoran beberapa tindakan kerajaan termasuk menguatkuasakan cukai songsang (regressive) GST ke atas seluruh rakyat setelah penarikan balik pelbagai subsidi ke atas barang keperluan harian rakyat seperti beras, tepung, minyak masak dan gula.

Turut menghimpit rakyat adalah kesan berantai akibat penghapusan subsidi bahan bakar petrol dan diesel, yang kini 'diapung' mengikut ketentuan kuasa pasaran, kata Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Berucap menyampaikan Pidato Presiden pada Konvensyen AMANAH Nasional di Alor Setar 21 Okt lalu, Mohamad turut menyentuh gejala jenayah yang meningkat akibat tekanan hidup, hilang pekerjaan atau kekal menganggur yang menyerlahkan sindrom sebuah negara-bangsa yang semakin ketandusan kedamaian dan kesejahteraan.

"Pertentangan kaum pula terus diapikapi penguasa politik sementara agama menjadi modal politik untuk kekal berkuasa; memecah-belah dan bukan menyatu-padukan rakyat.

"Paling mendukacitakan, di ambang pilihan raya umum ke-14 yang kian dekat,

'politik toksik' n yang dicirikan dengan politik keganasan dan politik intimidasi, tampil sebagai modus-operandi golongan proksi pemerintah, buat menakut-nakutkan rakyat.

"Terdedah satu jalur pemikiran politik yang cenderung kepada 'fascisme Islam' berpaksikan penekanan kepada ketuanan politik, menggunakan agama secara sempit dalam bingkai nasionalisme baru Melayu-Islam," ujarnya.

Menurut Mohamad, keadaan ini menghilangkan sifat rahmat, ihsan-belas dan adil Islam.

Malah katanya, bagi membuktikan Islam itu kononnya 'berkuasa', ia sentiasa diposisi sebagai bertentangan atau mahu mendominasi penganut agama lain serta 'mempolisi' amalan budaya minoriti supaya tidak bercanggah dengan 'kehendak majoriti'.

"Andainya tidak ada rencana yang gigih, komprehensif dan diatur secara strategik, untuk 'Selamatkan dan Sayangi Malaysia' lantasi 'Bina Semula Negara' ini, maka amat dikhuatiri, penguasa politik ini bakal kembali memerintah negara dengan lebih ganas dan fasis lagi," ujarnya.



Ini dapat dilihat apabila institusi-institusi kritikal negara yang sepatutnya menjadi tunjang kepada semak imbang bakal reput, dimandulkan dan ditundukkan seluruhnya oleh kuasa Eksekutif di Putrajaya.

Sejumlah 765 perwakilan daripada 153 AMANAH kawasan seluruh negara menghadiri konvensyen yang berlangsung pada 21 dan 22 Okt lalu.

Antara tetamu utama yang hadir pada majlis perasmian ialah Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden Pakatan Harapan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Selain wakil-wakil kedutaan asing, turut hadir wakil Parti Keadilan Sejahtera (PKS) Indonesia, wakil Parti Persatuan Pembangunan (PPP) Indonesia dan badan bukan kerajaan (NGO).

Acara perasmian Konvensyen AMANAH Nasional ke-2 di Alor Setar.

## Wan Azizah akui AMANAH bawa agenda perubahan, wujudkan PH

**ALOR SETAR:** Parti AMANAH Negara (AMANAH) yang ditubuhkan dua tahun lalu telah membawa agenda perubahan kepada parti-parti pembangkang sehingga membawa kepada tertubuhnya Pakatan Harapan (PH).

Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika berucap pada majlis perasmian Konvensyen AMANAH Nasional ke-2, dekat sini, 21 Okt lalu berkata, Islam yang diperjuangkan AMANAH amat menepati konsep 'rahmatan lil 'alamin' (rahmat bagi seluruh alam).

"Kita bersama rakan AMANAH Negara membuka ruang kepada

tercetusnya Pakatan Harapan, nama Pakatan Harapan adalah hasil pengorbanan yang dilakukan sahabat kita dari AMANAH.

"Sudah jelas AMANAH merupakan sahabat setia dan menjunjung prinsip, ia mesti diraikan dan dihormati serta dijaga oleh parti dalam gabungan.

"Meskipun bertukar 'jersi' tetapi seni politiknya dikagumi, Presiden AMANAH (Mohamad Sabu) lincih walaupun usianya menjangkau enam siri. Gerakan politiknya dihormati lawan dan kawan," ujarnya.

Menurut Dr Wan Azizah, walaupun pelbagai pengalaman dan cubaan

dihadapi Mohamad sama ada ditahan ISA, mahir berdemonstrasi dan turun naik mahkamah, namun beliau terus kental dan setia meneruskan agenda perubahan demi negara tercinta.

Beliau menambah, konsep 'Islam rahmat bagi sekalian alam' telah membuka pendekatan politik baru di Malaysia.

Dr Wan Azizah yang juga Presiden PH berkata, AMANAH telah meletakkan tanda aras baru apabila motto 'Amanah, Progresif, Peduli' itu berjaya mengubah pemikiran dan tanggapan masyarakat Islam dan bukan Islam kepada konsep Islam sebenar.

"Kita juga bukan golongan yang suka lakukan kezaliman dan sedia menjunjung amanah yang kita junjung.

"Dengan menegakkan keadilan, kita mengajak rakyat bersama melakukan perubahan demi kemakmuran dan kesejahteraan negara. PH akan memimpin dengan amanah, melaksanakan tadbir urus baik, menghapuskan rasuah, membendung ketirisan dan menghapuskan kleptokrasi di bumi Malaysia ini," ujarnya.

Beliau menambah, ikrar yang dilafkan dalam Himpunan Selamatkan

Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi di Padang Timur Petaling Jaya pada 14 Okt lalu menegaskan komitmen PH untuk menghapuskan rasuah dan menjadikan Malaysia antara 10 negara terbersih pada 2030.

Pakatan Harapan, ujarnya adalah gabungan politik yang membawa agenda reformasi dengan gabungan ahli pelbagai peringkat usia, lebih dinamik serta merangkumi semua kaum dan agama di negara ini.

Beliau turut menyeru rakyat melakukan perubahan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang dan bersama PH membina semula negara.

## 'Lupakan permusuhan lama, masa untuk bersama'

Oleh **HAZAYANI ZAKARIA**

**PENGERUSI** Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad buat kesekian kalinya menekankan bahawa gabungan itu perlu melupakan permusuhan lama dan bersatu hati menentang kerajaan kleptokrasi pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, negara sedang berhadapan dengan musuh yang sangat dahsyat iaitu rasuah dan salah guna kuasa.

"Kita perlu lupakan permusuhan lama kerana perkara yang kita hadapi hari ini begitu dahsyat dan sebab itulah Mohamad Sabu, Lim Kit Siang, Anwar Ibrahim dan saya sanggup bekerjasama. Yang lepas biarlah lepas dan

kita menghadapi bahaya yang sangat dahsyat.

"Kita tidak terlalu utamakan parti masing-masing tapi kita utamakan Pakatan Harapan. Dengan gabungan ini kita mempunyai harapan. Tanpa bergabung kita tak punya kekuatan untuk menghadapi kerajaan yang (berusia) lebih 60 tahun," katanya sewaktu menyampaikan ucapan di majlis perasmian Konvensyen AMANAH Nasional ke-2, di sebuah hotel dekat sini, 21 Okt lalu.

Beliau sebelum itu memulakan ucapannya dengan meluahkan rasa 'tidak percaya' kerana dijemput oleh 'musuh' beliau satu masa dahulu untuk menyampaikan ucapan di Konvensyen AMANAH Nasional yang dipimpin

'musuh' beliau.

"Himpunan hari ini mempunyai signifikansi yang amat tinggi, pelik dan luar biasa kerana saya dijemput oleh 'musuh' saya Mohamad Sabu untuk menyampaikan ucapan di konvensyen parti beliau.

"Saya masih teringat menghantar Mohamad Sabu untuk belajar memasak di Taiping (Kem Tahanan Kamunting) dan diupah 80 sen (sehari). Itu rate zaman British dan saya boleh buat pengesahan masakan beliau sangat baik.

"Saya dijemput makan malam dan masakannya sedap sungguh," katanya disambut ketawa para pemimpin dan perwakilan AMANAH.

Mohamad sewaktu zaman pemer-

intahan Dr Mahathir pernah dua kali ditahan di Kem Tahanan Kamunting di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA).

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PPBM juga berkata, walaupun permusuhan lama amat memedihkan hati namun banyak pihak mahu ia dilupakan demi menyelamatkan negara.

"Permusuhan lama itu walaupun memedihkan hati dan sebagainya tapi ia boleh merosakkan negara. Dalam negara demokratik kita perlu ada parti lawan dan kerajaan. Baru boleh kenal hodohnya muka kerajaan.

"Kadang-kadang ada kata-kata kesat tapi itu cuma kata-kata kesat bukan boleh membunuh. Ada cabaran lebih

besar dan kita perlu berganding bahu melawan musuh yang baru.

"Kita tak sangka ada manusia di dunia ini yang apabila diberi kuasa menyalahgunakan kuasa dengan begitu ketara," katanya merujuk kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Menurut beliau juga, Najib sedang berhempas pulas menyelamatkan diri daripada didakwa atas segala salah guna kuasa yang dilakukan.

"Kalau Najib tak lagi jadi perdana menteri, tempat tidurnya sudah disediakan di Sungai Buluh sebab itu Najib berusaha menyelamatkan diri.

"Kalau kita nak jatuhkan Najib dan penyangak maka kita kena gabungkan parti-parti lawan," katanya.

## Minda Pengarang

### AMANAHAH terus mara selepas dua tahun

**S**angat terasa akan kejayaan luar biasa Konvensyen ke-2 Parti AMANAHAH Negara yang berlangsung dua hari di Alor Setar, yang didahului Kenduri Rakyat, dihadiri puluhan ribu rakyat.

Kejayaan itu pertamanya, menghantar isyarat betapa AMANAHAH yang mencapai usia dua tahun semakin teguh dan diterima baik oleh rakyat.

Kedua, dasar AMANAHAH – Pogresif dan Peduli – berpaksikan Islam sebagai *Rahmatan Lil-Alamin* diterima baik, bukan saja oleh orang Islam, bahkan juga yang bukan Islam.

Bagi kalangan Islam, mereka melihat AMANAHAH telah menterjemahkan Islam dalam kerangka yang luas, yang selama ini mereka melihat Islam digambarkan hanya berligar sekitar hukum dan ibadah khususnya yang dilihat bersifat ritual saja.

Bagi kalangan bukan Islam, mereka melihat akan gambaran Islam yang ramah, toleransi, terbuka, progresif, akhlak yang baik dan sangat peduli rakyat tanpa batas kaum dan agama.

Ketiga, kejayaan pendukung AMANAHAH yang mahu menyesuaikan diri dengan iklim yang ada, walaupun kebanyakan mereka bekas ahli parti lama.

Keempat, melesetnya pandangan setengah pihak, terutama dari kalangan parti lama, bahawa bahawa kononnya AMANAHAH tidak lama umurnya, seperti parti pembangkang yang terdahulu.

Dua tahun AMANAHAH telah hadir di tengah persada politik tanah air.

Maka benarlah apa yang dikatakan oleh Naib Presiden AMANAHAH, Dr Mujahid Yusuf Rawa bahawa AMANAHAH tidak lahir atas kehendak sendiri tetapi kelahirannya atas kehendak rakyat dan masyarakat madani.

Katanya, AMANAHAH tidak mahu bermula dengan langkah awal yang tempang walaupun para peragu sen-

tiasa pesimis.

Sememangnya dua tahun adalah ukuran yang tidak adil untuk bercakap tentang kejayaan tetapi sebagai sebuah parti politik kejayaan ditakrif secara relatif, kata Dr Mujahid.

Pertama, katanya, kejayaan awal dinilai dari sudut teras yang diyakini oleh sesebuah perjuangan, contohnya AMANAHAH punya prinsip membela semua kaum, bangsa dan agama kerana sifat kerahmatan yang diyakininya.

Ini adalah kejayaan awal dalam suasana kebangkitan perkauman sempit dan pelampau agama.

Sesebuah parti di Malaysia, kata beliau, tidak mungkin menang secara solo. Kerjasama politik menjadi kewajiban jika parti itu mahu secara serius memimpin negara. Parti yang mendabik dada dirinya mampu menang secara solo hampir boleh dikategorikan sebagai parti picisan.

Dalam konteks ini AMANAHAH telah berjaya menghidupkan semula Pakatan Rakyat dengan jenama baru, 'Pakatan Harapan'. Kerana itu dari awal lagi AMANAHAH punya visi jelas memimpin negara secara praktikal.

Kejayaan AMANAHAH seterusnya bukan sekadar pentaqlid buta politik, tetapi ia lahir dengan roh islah dan tajdid. Parti ini terpaksa mencabar status quo yang berligar dalam kerangka politik Islam sendiri.

Kata Dr Mujahid, AMANAHAH mendefinisikan semula hubungan Islam dan Demokrasi lalu tanpa ragu menerima dan membawa idea politik Muslim Demokrat. Implikasinya ialah segala penghujahan politik AMANAHAH berpijak pada orbit perlembagaan negara, proses demokrasi dan mendahulukan keutamaan negara.

Itulah kejayaan AMANAHAH.

# Kegagalan memahami realiti, kebiasaan

**DALAM** satu grup *WhatsApp*, apabila diberitahu tentang kematian seorang rakan Muslim, salah seorang ahli grup non muslim menulis 'Al-Fatihah' sebagai respon kepada berita itu.

Saya percaya, rakan non muslim itu hanya salin tamplat daripada beberapa ahli grup muslim sebelumnya yang memberi respon serupa apabila menerima berita kematian.

Perkara ini kecil saja, tetapi ia memberi suatu isyarat bahawa persepsi non muslim terhadap Islam adalah sebagaimana yang ditampilkan oleh Muslim.

Kita maafkan non Muslim tadi kerana perkara itu di luar pengetahuannya, tetapi bolehkah seorang Muslim dimaafkan dengan respon yang kurang tepat sebegitu? Bukankah seorang Muslim patut tahu cara merespon yang betul?

Banyak benar perkara salah yang Muslim lakukan sehingga ditanggap oleh non Muslim sebagai sebahagian daripada ajaran Islam lantaran kejahilan Muslim tentang agamanya sendiri.

Misalnya, masuk Islam mesti tukar nama, mesti bersunat dulu, mesti pakai ketayap, serban, jubah, simpan janggut, kena pakai tudung labuh, tidak boleh guna pinggan di rumah, dan banyak lagi.

Paling tragis, Muslim ditanggap anti anjing, anti babi, anti non Muslim sehingga tidak boleh berkongsi gelas, tidak boleh berkongsi mesin dobi, dan paling serius, halal darah kerana kafir



## Pencerahan Mingguan TANWEER USBU'II

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN  
Pengarang Hal Ehwal Syariah AMANAHAH

harbi.

Semua tanggapan itu salah tetapi ia terbentuk lantaran muslim sendiri yang *jahil tentang fiqh tadayyun* (fiqh beragama), dalam keadaan Muslim berkenaan begitu bersemangat utk beragama. Oleh kerana agama diambil secara emosi dan sentimen, bukan dipegang berasaskan ilmu dan rasional, diadun pula dengan kegagalan memahami realiti dan

'urf (kebiasaan), agama kelihatan keras, kasar, kaku, beku, tidak realistik dan tidak rasional.

Natijahnya, kita marah apabila non Muslim salah berbuat sesuatu yang kita tidak setuju, padahal apa yang mereka buat itu adalah cetusan kepada gambaran tentang Islam yang mereka dapat daripada Muslim sendiri.


Justeru, siapa yang patut dipertanggungjawabkan?

“

**...kita marah apabila non Muslim salah berbuat sesuatu yang kita tidak setuju, padahal apa yang mereka buat itu adalah cetusan kepada gambaran tentang Islam yang mereka dapat daripada Muslim sendiri.**

**Dalam rangka membangunkan negara ini bersendikan 'Islam sebagai Rahmat Untuk Semua', Parti Amanah Negara tampil untuk meneruskan kesinambungan perjuangan yang ditinggalkan para Ulama dan Mujaddid silam, warisan Rasulullah (SAW) dengan perintah Ilahi "Membangunkan Bumi Ini"**

**MOHAMAD SABU**  
Presiden AMANAHAH



# Rezeki halal dengan tangan kotor?

**C**uba bayangkan, seorang buruh asing muslim yang menganggur untuk tiga bulan, akhirnya mendapat kerja. Terpaksa dia menerima kerja ini walaupun keberatan. Dia diambil sebagai tukang masak di gerai makan Cina. Dia tidak terelak daripada memegang daging babi ketika bekerja. Dia dibayar upah RM50 sehari, untuk bekerja 12 jam berturut-turut. Dia jujur, tidak pernah memanjang tangan ke dalam laci untuk menyeluk wang taukehnya. Setiap wang ringgit yang diperolehinya, dibalas dengan titisan peluh yang diperah dari tubuhnya.

Kemudian, cuba bayangkan seorang politikus muslim, yang meluluskan peruntukan untuk membina masjid. Sengaja angka kos pembinaan dinaikkan, supaya lebih itu dimasukkan ke dalam saku dirinya. Memang pernah dipertikaikan kos yang melampau tinggi itu, tetapi akhirnya berjaya dibisukan kerana orang yang membangkitkan isu ini takut dituduh anti-Islam. Politikus yang tidak amanah ini diselamatkan Akta Hasutan. Sungguhpun tangan ini mencuri wang rakyat, tetapi tangan yang sama ini tidak pernah menyentuh babi.

Masjid siap dibina. Satu Jumaat anda yang menunaikan solat di masjid tersebut terserempak dengan pekerja asing muslim yang terpaksa memegang daging babi ketika bekerja, bersama politikus

muslim yang mensonglap wang rakyat. Kedua-duanya kenalan anda. Mereka menghulurkan tangan kepada anda untuk bersalam. Tangan siapa yang akan anda sambut terlebih dahulu?

Mungkin anda sebagai muslim akan terperangkap dalam dilema. Tangan pekerja asing muslim itu boleh jadi tidak dibersihkan sepenuhnya. Tangan politikus muslim sungguhpun bersih dari najis, tetapi tetap tangan yang mencuri wang rakyat. Dengan andaian bahawa salam berjabat tangan itu sebagai tanda penghormatan, siapa yang akan anda bersalam?

Bayangkan, jikalau anda seorang non-muslim, tangan siapa pula yang akan anda salam, jika bukan untuk mengampu, tetapi sebagai penghormatan?

Dilema ini mungkin membantu untuk kita membincangkan soal kesucian, yang dibangkitkan dalam pertikaian kedai dobi untuk pelanggan muslim sahaja. Saya cuba memahami "keperluan" sesetengah muslim yang mahu mempertahankan "kesucian" itu, iaitu bersih daripada najis *mughallazah* (najis berat). Tetapi seandainya hasrat ini dilaksanakan sepenuhnya mengikut tafsiran sebegini, maka kita akan mengundang masalah besar dalam masyarakat majmuk ini. Apakah wang kertas dan syiling juga perlu diasingkan, kerana besar kemungkinan ada unsur-unsur



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

tidak halal yang terlekat padanya?

Saya tidak mahu memanjangkan lagi kerana dari segi teknikalnya, pengasingan kertas wang halal dan tidak halal agak mustahil, lantas ia menyekat kita daripada terus menerokai kemungkinan itu. Cuma apa yang menarik bagi saya, antara rezeki haram dengan wang kertas haram, mana yang lebih haram dari kaca mata muslim?

Pengamatan saya sebagai non-muslim mendapati bahawa penghayatan Islam oleh masyarakat muslim di Malaysia semakin

anjing dan sebagainya, yang tidak menjadi isu sebelum ini, memperlihatkan kecenderungan bahawa muslim semakin peka terhadap unsur-unsur yang "tidak halal" di sekelilingnya.

Namun pada masa yang sama, unsur-unsur "tidak halal" seperti rasuah, keganasan dalam keluarga, pencabulan kehormatan wanita dan sebagainya, tidak ditolak sebagaimana babi dan anjing. Ketika menghadiri satu jamuan misalnya, sesetengah muslim mungkin akan mempersoalkan sama ada pinggan mangkuk yang digunakan itu bersih atau tidak (dari babi), tetapi jarang-jarang dipersoalkan sama ada wang yang digunakan untuk membiayai jamuan itu halal atau tidak.

Bagaimana kalau wang itu datang daripada rasuah, digunakan untuk menyogok pengundi supaya memangkah dirinya dalam pilihan raya? Pertama, wang itu

yang terang-terang diadakan ketika musim pilihan raya?

Namun, ia tidak berlaku seperti itu. Malah pembangkang terpaksa akur dengan budaya ini dan berkata sedemikian kepada pengundinya, "(BN) Bagi duit (kamu) ambik, tapi pangkah pembangkang!"

Persoalannya, mengapa muslim berasa berdosa jikalau tubuhnya terkena unsur najis seperti babi dan anjing, tetapi kurang rasa dosanya jikalau dirinya terpalit dengan rasuah?

Saya sebagai seorang non-muslim mencari-cari jawapannya. Kerana sepanjang pengamatan saya, rezeki yang halal biasanya datang dari tangan yang kotor. Agak mustahil pencuci tandas, pemungut sampah mendapat rezeki yang tidak halal. Setiap ringgit malah setiap sen yang mereka dapat, datang daripada usaha mereka. Ironinya rezeki yang haram biasanya datang dari tangan yang bersih. Mereka mendobi wang haram berbilion-bilion ringgit, dan kemudian tangan mereka dicium sebasah-basahnya, selepas menabur gula-gula manis yang beracun dengan wang haram.

Jelas, dobi yang gagal membersihkan najis babi dan anjing, tidak sehebat dobi yang membersihkan wang haram. Apakah ini menjelaskan mengapa muslim di Malaysia lebih menekankan penghayatan Islam dari segi bentuknya, jauh lebih daripada nilainya?

**Persoalannya, mengapa muslim berasa berdosa jikalau tubuhnya terkena unsur najis seperti babi dan anjing, tetapi kurang rasa dosanya jikalau dirinya terpalit dengan rasuah?**

menekankan bentuk (atau *form* dalam bahasa Inggeris), daripada nilainya. Lambakan isu seperti troli halal, kek halal dalam McDonald, berus cat bulu babi, pegang

datang daripada rasuah; kedua, wang itu digunakan untuk merasuah. Apakah ia masih halal, dan apakah komuniti muslim sepatutnya memboikot jamuan sebegini,

## Menangani isu perkauman, ekstremisme agama

**PELBAGAI** pihak semakin bimbang dengan fenomena yang dicetuskan oleh kehadiran ekstremisme agama yang dilihat semakin lantang dan menakutkan.

Isu-isu yang bermunculan sekarang ini - isu dobi, isu gunting rambut, isu pakaian sukan, isu minum gelas berasingan dan lain-lain sangat menakutkan.

Kesan semuanya ini sangat mencederakan imej Islam sebagai 'Rahmatan Lil Alamin' dan tentunya ia sangat berbahaya.

Dengan gejala ini, lebih parah lagi, bermunculan fenomena takfiri, label melabel dan menghukum yang membawa perpecahan yang parah dalam kalangan sesama Islam. Inilah kesan ekstremisme agama yang sangat menimbulkan kerosakan.

Saya tertarik dengan pan-



dangan Pengarah Strateginya, Dr Dzulkefly Ahmad yang bimbang

dengan kemunculan phenomena ini.

Bercakap dalam forum yang disiarkan Oren TV baru-baru ini, Dr Dzulkefly bimbang dengan gejala pelampau atau fasis Islam yang mulai bermunculan yang perlu ditangani sebelum menjadi tidak terkawal.

Di sinilah, katanya, AMANAH berperanan dalam Pakatan Harapan sebagai parti berpaksikan Islam yang amat diperlukan dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Menurutnya, AMANAH membawa pendekatan Islam yang inklusif bukannya eksklusif dalam usaha mengelak perbalahan

agama.

"Sebenarnya, katanya, ini adalah tuntutan pada perjuangan Islam itu sendiri. AMANAH tidak melabel atau menghukum orang dan sifatnya progresif maknanya sentiasa memperbaharui jihad, tajdid dan ijtihad," ujarnya.

AMANAH, kata Dr Dzulkefly, giat dengan program wacana dan membudayakan dialog.

Katanya, model masyarakat majmuk dapat dilihat pada negara bernama Madinah Al Munawwarah (Bandar Bercahaya) dengan perlembagaan bertulis pertama di dunia.

"Nabi Muhammad s.a.w menangani masyarakat majmuk dan mengemudi Madinah itu dalam satu kontrak sosial yang pertama di dunia ini (melalui) Sahifah Madinah."

23 daripada 47 fasal (Sahifah Madinah), kata beliau, menekankan mengenai urusan berkaitan

bukan Islam.

Bagi tokoh pemikir ini, pendekatan Islam yang diketengahkan AMANAH, penting bagi menangani unsur-unsur melampau yang membawa perpecahan agama.

"Tambah pula menjelang pilihan raya ini, saya perhati dan kita saksikan bagaimana isu perkauman dan pertentangan agama akan dijadikan modal untuk menang dan mengekalkan kuasa. Sebab itu AMANAH rasa bertanggungjawab meletakkan Islam sebagai rahmah, ehsan, belas, sejahtera untuk semua hinggakan penganut agama lain tidak takut dengan Islam. Mereka rasa selamat dengan Islam," jelasnya.

Sementara itu, dalam ucapannya di Konvensyen Nasional kedua AMANAH di Kedah Sabtu lalu, Presiden AMANAH, Mohamad Sabu menekankan tentang perlunya AMANAH menggem-

bleng tenaga pemuda yang dilihatnya perlu ditingkatkan lagi peranan mereka.

Presiden AMANAH itu memang wajar mengingatkan pendukung parti mengenai hal ini kerana golongan ini berperanan penting bersama golongan veteran untuk mendengar dan memperjuangkan nasib rakyat.

Sementara golongan wanita juga sangat besar peranannya, yang menurut Presiden AMANAH itu, Malaysia tidak akan mampu berdiri sendiri hari ini tanpa adanya peranan wanita.

AMANAH, katanya, sentiasa berusaha mengangkat martabat wanita dalam pembedaan masyarakat.

Di sinilah pentingnya golongan wanita diberikan keadilan, katanya, dalam mendapatkan pendidikan, pekerjaan dan lain-lain.

# Mat Sabu bebas dakwaan fitnah anggota polis

**P**UTRAJAYA: Mahkamah Rayuan 19 Okt lalu membebaskan Presiden AMANAH Mohamad Sabu daripada dua dakwaan fitnah berhubung kenyataannya mengenai kejadian Bukit Kepong yang berlaku pada 1950.

Barisan Hakim terdiri daripada Tengku Maimun Tuan Mat, Ahmad Asnawi dan Rhodzariah Bujang menolak rayuan pendakwaan dan mengekalkan pembebasan terhadap pertuduhan itu.

Rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ditolak hakim Mahkamah Tinggi dan membebaskan Mohamad atau lebih dikenali sebagai Mat Sabu daripada sebarang pertuduhan pada akhir kes pendakwaan tanpa perintah tahanan.

Dalam keputusan sebulat suara, Hakim Tengku Maimun yang mem-

pengerusikan panel hakim mendapati tidak ada sebab untuk Mahkamah Persekutuan meneruskan dakwaan yang dikenakan terhadap Mohamad.

"Tidak ada kesalahan arahan oleh Mahkamah dan hakim perbicaraan menyimpulkan bahawa pendakwaan tidak cukup buktikan kes prima facie," katanya.

Mohamad didakwa mencemarkan nama anggota polis dan ahli keluarga mereka yang mempertahankan diri dalam serangan 23 Februari 1950 oleh gerila komunis di balai polis Bukit Kepong.

Beliau didakwa di bawah seksyen sama memfitnah tiga anggota polis i Konstabel Marin Abu Bakar Daud, Konstabel Jaafar Hassan dan Sarjan Yusoff Rono, dan ahli keluarga mereka.

Mohamad, 61, didakwa melakukan kesalahan di hadapan Pusat Asuhan Tadika Islam (Pasti) Al-Fahmi, Markas Tarbiyah Pas di Padang Menora, Tasek



Mohamad bersama barisan peguamnya se usai keputusan. Turut kelihatan waris Al-lahyarham Mat Indera, Baharom Indera (kanan sekali).

Gelugor, Pulau Pinang antara pukul 10 malam dan tengah malam pada 21 Ogos 2011.

Peguamnya, Mohamed Hanipa Maidin, mengemukakan bahawa unsur-unsur kesalahan itu tidak didedahkan

dalam pertuduhan itu.

Mohamad diwakili barisan peguambelanya Aminuddin Zulkifli, Nasar Khan Mirbas Khan, Nazratun Naim, Syarifah Asma dan Hanipa. Menurut Aminuddin terdapat

butiran tertentu yang sepatutnya dimasukkan dalam pertuduhan tetapi tidak dimasukkan oleh pihak pendakwaan.

"Di Mahkamah Rayuan ini kami hujahkan perkara sama semua hakim di tiga mahkamah bersetuju dengan kami ia bersifat defektif dan tidak mendedahkan kesalahan fitnah jenayah.

"Pihak pendakwaan cuba menyamakan fitnah jenayah sama dengan fitnah dalam sivil.

"Dalam fitnah jenayah ia kena berbalik pada niat orang yang didakwa jika ia tidak bermaksud begitu ia tidak bermaksud fitnah jenayah," ujarnya kepada media di ruang mahkamah se usai perbicaraan.

Kes ini telah berlarutan selama enam tahun. Selain peguam turut kelihatan di mahkamah Presiden Pakatan Harapan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

## Hargai 'tokoh kiri' pejuang kemerdekaan

**KUALA LUMPUR:** Keputusan mahkamah yang membebaskan presiden AMANAH Mohamad Sabu daripada pertuduhan memfitnah anggota polis dan keluarga mereka dalam peristiwa Bukit Kepong perlu dijadikan iktibar untuk menulis semula sejarah perjuangan kemerdekaan negara.

Mohamad dalam satu kenyataan media berkata, kemerdekaan negara bukan sahaja diperjuangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra, Dato' Onn Jaafar dan para pemimpin Umno tetapi turut diperjuangkan oleh

tokoh pejuang masyarakat antaranya Dr Burhanuddin al-Helmy, Ibrahim Yaakob, Datuk Ahmad Boestamam, Abu Bakar al-Baqir dan ramai lagi.

"Ini termasuk Mat Indera yang saya sebut pada satu ceramah di Padang Menora Pulau Pinang, enam tahun lalu," katanya mengulas kembali ucapannya yang dijadikan bahan bukti kes pendakwaan beliau.

Menurut Mohamad, beliau membangkitkan persoalan kenapa pegawai yang berkhidmat dengan penjajah British disanjung sebagai pejuang kemerdekaan sedangkan

tokoh-tokoh yang melawan British dianggap sebagai 'pengganas'.

"Peristiwa ceramah saya itu kemudian dibawa ke mahkamah oleh pemerintah. Saya yakin tindakan itu dibuat untuk membangkitkan kemarahan pasukan polis dan tentera kepada saya dan dieksploitasi semahunya oleh akhbar Utusan Malaysia dan TV3," ujarnya.

Mohamad menambah, walaupun Mahkamah Sesyen Butterworth membebaskan beliau daripada tuduhan memfitnah anggota polis dan keluarga mereka dalam peristiwa

Bukit Kepong, pihak pendakwa mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Tinggi dalam keputusannya juga membebaskan beliau namun pihak pendakwa merayu ke Mahkamah Persekutuan.

"Dalam perbicaraan yang berlangsung jam 11 pagi hari ini (19 Okt), mahkamah sekali lagi membebaskan saya dari tuduhan menghina pasukan keselamatan," katanya.

Mohamad berterima kasih dan bersyukur kepada Allah dengan

keputusan mahkamah yang membebaskan beliau juga kepada para peguam diketuai Mohamed Hanipa Maidin, Aminuddin Ali dan Nassar Khan.

"Pertarungan yang berlangsung enam tahun akhirnya berakhir pagi tadi dengan keputusan Mahkamah Persekutuan menolak rayuan oleh pendakwa.

"Maka kita akui sejarah yang ditulis termasuk oleh Kerajaan Negeri Johor bahawa Mat Indera juga adalah salah seorang pejuang kemerdekaan," katanya.

## BN bermasalah kekalkan kuasa, kurang 'kerusi selamat'

**KUALA LUMPUR:** BN mungkin tidak dapat mengekalkan Putrajaya pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kerana masih kekurangan jumlah 'kerusi selamat' yang diperlukan untuk mendapat majoriti mudah.

Prof Marzuki Mohamad dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkata, BN akan kekal sebagai parti pemerintah jika mereka memenangi 100 daripada 222 kerusi Parlimen.

"Melainkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dapat menjadikan baki kerusi itu sebagai kerusi selamat untuk BN, mengadakan pilihan raya umum sekarang agak berisiko untuk beliau," katanya.

Dalam analisis yang dipetik New Mandala 19 Okt lalu, Marzuki berkata

secara realistiknya Umno hanya berpeluang memenangi 57 daripada 165 kerusi Parlimen di Semenanjung, sedangkan 70 daripada kerusi itu adalah kawasan bermajoriti Melayu, di mana 70% daripada pengundi ialah orang Melayu.

Beliau berkata, 8 daripada kerusi Parlimen itu terletak di Kedah yang menjadi kubu Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad, manakala sekurang-kurangnya 5 kerusi lain mempunyai pengaruh kuat Pas, lapor FMT.

Katanya, sokongan pengundi bukan Melayu untuk BN sangat rendah sejak PRU13, di mana tinjauan terbaru menunjukkan tiada peningkatan sokongan bukan Melayu untuk kerajaan.

Marzuki berkata, terdapat 47 kerusi Parlimen di kawasan bermajoriti Melayu kecil di Semenanjung, di mana lebih 30% ialah pengundi bukan Melayu.

"Pengaruh Pas di kawasan ini sangat kecil dan mungkin tidak memberi banyak kesan kepada perpecahan undi Melayu.

"Di kawasan inilah PH cuba tembusi dan memberi cabaran serius kepada BN. Sesetengah kerusi Parlimen di kawasan ini sudah berada di tangan PH," jelas Marzuki.

Katanya, terdapat 48 kawasan bermajoriti bukan Melayu di Semenanjung yang boleh dianggap kerusi selamat buat pembangkang. berkata, BN hanya mempunyai baki 57 kerusi Parlimen di Sabah dan

Sarawak yang merupakan 'deposit tetap' parti itu.

Bagaimanapun, katanya, 9 daripada kerusi itu kini dipegang pembangkang, dengan 5 lagi terletak di pantai timur Sabah yang cuba dikuasai Parti Warisan Sabah.

"Kerusi ini bukan lagi kerusi selamat untuk BN. Jadi, daripada 57 kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak, hanya 43 kerusi dianggap selamat untuk BN," jelas beliau.

Marzuki berkata, kemenangan BN pada PRU lalu disebabkan kemampuannya membangunkan ekonomi dan mengekalkan kestabilan politik.

Bagaimanapun, katanya keadaan ekonomi sekarang tidak kelihatan baik susulan kenaikan kos sara hidup, pemansuhan subsidi untuk barangan

penting, kadar inflasi disebabkan ringgit yang lemah serta pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak 6%.

Beliau menjangkakan Bajet 2018 yang bakal dibentangkan di Parlimen 27 Okt ini tidak dapat memberi banyak ruang kepada Najib untuk mencipta faktor 'feel good' kerana "dana kerajaan semakin berkurangan, tanggungan besar dan masih perlu mengurangkan defisit bajet".

Ini di samping skandal 1MDB yang menurut Marzuki, memberi kesan buruk kepada populariti Najib.

"Berdasarkan situasi ini, Najib mungkin memerlukan lebih banyak masa untuk mengubah keadaan tetapi masa mungkin tidak menyebelainya," katanya.



# ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX  
JEMAAH  
1 FREE**  
\*Tertakluk Terma & Syarat



@ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH BIASA

HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

## AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

YURAN RM200

### AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH : 03-04 NOV 2017 MASA : 8.00am  
TEMPAT : UTM SKUDAI, JOHOR BAHRU

SILA HUBUNGI : PN. KHATIJAH : +6017-843 7561

### AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH : 25-26 NOV 2017 MASA : 8.00am  
TEMPAT : IPOH, PERAK

SILA HUBUNGI : EN.FAIZUL : +6012-568 1150



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

### NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
16 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,090
21 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
25 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
26 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
28 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
30 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,890

### DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
02 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790

### DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
11 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
12 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
14 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
16 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
20 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
24 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
26 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,590
30 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390
31 DIS	JHB/JED/MED/JHB	5,590

### JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
03 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
05 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
07 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
09 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
11 JAN	JHB/JED/MED/JHB	4,990
13 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
21 JAN	JHB/MED/JED/JHB	5,190
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
27 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
28 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
31 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr\_travelsb@yahoo.com.my  
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

#### KEDAH

UST FITRI /  
HJ AZIZAN  
04-4480709

011-4066 0800 /  
013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

#### MELAKA

HJ RAZAK OMAR  
012-310 8464

#### SELANGOR

HJ NORSHAM  
011-3231 4248

#### PERAK

EN FAIZUL  
012-568 1150

#### KELANTAN

CIKGU NASIR  
013-906 5903

#### PAHANG

HJ YUSOF  
016-987 5115

#### PINANG

UST LATIF  
019-510 0255

#### NEGERI SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT  
017-327 2205

#### JOHOR

HJ KAMAR  
019-776 3300

#### SABAH

HJ AWANG ADI  
013-659 8889

#### SERAWAK

HJ IBRAHIM  
013-823 5841

#### SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN  
AMPANG MOHD ROZAIKAL  
AMPANG HJ CONNIE  
AMPANG HJ ROSNANI  
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR  
KLANG HAJAH FADILAH  
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE  
BATANG KALI USTAZ ANAS  
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT  
KLANG HJ MUSTAFAR  
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA  
BANGI HJ MOHD JAJOLI  
SHAH ALAM HJ HASSAN  
HULU KELANG HJ ROZALI  
SUNGAI BUKIT USTAZ SAIFUL  
BANGI HJ NORBAH  
HULU SELANGOR NORAISHAH  
SEREMBAN RADZIAH MD ISA

#### Wakil Daerah

012-640 3144  
013-364 6452  
017-681 2727  
019-256 0478  
013-807 7722  
011-3550 0615  
019-277 7070  
019-225 0189  
019-332 6002  
012-350 5437  
012-235 8640  
019-359 6423  
010-221 2962  
019-250 1210  
019-214 0246  
019-234 1922  
012-222 8568  
019-567 2254

#### PAHANG

BENTONG HJ ROHANI  
JENGKA HJ RABIAH  
KUANTAN HJ MARZIANI  
PEKAN HJ YUSUF AWANG  
TEMERLOH HJ JOHARI  
KUANTAN HJ NORMAH  
BENTONG HJ ABD MANAN  
Raub NAIM ASHAARI  
FELDA BUNTA GOH HJ SHARIFAH

#### Wakil Daerah

019-383 4586  
013-704 5648  
013-908 5969  
019-958 4003  
012-964 9730  
016-987 5115  
019-383 4586  
012-243 7490  
013-950 2565

#### SARAWAK

SG.LADA, SG MIRI ASLI

#### Wakil Daerah

013-885 1234

#### SABAH

SABAH HAJI RAMLI  
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH  
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE  
WP LABUAN EN ZULKIFLI  
KINABATANGAN MOHD JEFFRI  
KUNAK ENCIK KASMAN  
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN  
SANIDAKAN ENCIK SAHAR  
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA  
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH  
ZAN BELURAN AWANG DAMIT  
TUARAN & KB MIASIN BIN MION  
BALONG HJ ROSNAH

#### PERAK

BOTA HJ AZIZAH  
TAPING HJ ABDUL RAHIM  
IPOH MOHD ANI  
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG  
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD  
BAGAN DATO HAJI HAMZAH

#### K. LUMPUR

SEMARAK KASHFUL ANUAR  
SEGAMBIT HJ ROHANI  
DAMANSARA HAJI ROSLEE  
KEPONG MEGAT NAJIB

#### MELAKA

BANDAR MELAKA HJ MASTURA  
ALOR GAJAH M.NAZEERY  
JASIN PN ROHANI HARUN

#### Wakil Daerah

019-589 3194  
019-883 4852  
013-556 9694  
014-504 1963  
011-5166 5530  
014-665 5663  
017-647 1594  
019-803 0104  
013-893 8806  
019-823 1419  
013-286 8839  
010-510 7871  
019-808 3885

#### Wakil Daerah

016-774 8965  
016-562 8140  
012-589 8965  
017-523 5308  
014-264 5221  
013-347 1575

#### Wakil Daerah

016-556 5803  
019-248 3420  
012-327 6401  
012-315 8613

#### Wakil Daerah

017-347 7812  
017-698 1474  
012-651 6003

#### KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN  
PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI  
BACHOK CIKGU NURI  
NILAM PUJI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI  
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID  
PASIR MAS HAJI ALIAS

#### N.SEMBILAN

BAHAU UST ZUBIR  
NILAI YAHYA OTHMAN  
GEMAS RIZAL KEMIS  
TELOK KEKANG ABD RAHMAN  
RASAH AZMAL  
SEREMBAN UBAIDAH  
JELUJU HJ MAZIN

#### PERLIS

KANGAR MOHD SOLEHIN

#### KEDAH

BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ

#### JOHOR

AIR ITAMU THM HJ. BAHARUDDIN  
PARIT RAJA HJ. YAHYA  
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN  
SRI GADING HJ. ABD. JALIL  
PARIT SULONG HJ. REDZUAN  
YONG PENG HJ. A. RAZAK  
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM  
SRI MEDAN HJ. RAMLI

#### Wakil Daerah

019-980 8538  
013-972 9304  
019-989 9028  
017-237 2387  
012-951 8172  
019-915 5656

#### Wakil Daerah

012-380 6140  
011-1096 6342  
019-604 6315  
017-365 4399  
016-585 4141  
013-361 2875  
011-1064 1046

#### Wakil Daerah

019-460 5016

#### Wakil Daerah

019-474 3732

#### Wakil Daerah

011-1053 0254  
013-758 3090  
017-729 2402  
011-1875 7710  
011-1519 2400  
013-770 3346  
017-716 6499  
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD  
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI  
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH  
RENGIT HJ. JUNINAH  
TKG. PECAH HJ. ARFAH  
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN  
SRI GADING HJ. ZAHARAH  
SKUDAI EN. ABD. JALIL  
KUSAJAYA HJ. RIJHAIZAT  
SERAI EN. ZAINUDDIN  
INDAH PURA EN. AHMAD SAHRIL  
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH  
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH  
KOTA TINGGI HJ. SAHRON  
PT. SAUHTKG. PECAH EN. KASRIM  
PARIT RAJA EN. MAIROP  
KULAI/ULU TIRAM PN. ROPINAH  
SIMPANG RENGAM AZREEN  
KULANG HJ. SHAMSUDIN  
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF  
MUAR HJ. WAGIMAN  
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM  
SIMPANG RENGAM ABD WAHAB MAH  
ULU TIRAM HJ. MARJONI  
MAJIDEH HJ. SUKARTINI  
PLETONG MUHAMMAD ALI  
BANDAR BARU UJA PN. SITI MUTTAH  
SETIA INDAH HASANAN  
PASIR RAJA EN. SULAIMAN  
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN  
TAMAN BUKIT DAHJA EN DAUD  
PARIT RAJA MOHD ZAINOL  
PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI  
TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI  
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

012-739 8477  
012-722 8004  
013-956 2524  
017-752 2803  
017-268 9029  
019-700 0440  
013-777 7044  
019-779 9767  
019-661 3068  
012-798 4778  
018-577 8598  
019-776 3345  
013-749 4432  
019-787 2464  
013-750 1889  
017-712 3556  
013-770 2810  
019-777 0075  
019-715 1764  
018-792 8047  
019-700 0454  
019-720 0536  
016-717 9068  
013-754 6044  
013-716 4114  
019-709 1148  
019-313 2274  
016-707 2307  
011-1273 7991  
016-751 6965  
013-722 4568  
019-778 4487  
019-728 2233  
019-728 3783  
019-374 4393

\*\*HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAD HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).  
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing  
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik

Pidato Presiden sempena Konvensyen Nasional 2017 AMANAH

# Menuju Islam *Rahmatan Lil Alamin*

Negara dalam Krisis

**S**aya melafaz syukur kehadiran Allah SWT yang telah mengizinkan kita, Parti Amanah Negara (AMANAH), berkonvensyen untuk kali kedua, dalam suasana negara terus dilingkungi dan dicengkami pelbagai krisis yang semakin parah dan tidak berujung.

Rakyat menanggung derita, tekanan bebanan kos hidup yang terus melonjak ekoran beberapa tindakan zalim kerajaan. Ia termasuk menguatkuasakan cukai songsang (*regressive*) GST ke atas seluruh rakyat setelah penarikan balik pelbagai subsidi ke atas barang keperluan harian rakyat seperti beras, tepung, minyak masak dan gula. Turut menghimpit rakyat adalah kesan berantai akibat penghapusan subsidi bahan bakar petrol dan diesel, yang kini 'diapung' mengikut ketentuan kuasa pasaran.

Kemelut seaneika gejala jenayah akibat tekanan hidup, hilang pekerjaan atau kekal mengganggu, menyerlahkan sindrom sebuah negara-bangsa yang semakin ketandusan kedamaian dan kesejahteraan. Pertentangan pula kaum terus diapi-apikan penguasa politik sementara agama menjadi modal politik untuk kekal berkuasa; memecah-belah dan bukan menyatu-padukan rakyat.

Paling mendukacitakan, di ambang Pilihan Raya Umum Ke-14 yang kian dekat, 'Politik Toksik' – yang dicirikan dengan politik keganasan dan politik intimidasi, tampil sebagai modus-operandi golongan proksi pemerintah, buat menakutkan rakyat. Terdedah satu jalur pemikiran politik yang cenderung kepada 'fascisme Islam' berpaksikan penekanan kepada ketuanan politik, menggunakan agama secara sempit dalam bingkai nasionalisme baru Melayu-Islam.

Islam lantas hilang sifat rahmat, ihsan-belas dan adil. Sebaliknya bagi membuktikan Islam itu kononnya 'berkuasa', ia sentiasa diposisi sebagai bertentangan atau mahu mendominasi dan menundukkan penganut agama lain serta 'mempolisi' amalan budaya minoriti supaya tidak bercanggah dengan kononya 'kehendak majoriti'. Pelbagai insiden telah dirakamkan mutakhir ini.

Andainya tidak ada rencana yang gigih, komprehensif dan diatur secara strategik, untuk 'Selamatkan dan Sayangi Malaysia' lantas 'Bina Semula Negara' ini, maka amat dikhuatiri, penguasa politik ini bakal kembali memerintah negara dengan lebih ganas dan 'fascis' lagi.

Turut menjadi mangsa adalah institusi-institusi kritikal yang sepatutnya menjadi tunjang kepada semak imbang bakal reput, dimandulkan dan ditundukkan seluruhnya oleh kuasa Eksekutif di Putrajaya.

Kekayaan dibolot golongan sikaya dan superkaya sementara sumber khazanah negara musnah akibat keborosan, kerakusan dan pembolotan. Lambang kegagalan tadbir-urus pentadbiran Najib Razak mendapat jolokan 'Kerajaan Kleptokrat Dunia', ketika terpapar di persada dunia dalam 'Rompakan Terbesar Dunia ke atas 1-MDB' melibatkan penyangak-penyangak antarabangsa seperti Jho Low, al-Qubaishi, al-Huseiny dengan 'pengetahuan' MO1 dan kunci tempatan seperti mantan CEO 1MDB Shahrol Aral Ibrahim Halimi



dengan 'rompakan' berjumlah tidak kurang dari RM19.24bilion (US\$4.5bilion) mengikut laporan Jabatan Kehakiman Amerika (DoJ). Sangat mewah dan lumayan habuan rompakan ini yang kini dimercutandakan dengan 'Rantai Berlian Merah Jambu' berharga RM116.8juta (US\$27.3juta) untuk isteri MO1 dan pelbagai pembelian hartanah, asset-aset kemewahan yang luar biasa oleh penyangak-penyangak antarabangsa ini.

Lebih mengaibkan Malaysia lagi, kerana ketika Mahkamah Singapura dan Abu Dhabi telah mensabitkan kesalahan jenayah, antara liannya, di bawah akta 'penggubahan wang haram' ke atas individu-individu tersebut serta menutup bank swasta Swiss seperti BSI dan Falcon di Singapura, di negara kita sendiri, belum ada seorang pun 'penyamun' pun diheret ke Mahkamah dan jauh lagi untuk disabitkan kesalahan. Saya memberi pengiktirafan kepada Gabenor Bank Negara kerana telah mendedahkan kepada pihak Ketua Pembangkang bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengenakan penalti terbesar di negara ini, sebanyak RM115.8juta keatas institusi kewangan dalam urusan bersabit 1-MDB.

RM53.7juta dikenakan ke atas AmBank Group atas 'ketidakpatuhan' (*non-compliance*) bersabit urusan 1MDB dan saya yakin adalah atas pembabit 2 akaun tersohor MO1 berjumlah RM681 juta itu. Soal besarnya siapa pula yang bayar baki RM62.1 juta lagi? 1-MDB sendiri?

Ya, kenapa perlu bayar kalau benar tidak ada apa-apa masalah dalam urusan 1MDB? Masih adakah lagi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab bahawa angka 1MDB ini cerita tahyol rekaan Amerika dan Yahudi, untuk menjatuhkan sebuah kerajaan Islam di Malaysia ini?

Bila lagi Peguam Negara mahu membuka kembali siasatan kerana beliau telah mengisytiharkan keputusan 'NFA' atau 'No-Further Action' sedikit waktu dahulu? Ada pula yang mudah 'berpuashati' dengan program rasionalisasi 1-MDB oleh Najib, kononnya akan segera selesai masalah timbunan hutangnya. Sangat malang rakyat di negara ini, kerana dana rakyat untuk membangunkan rakyat teramai diperlakukan oleh kerajaan kleptokrat sebegini rupa.

Justeru, di ambang PRU ke-14 ini, berdepan dengan seaneika krisis ini, maka Konvensyen Parti

Amanah Negara kali kedua ini, bertekad untuk menggapai hasrat dan cita-cita rakyat, bagi menamatkan segala kebobrokan dan kezaliman kerajaan Kleptokrat Umno-Barisan Nasional ini dengan mengangkat tema 'Menjunjung Amanah Rakyat'!

2. Rakyat Mendambakan Perubahan yang dirahmati Allah. Berdepan dengan segala kemelut ini, rakyat amat mendambakan satu 'Perubahan dan Tajdid' bagi membebaskan negara ini sekaligus membangunkan serta memperkasakan warga negara-bangsa ini.

Dalam rangka membangunkan negara ini bersendikan 'Islam sebagai Rahmat Untuk Semua', Parti Amanah Negara tampil untuk meneruskan kesinambungan perjuangan yang ditinggalkan para Ulama dan Mujaddid silam, warisan Rasulullah (SAW) dengan perintah Allah "Membangunkan Bumi Ini".

Dengan pendekatan Islam yang 'Inklusif dan Progresif' serta memberi makna dan corak yang kontemporari, Parti Amanah Negara berazam untuk menyuntik kesegaran dan pemunggaran perjuangan Islam ini dalam konteks serta realiti zaman, agar mampu berdepan persaingan sengit dalam cabaran abad ke-21 ini. Jalur pemikiran parti-parti Islam generasi kedua, yang diserlahkan AK Parti pimpinan Presiden Tayyip Erdogan dan An-Nahdhah di bawah kemudi Sheikh Rashid Ghanoussi lebih mirip dengan nuansa perjuangan yang mahu diterjemahkan Parti Amanah Negara.

Lalu kami amat insaf dan sedar akan wujudnya jurang antara retorik '*Islam Rahmatan Lil Alaamin*' dan kerja buat part-parti politik Islam yang menonjolkan wajah Islam yang 'menjadikan umat Islam sendiri pun takut, gusar dan keliru', apatah lagi kaum dan penganut agama lain.

Itu belum lagi mengambil kira 'jurang atau kesenjangan' antara dakwaan 'beraqidah' tetapi 'berakhlak buruk' seperti bermudah dengan rasuah, tidak amanah serta rakus mengambil hak rakyat atau orang lain. Jurang antara menjalankan ibadat secara 'ritual' dan mendapat tujuan serta natijah ibadat yang menghindar dari kemungkaran dan kejahatan.

Secara lebih khusus, apabila pendekatan politik Islam sangat selesa dengan menekankan

كونفريشن ناسيونل  
KONVENSYEN  
NASIONAL  
2017  
PARTI AMANAH NEGARA

doktrin hanya 'Ketuanan Melayu-Islam' sahaja yang layak memimpin, sementara mereka gagal mengertikan apakah ciri sebenar tuntutan Al-Quran kepada sifat '*Al-Quwwah wa Al-Amanah*' iaitu Kompetensi-Keupayaan (Merit) dan Integriti, ia menjadikan rakyat semakin keliru serta hilang kepercayaan. Adakah atas nama "Melayu-Islam" mereka perlu dikekalkan memerintah, meskipun mereka rasuah, bolot, boros dan songlap wang rakyat? Pastinya pemikiran dan konsep mereka ini telah jauh tergelincir dan tersimpang dari prinsip asal tujuan Islam!

Apabila pendekatan Islam tidak lagi merasakan satu kesalahan dan dosa menggelar dan melabel pihak yang tidak menyokong mereka dengan pelbagai label munafik, sesat dan yang bukan-Islam dilabel sebagai Kafir Harbi, yang boleh diperangi, maka hilanglah sifat '*Rahmah Islam*' yang sebenarnya. Citra dan nuansa Islam ini menjadi *e dantreme* dan melampau. Unsur '*farisim*' mula menyerap, serta sangat eksklusif kerana 'hanya kelompok aku sahaja yang betul'.

Lalu, Parti Amanah Negara tampil ditengah-tengah persada politik nasional, untuk terus mengangkat dan memaknakan secara serius 'Tujuan Islam dan Maksud Syariah Islam'; yang sebenarnya, sesuai dengan Firman Allah SWT dalam Surah Al-Anbiya ayat 107 itu:

'Dan tidaklah Kami mengutus kamu (Muhammad), melainkan untuk menjadi RAHMAT bagi seluruh alam'.

Tidak ada bukti yang lebih tuntas dan muktaamad bagi menyerlahkan kejayaan dan kesempurnaan misi Islam sebagai '*Rahmatan Lil Alaamin*', selain dari mengimbuai kepemimpinan Baginda Rasulullah (SAW) yang berjaya menyusun-atur lalu mengemudi masyarakat Madinah yang sangat majmuk dengan sifat berbilang kaum dan kabilah, pelbagai budaya, agama dan kepercayaan.

**Kepimpinan Bijaksana Rasulullah (SAW) sebagai 'benchmark' Parti Amanah Negara**

Di tengah-tengah kota Madinah, di mana masing-masing etnik mempunyai kepentingan agama dan budaya, bayangkan bagaimana Rasulullah SAW berjaya meletakkan diri dan perjuangannya untuk sentiasa '*engaged*'; dan '*bergelumang*'; dalam masyarakat, merentasi semua garis pemisah kaum, budaya dan kepercayaan.

Namun paling istimewa pastinya sifat '*Fatonah*'; (Kebijaksanaan), yang dibimbing Allah dengan puluhan Maqasid Syariah, yang menyerlahkan keunikan, kejaiban dan seni kepemimpinan politik Baginda. Baginda berjaya membangun sebuah 'Kontrak Sosial', yang dipanggil '*Sahifah Madinah*'.



Baginda merumuskan sebuah perlembagaan bagi menyatu-padukan penduduk Madinah yang telah menyaksikan pelbagai angkara peperangan akibat fahaman *asobiyah* dan per seteruan kaum. Dalam menguruskan kepelbagaian penduduk Madinah ini, Baginda secara sangat diplomasi dan bijak, telah merumuskan 47 fasal sahifah itu dengan 23 fasal membincangkan hubungan di kalangan orang Islam dan tanggungjawab mereka, sementara 24 fasal lagi adalah tentang tanggungjawab orang bukan Islam termasuk orang Yahudi terhadap negara Madinah.

Berpaksikan (Kepada mereka hak mereka, sama seperti hak untuk kami, dan ke atas mereka tanggungjawab yang sama seperti ke atas kami'), asas pemikiran 'hidup bersama secara damai' telah dicerakinkan dalam disiplin ilmu '*Fiqh At-Ta'ayyush fi Silmi*.

Maka terbentuklah satu naratif sekaligus landskap politik yang membangunkan 'Islam Yang Rahmah', mengiktiraf hak dan tanggungjawab semua warga secara saksama dan adil. Prinsip '*Al-Musaawa'* (Kesaksamaan) ini menyerlahkan lagi 'Rahmah Islam' yang mengiktiraf kepelbagaian dan perbezaan manusia sekaligus menentang apa jua bentuk diskriminasi, kezaliman dan penafian hak mana-mana warga Madinah yang berbeza dengan tatakelola Jahiliyah pra-Islam.

Inilah erti 'Keadilan Sosial Islam' yang sebenarnya terangkum dalam Sahifah Madinah, asas penting kepada pembinaan sebuah masyarakat dan negara.

Maka Parti Amanah Negara adalah penampilan kembali aspirasi dan cita-cita perjuangan Islam yang menegakkan kembali prinsip-prinsip luhur dan sejagat ini bagi menangani pelbagai kemelut natijah tabie dari kemajmukan dan kepelbagaian tuntutan bersilang antara kaum dan agama dengan mentajdidkan sifat kebijaksanaan yang diteladani kepimpinan Rasulullah (SAW).

Lalu ketika ditanya apa sumbangan Parti Amanah Negara dalam konteks perjuangan Politik Islam kontemporari, maka di atas premis dan pegangan inilah berdirinya legitimasi dan jalur perjuangan Parti Amanah Negara. Amanah meletakkan tugas mengurus perbezaan dan mendamaikan seaneika 'konflik kepentingan' itu sebagai kayu-ukur Islam sebagai penyelesaian masalah (*solution provider*) dan tidak sebaliknya mengheret rakyat dan negara dalam kancah kemelut pertentangan kepentingan kaum dan agama yang berpanjangan dan tidak berkesudahan.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah, ayat 48: "Sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allah-lah kembali

kamu semuanya, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu."

Berdasarkan penekanan kami terhadap realiti masyarakat majmuk di Malaysia ini, maka Parti Amanah Negara, bercita-cita memainkan peranan penting dalam Pakatan Harapan bagi mengertikan dan memaknakan 'Islam sebagai *solution provider*' kepada rakyat dan negara.

Justeru kami tidak gusar dengan cabaran legislatif atau penggubalan perundangan yang malangnya ditangani sesetengah pihak sebagai amat sensitif dan selalunya emotif.

Menghuraikan dengan lebih terperinci Parti Amanah Negara juga menginsafi tugas menangani cabaran-cabaran moden yang kian menerjah pemikiran umat Islam dan umat manusia amnya. Gerakan Islam dan parti-parti politik Islam mesti terus memperbaharui penekanan serta ijihad politik mereka dalam jalur pemikiran kesarjanaan Islam terkini (*the new Muslim scholarship*) yang tampil mutakhir ini. Karya-karya besar dari penulisan ulama-intelektual Islam seumpama tulisan Dr Yusuf al-Qardawi, Dr Imaddudin al-Khalil, Dr Muhammad Imarah dan lain lain, mesti ditekuni oleh pengamal politik Islam kontemporari untuk kekal relevan dan memiliki legitimasi kewujudan.

Berpandukan huraian 'ijihad politik' mereka dalam pengembangan dan pengkayaan kitab-kitab 'Turath' Ulama silam, tokoh cendekiawan dan intelektual Islam ini membicarakan isu-isu demokrasi, perundangan, pembangunan ekonomi, keadilan sosial, kepelbagaian, perbezaan dengan cukup bertanggungjawab dan ilmiah. Salah satu contoh adalah penulisan Dr Muhammad Imarah yakni 'Islam dan Kemajmukan: Perbezaan dan Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan' (*al-Islam wa al-Ta'addudiyah: al-Ikhtilaf wa al-Tanawwu' fi Itar al-wihdah*).

Parti Amanah Negara bertekad untuk mengambil tanggungjawab mengemudi bersama pembentukan negara-bangsa bertuah ini dengan naratif perjuangan pemikiran Islam kontemporari ini. Bahkan antara legitimasi kritikal kehadiran AMANAH adalah untuk mendepani cabaran getir ini dan bersama membangunkan negara.

Tatkala Pakatan Harapan mengambil alih Putrajaya nanti insyaAllah, maka Parti Amanah Negara bersama rakan-rakan lain, akan memastikan antara tujuan utama Syariah, disamping 5 Kemestian Maqasid al-Shariah, tambahan Memelihara Keadilan (Hifzul &#39;Adalah) dan Memelihara Kebebasan (Hifzul Hurriyah) akan terserlah dalam kesemua polisi awam (*public policy*) negara ini sehingga semua warga dan agama akan berasa selamat dan sejahtera serta dilindungi kerajaan.

Oleh itu Parti Amanah Negara menekankan keutamaan dalam aspek

'Islam dan Perubahan', mengambil iktibar dari kejayaan metodologi Rasulullah dalam membina Madinah yang '*vibrant*'; dan 'sejahtera' berteraskan tujuan-tujuan besar Syariah.

Memahami susur-galur, jatuh-bangun pembinaan negara-bangsa ini dengan segala tuntutan pelbagai agama dan kepentingan sosio-politik ini, maka Parti Amanah Negara menekankan kepentingan menjalinkan dan menginstitusikan Hak Kewarganaraan yang merujuk kepada *Fiqh Muwatanah*. Dalam semangat dan matlamat untuk membudayakan '*Politik Li Ta'arafu*' (*Politics of Mutual Understanding*), yang dianjurkan Islam (Surah Hujurat: 13), Parti Amanah Negara mengambil tanggungjawab untuk membangun dan memperkasa semula negara-bangsa ini (*nation rebuilding*) dengan pencerahan Fiqh Hidup Bersama Secara Damai (*Fiqh of Co-existence*). Ini sekaligus akan mampu menangani sifat-sifat '*al-Ghuluw*' atau 'melampau' dan unsur '*Fascisme*' dalam penghayatan agama secara sempit dan 'eksklusif' untuk puak dan kelompok dan golongan tertentu sahaja yang kononnya layak menjadi pemimpin dan diberi mandat kepimpinan.

Parti Amanah Negara amat meyakini, andainya kefahaman dalam aspek Syariah ini didahulukan dan dihayati, tidak akan bermudah-mudah sesetengah pihak untuk menafikan hak serta melabel bahkan mentakfirkan pihak-pihak lain justeru kerana mempunyai pandangan yang berbeza dalam aspek legislatif seperti yang disaksikan dalam pengendalian Rang Undang-Undang (RUU) 355 dan RUU 164 baru-baru ini. Malang sekali kerana gejala ini telah pun berlaku dan telah pun menyingkalkan prajudis dan persepsi yang buruk terhadap Islam sehingga istilah '*creeping Islamisation*' menjadi pobia, igauan dan ketakutan bukan sahaja pihak bukan-Islam malah juga sesetengah pihak Islam.

Dengan semangat ini juga AMANAH punya tanggungjawab memastikan undang-undang jenayah kebencian agama dan kaum diperkenalkan melalui salah seorang ahli parlimennya, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa menggunakan peruntukan undang-undang peribadi (PMB).

*Hurriyah* atau kebebasan mesti dipelihara tetapi ia bukan bererti mana-mana rakyat Malaysia boleh menghinakan atau mencetuskan kebencian antara kaum dan agama di negara ini.

Selain itu 2 undang-undang lain yang memastikan kesaksamaan dapat dipelihara ialah Undang-Undang Kesaksamaan dan satu lagi usaha proaktif menyelesaikan isu perkauman dan agama ialah Undang-undang Suruhanjaya Keharmonian Nasional. Ketiga-tiga perundangan ini telahpun dimasukkan mengikut peruntukan 49 (1) Peraturan dan Aturan Parlimen. Semoga seluruh rakyat dan ahli parlimen rentas parti dan kaum menyokong usaha murni ini.

AMANAH mahukan budaya menghukum dan mentakfir seperti yang disaksikan mutakhir ini dibentaras. Amanah juga mengingatkan sesiapa yang secara bermudah dengan sikap 'lebih suci dan lebih mulia' menghentikan sikap dan tabiat ini (*holier than thou*) kerana Allah dengan menempelak perandai seperti ini dengan FirmanNya (Surah Najm: 32);

"...Maka janganlah kamu mengatakan dirimu suci. Dialah yang paling mengetahui tentang orang yang bertakwa."

### Geopolitik Antarabangsa

Sementara kita membincangkan keghairahan parti pemerintah negara kita memeralatkan isu-isu perkauman bagi meraih sokongan, kita tidak boleh menolak hakikat bahawa isu perkauman ini masih mendapat tempat di negara lain termasuk di negara yang dikatakan maju seperti Amerika Syarikat. November lalu, calon bagi kerusi presiden di Rumah Putih dimenangi oleh seorang yang secara lantang mahu menegakkan ciri "ketuanan kulit putih" (*white supremacy*).

Susulan daripada kemenangannya itu dasar-dasar Amerika turut memperlihatkan kecenderungan jelas mengisi visi ketuanan itu apabila presiden Donald Trump memperkenalkan sekatan ke atas Muslim daripada sebilangan negara umat Islam daripada mengunjungi Amerika, membuat kenyataan-kenyataan yang memuji puak pelampau kulit putih selain menghalang pendatang daripada Mexico dengan membina tembok besar di sempadan kedua-dua negara terbabit.

Kita menjadi gusar dengan perkembangan ini kerana ia bukan sahaja menyekat kebebasan pergerakan warga dunia tetapi turut memperkukuhkan semangat assabiyyah perkauman – assabiyyah kulit putih yang digelar sebagai "golongan kanan melampau" (*extreme rightists*) yang kemudian bertindak menindas golongan lain khususnya daripada kalangan Muslim dan kulit hitam, seperti yang dilihat pada beberapa polisi dan tindakan pentadbiran Trump yang menggalakkan puak pelampau bertindak ganas sehingga terjadi peristiwa di Charlottesville, Amerika umpamanya, baru-baru ini.

Alhamdulillah, kita dapat menarik nafas lega apabila trend memberi kuasa politik kepada pelampau kulit putih ini tersekat di benua Eropah apabila di dalam pilihanraya-pilihanraya yang diadakan tahun ini di Perancis dan Belanda puak pelampau "kanan" telah tewas. Di kedua-dua negara tersebut, parti puak kanan yang ekstrim tewas kepada parti liberal dan puak kiri sekaligus memberikan harapan baru kepada umat manusia yang mencintai kedamaian dan menolak diskriminasi kaum untuk turut serta di dalam proses politik dam masa depan negara.

Atas sebab inilah kita di dalam parti AMANAH menjadikan satu dasar utama menolak sebarang sikap atau amalan ekstrim terutama yang melibatkan etnik atau agama. Atas dasar itulah terbentuk garis panduan bertindak yang menterjemahkan konsep "*rahmatil lil alamin*" yang menjadi tunjang kepada perjuangan kita.

Justeru itu kita mengajak rakyat negara ini dan juga seluruh manusia untuk sama-sama berusaha untuk menyekat penyebaran kebencian (politik toksik) atas dasar etnik dan agama yang cuba dikembangkan oleh golongan pelampau yang berasa terancam atau yang mahu "memelihara ketulenan bangsa".

Atas sebab inilah kita mengutuk sekeras-kerasnya penghapusan etnik Rohingya yang masih berterusan di Myanmar yang dilakukan oleh regim yang berkuasa. Kita mendesak supaya ASEAN beserta komuniti antarabangsa khususnya PBB bertindak menghalang tindakan ganas regim Myanmar ke atas etnik Rohingya.

Kita juga melihat bagaimana isu-isu besar melibatkan golongan yang tertindas masih belum mendapat pembebaan sewajarnya. Status Palestin masih tidak berubah, malah bertambah buruk lagi. Kini, Baitul Maqdis sedang dipaksa untuk menjadi kota Zionis dengan menafikan hak asasi rakyat Palestin di samping tindakan-tindakan sekatan dan keganasan puak Zionis di wilayah yang diduduki termasuk Gaza.

Di Kashmir, rakyatnya masih dinafikan hak-hak mereka yang sah di bawah undang-undang antarabangsa dengan penafian referendum yang diputuskan PBB pada tahun 1949. Keganasan di Kashmir semakin menjadi-jadi kerana tindakan negara "demokrasi terbesar" yang sengaja tidak mahu mempraktikkan nilai-nilai demong cukaiokrasi di wilayah Kashmir yang didudukinya.

Malangnya, PBB masih tidak mampu untuk bertindak proaktif menyelesaikan isu Palestin dan Kashmir yang sudah berlarutan 70 tahun ini.

Penderitaan rakyat Yemen juga kurang mendapat perhatian dunia, malah Amerika dan sekutunya terus menyumbang kepada serangan ke atas orang awam yang tidak terlibat dengan konflik di negara tersebut apabila membekal senjata kepada negara-negara Arab yang sedang memerangi Yemen.

Kita juga sedang menyaksikan penjajaran semula politik rantau Asia Barat apabila Qatar menjadi mangsa pemuluan beberapa negara Arab atas kehendak Washington dan Zionis Israel. Sikap berkecuali Qatar tidak disenangi oleh regim-regim diktator Timur Tengah yang mahu supaya kepentingan Zionis Israel tidak digugat kerana beberapa tindakan Qatar yang menuruti dasar luar yang lebih pragmatik.

**(Bersambung keluaran hadapan)**

# Jangan takut bercakap tentang Melayu, Islam

**A**LOR SETAR: Perwakilan AMANAH Perak, Dr Muhaimin Sulam menyeru supaya asas perlembagaan negara dipertahankan memandangkan hal tersebut adalah simbol dan inti kewujudan sesebuah negara.

Katanya, AMANAH harus berjuang berdasarkan Rukun Negara serta berpegang pada prinsip kebenaran dan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam Perlembagaan.

"Kita mahu perubahan isi bukan sekadar perubahan kulit. Jangan sampai musnah negara dan ummah.

"Jangan ekstrem kanan, jangan ekstrem kiri. Jadi golongan wassatiah bukan wassatiah slogan," ujarnya ketika men-

**KONVENSYEN AMANAH NASIONAL 2017 KE - 2**  
"Menjunjung Amanah Rakyat"

gambil bahagian dalam perbahasan Pidato Presiden sempena Konvensyen Nasional AMANAH ke-2 dekat sini, 21 Okt lalu.

Menurutnya, AMANAH Perak bimbang dengan 'keganasan senyap' terhadap simbol-simbol kewujudan sesebuah negara.

"Keghairahan kita hendak menguasai Putrajaya usah melupakan persoalan fundamental dalam masyarakat kita.

"Jangan cabut asas negara kita berasaskan demokrasi



Dr Muhaimin Sulam

berparlimen dengan cara yang liberal dan progresif seperti layang-layang putus talinya.

"Nanti kita akan jadi bidak-bidak di papan catur yang dikejarkan tak dapat, yang dikandung kecikiran," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau yang



Onn Jaafar

juga Naib Pengerusi AMANAH Perak mengingatkan persoalan berkaitan Melayu, Islam, bahasa dan budaya sebagai citra negara ini.

"Sejarah Malaysia dibentuk harus difahami seluruh rakyat negara ini. Istilah Malaysia su-

dah mulai disebut sejak kurun ke-19 yang bermaksud 'tanah bangsa Melayu'.

"Ini bukan soal rasis tapi fakta. Jangan takut apabila bercakap tentang Melayu dan Islam. Ini simbol-simbol terbinanya sebuah negara bangsa.

"Yang kita tentang (lawan) Melayu korup, assabiyah, perkauman. Tapi dalam kita berlawan, jangan sampai kaum ini mati," ujarnya.

Dr Muhaimin selanjutnya berkata, Perlembagaan negara ini bersifat dinamik lantaran menggabungkan unsur-unsur tradisi dan moden dalam kerangka bernegara.

"Jangan biarkan Melayu itu sengsara di buminya sendiri. Kaum-kaum lain wajib bantu Melayu yang sengsara.

"Ini sosial kontrak. Dalam Pakatan Harapan begitu, politik persefahaman kita mesti berasaskan kontrak sosial," jelasnya.

Bagaimanapun, AMANAH Perak jelasnya, melontarkan persoalan tentang sejauh mana parti itu membawa perubahan dalam mengimbangi nilai progresif dan konservatif serta pendekatan liberal dengan tradisi.

"AMANAH Perak bersetuju dengan penegasan Presiden supaya keluar dari kepompong politik perkauman dan ekstremis agama," tambahnya lagi.

Sementara itu, speaker konvensyen, Onn Jaafar memaklumkan kutipan sumbangan berjumlah RM6,265 termasuk mata wang Thailand.

## Sampai bila AMANAH dan Pas mahu saling mengata

**WAKIL** Perlis, Ismail Ahmad melontarkan soalan sehingga bila AMANAH dan Pas akan saling mengata dan perlu memerli sedangkan kedua-duanya adalah parti Islam.

Oleh itu beliau menyarankan pemimpin AMANAH untuk mencari jalan bagaimana dua parti ini boleh duduk semeja dan berunding.

"Walaupun berbeza fahaman politik dan pilihan raya, pemimpin perlu memikirkan sampai bila dua parti Islam ini nak bertembung," katanya yang juga bekas ahli Pas.

Berucap membahaskan Pidato Presiden, Ismail mengucapkan tahniah kepada sahabat kaum india dan Cina kerana sanggup menjadi ahli AMANAH hatta menjadi perwakilan dan pemerhati.

"Mereka sanggup untuk berada dalam parti yang berjuang atas dasar Islam," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa walaupun Perlis sebuah negeri kecil dan hanya mempunyai tiga kawasan parlimen dan 15 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) dengan

penduduk berjumlah 200,000 orang, negeri itu tidak boleh dipandang 'sebelah mata'.

Dalam jerayawara (roadshow) Harapan Baru yang membawa kepada penubuhan AMANAH, Perlis ujar beliau menjadi antara negeri yang dikunjungi para pemimpin yang diketuai Mohamad Sabu.

Kini terdapat lima orang pemimpin AMANAH yang berasal daripada Perlis antaranya Pengarah Syariah Ustaz Zolkharnain Abidin dan Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir.

Oleh itu, beliau mahu Perlis tidak dipandang remeh.

Menyentuh tentang kesediaan rakyat untuk melakukan perubahan politik, beliau berkata rakyat mendambakan perubahan yang dirahmati.

Beliau menarik perhatian terhadap tekanan hidup yang dihadapi petani dan nelayan.

Sehubungan itu, pemimpin AMANAH dan PH perlu memikirkan sumbangan dan tawaran kepada rakyat negeri itu bagi memberi

kesedaran kepada mereka untuk menyokong PH.

"Di Perlis petani terpaksa berhadapan tekanan hidup yang cukup tinggi. Potongan padi jejkaskan petani, harga diesel jejkaskan nelayan," ujarnya.

Ismail juga mahu pemimpin AMANAH agar kerap turun ke Perlis bagi membantu PH melakar perubahan di negeri utara Semenanjung itu.

AMANAH Perlis katanya menyokong penuh pidato presiden.

## Guna satu warna jika pendaftaran PH gagal

**PERWAKILAN** negeri Johor, Azam Mehtar mahu Pakatan Harapan (PH) segera menyelesaikan pengagihan kerusi bagi menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) tanpa berlaku pertindihan kerusi sebagaimana yang pernah berlaku pada Pakatan Rakyat dalam PRU13.

Beliau berkata, dalam tempoh lapan bulan selepas pembentukan bajet negara, 27 Okt ini, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Razak akan membubarkan parlimen dan diharap PH mempunyai masa yang cukup untuk menentukan pembahagian kerusi.

"Rakyat tertunggu-tunggu pemimpin utama PH untuk memutuskan kerusi yang

ditandingi oleh komponen PH dan AMANAH Johor ternanti-nanti di mana kerusi kami.

"Johor berpandangan biar lambat agar tidak berlaku pertindihan kerusi sesama PH berulang kembali sebagaimana di Sarawak pada pilihan raya negeri (PRN) lalu," ujarnya ketika membahaskan Pidato Presiden.

Wakil Pemuda AMANAH Johor ini juga berkata, AMANAH sebagai parti politik Islam perlu belajar dari sejarah dan menjadi parti yang boleh menjangkau masa depan.

"Kalau kita lihat bagaimana Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Mohamad Sabu antara pemimpin PH yang telah dipenjarakan di bawah ISA oleh Dr Mahathir.

"Sekiranya mereka boleh

berlapang dada bersama Pengerusi PPBM, adakah kita sebagai ahli AMANAH tidak boleh berlapang dada dengan komponen parti dalam PH pula?" soalnya.

Justeru beliau menegaskan bahawa semua pemimpin dan ahli AMANAH adalah jentera pilihan raya bagi PH dan bukan semata-mata menjadi jentera parti.

Beliau turut mencadangkan sekiranya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) tidak meluluskan pendaftaran logo PH, parti komponen PH perlu menggunakan satu warna baju dalam mengerakkan jentera pilihan raya.

"Kita adalah jentera parti PH tidak kira AMANAH, PPBM, PKR atau DAP. Jika mereka

bertanding di kawasan AMANAH kita bersama bekerja kuat untuk menangkan calon PH.

"Ahli AMANAH bukan sahaja berjaya besar dan kita bangga kerana kepimpinan masa hadapan, mahu lihat petugas jentera pilihan raya miliki jiwa yang besar.

"Johor melihat satu logo adalah impian Johor bagi memudahkan gerak kerja pilihan raya di peringkat akar umbi," ujarnya.

Penggunaan satu warna baju bagi petugas pilihan raya PH, katanya mampu menunjukkan kepada rakyat bahawa PH bukan sahaja bersatu di atas kertas tetapi juga di lapangan kerja.

## Sabah bukan lagi 'tongkat BN'

**SEJUMLAH** 25 kawasan Parlimen yang selama ini dianggap simpanan kekal (fixed deposit) kepada BN dijangka mengalami perubahan besar dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Perwakilan Sabah, Hamzah Abdullah berkata kesedaran menyeluruh rakyat Sabah sekarang akan mengulangi sejarah 1985.

"Tindakan tidak adil terhadap pembela rakyat pernah membangkitkan semangat rakyat menggantikan BN dengan PBS pada masa itu.

"Kini sambutan hangat kepada parti Warisan adalah mengulangi fenomena serupa," katanya.

Beliau mengingatkan pemimpin khususnya di dalam AMANAH supaya mendokong realiti baharu yang disebut dalam Pidato Presiden.

"Realiti baru adalah perjuangan mengutamakan rakyat, bukannya pemujaan pemimpin. Di Sabah rakyat masih bergelut untuk memenuhi keperluan asas.

"Masih dengan isu makan tidak cukup, dengan kerenah birokrasi untuk mendapat dokumen kerakyatan," katanya.

Untuk semua itu, katanya AMANAH akan bersolidariti bersama Pakatan Harapan untuk mengalahkan BN.

"Pakatan Harapan perlu tentukan misinya bersama rakyat hingga penindas kleptokrat dikuburkan," katanya.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

**EZKEMBARA**  
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI  
DESTINASI  
MENARIK!**

**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
APRIL 13 - 22 APR 2018	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	<b>2,990</b>	<b>2,680</b>

**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	<b>4,199</b>	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	<b>4,199</b>	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	<b>3,999</b>	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	<b>4,100</b>	-
AUTUMN OCTOBER	<b>4,100</b>	-

**PAKEJ UMRAH**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	<b>7,950</b>	<b>7,650</b>	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	<b>7,550</b>	<b>7,250</b>		
MAC 14 - 25 MAC 2018	<b>7,750</b>	<b>7,250</b>		

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	<b>7,150</b>	<b>6,800</b>	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
MAC 01 - 12 MAC 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	<b>6,790</b>	<b>6,490</b>	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	<b>5,890</b>	<b>5,590</b>		

**PAKEJ**

**ZAAFARAN**

**PAKEJ**

**RUMMAN**

**PAKEJ**

**TAMAR**

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

# Belanjawan PH 2018: Merawat derita rakyat

**ALHAMDULILLAH** selamat Pakatan Harapan (PH) melancarkan Belanjawan 2018 oleh Presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Parlimen, 25 Okt lalu. PM Najib pula membentangkan Bajet 2018 kerajaan BN pada 27 Okt, petang Jumaat.

Dengan mengunjurkan hasil kami sebanyak RM229.44 bilion berbanding BN sebanyak RM-244.48 bilion, kami peruntukkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM200.16 bilion sementara BN diunjurkan berbelanja mengurus sebanyak RM227.28 bilion.

PH memperuntukkan perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM58.35 bilion sementara BN sebanyak RM58.22 bilion. PH mempunyai nisbah perbelanjaan mengurus kepada pembangunan yang lebih baik iaitu 77:23, berbanding nisbah Umno-BN pada 80:20. Defisit Fiskal PH sebanyak 2.0% KDNK, sementara BN sebanyak 2.9% KDNK.

Sengaja dirancang setiap tahun sejak 1999 lagi sebegini. Kami bentang dahulu. Kalau tidak, memang tidak langsung berpeluang mendapat apa-apa liputan akhbar perdana milik BN. Meneliti respon pimpinan Umno-BN pagi ini adalah seperti sudah dijangka. Hampir nak saya kata, mereka 'terkejut beruk' (oops) dengan perangkaan kami.

Untuk pengetahuan umum, disebalik muka-muka 'regular' dalam 'team' PH termasuk penulis ini, tokoh-tokoh yang membantu terdiri dari pakar-pakar ekonomi bahkan mantan penasihat ekonomi PM pun ada. Jadi, pak-pak menteri, berpada-pada nak kritik pun. Jangan ingat kami main congak-congak angka-angka itu. Ada asas dan penilaian pada setiap angka yang kami kemukakan.

Mudahnya saya simpulkan, Bajet PH sebagai "Belanjawan Merawat Derita Rakyat". Ini agaknya yang sangat menjengkelkan Najib dan menteri-menterinya.

Ketika Najib mengenakan GST ke atas semua rakyat termasuk yang miskin dan golongan asnaf, PH mahu menghapuskan 'cukai songsang' ini. Ketika BN tarik balik subsidi (tepung, gula, minyak masak dan bahan bakar), PH mahu melaksanakan kembali tapi, pastinya dengan kaedah 'targetted' atau 'terarah' bukan 'borong' atau 'blanket subsidy' ke atas semua.

Disamping itu Bajet PH juga dirumus secara komprehensif dan menggarap aspek-aspek ekonomi yang lain termasuk sektor Perbankan dan Ekonomi Islam dan Ekonomi Revolusi Industri 4.0 supaya negara kekal berdaya-saing

dalam saingan baru global. Ini termasuk bagaimana menjana ekonomi berprestasi tinggi dengan menekankan pembinaan industri dan produk hilangan yang bernilai tambah tinggi. Hanya dengan cara demikian negara mampu mempunyai golongan pekerja yang mempunyai pendapatan yang tinggi.

Kembali kita kepada persoalan bagaimana program ekonomi Najib Razak atau 'Najib-nomik', telah terbukti membebaskan rakyat. Najib juga gagal menjana kerja yang mempunyai gaji atau upah yang tinggi. Bila kadar inflasi melebihi kadar faedah simpanan dalam bank, maka rakyat mengalami 'kadar negatif' dalam simpanan. Maknanya nilai duit simpanan rakyat sebenarnya menyusut dalam bank mereka. Najib tidak tahukah akan semua hal ini? Tiga faktor besar yang mencetuskan inflasi yang ganas (virulent) adalah GST, penarikan subsidi dan susut nilai ringgit.

Inflasi paling buruk pada bulan Mac (5.1%) lalu dan kadar inflasi diramalkan 3.7% purata untuk tahun 2017.

Mengikuti dapatan penyelidikan, kesan cukai GST menghapuskan lebih kurang 50% perbelanjaan isi-rumah secara langsung. Berskali dengan GST, penarikan balik subsidi barang-barang keperluan melonjakkan harga naik antara 14% sehingga 31%. Pengangguran khususnya di kalangan remaja dan graduan serta kehilangan kerja menambah derita rakyat.

Sebuah kajian sedikit waktu dahulu di kalangan pekerja di pasaran buruh, mendapati 9 dari 10 pekerja bermasalah menangani kos sara hidup. 47% tidak lagi mampu makan luar di tempat kerja dan hanya mampu bawa bekal dari rumah. Tahukah pihak Kementerian Perniagaan Dalam Negeri, Koperasi dan Keperluan (KPDNKK) berapa banyak perniagaan dan premis bisnes dah ditutup?

Sentimen pengguna di tahap yang rendah, khasnya golongan 'Bottom-40' (B-40) dan rendah-sederhana dalam golongan 'Middle-40' (M-40). Apabila perbelanjaan isi rumah jatuh, permintaan agregat akan jatuh dan kesan berantai ke atas ekonomi adalah buruk dan melembap. Bagaimanakah akan dapat di atasi fenomena ini?

Lalu, amat munasabah Bajet PH bermatlamatkan mengatasi derita rakyat ini dengan mengurangkan kos sara hidup dengan langkah-langkah berikut, sekaligus mengizinkan rakyat mempunyai keupayaan berbelanja termasuk dengan cara meningkatkan gaji mini-

ma ke paras RM1,500.

Secara lebih khusus, langkah-langkah mengurangkan kos barangan termasuk:

i. Menghapuskan cukai GST yang songsang (regresif). Disamping itu, Prof Jomo Sundaram mengancam GST yang didakwa menjadi faktor utama melebarkan lagi kesenjangan kaya-miskin.

ii. Menghapuskan tol sekaligus menjadikan kos pengangkutan awam mampu dibiayai rakyat.

iii. Begitu juga memastikan rumah mampu dimiliki seperti yang kami laksanakan di Selangor.

iii. Menawarkan pendidikan percuma bagi mengurangkan beban hutang PTPTN dan menekankan Pendidikan dan Latihan Teknikal-Vokasional supaya meningkatkan kebolehpekerjaan.

iv. Juga bayaran balik hutang PTPTN yang apabila mendapat gaji melebihi RM4000.

v. Subsidi bahan bakar yang 'targetted' terarah dan bukan 'blanket' secara 'borong' supaya kena sasaran. BRIM akan kami teruskan dengan sedikit kaedah dan syarat yang berbeza bagi memaknakan proses pengupayaan rakyat teramai.

vi. Melaksanakan Gaji Minima RM1,500 seperti dilaksana di Selangor dan Pulau Pinang dengan mewujudkan mekanisme 'co-pay system' supaya sama ditanggung oleh majikan dan kerajaan akan kenaikan RM500 itu untuk tiga tahun.

vii. Memperkasakan Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan secara 'tripartite' bagi membela kepentingan dan kebajikan pekerja.

Selanjutnya, Bajet PH juga membutirkan Program Pengupayaan Wanita dengan menjamin hak saksama di segi pembayaran gaji pada kerja yang sama dengan kaum lelaki, peluang kenaikan pangkat dan jawatan, cuti bersalin dalam sektor kerajaan kepada 120 hari dengan gaji penuh. Kemudahan yang secukup penjagaan anak-anak ditempatkan di GLC, GLC dan syarikat tersenarai di Bursa Saham (PLC).

Bagi memastikan golongan yang memerlukan sokongan dan dokongan kerajaan, PH telah menyediakan langkah-langkah dan program khas untuk membantu kaum Bumiputera, golongan B-40 Kaum India dan juga memperbaharui Kampung Baru Cina.

Pertikaian yang diutarakan oleh pengkritik khasnya dari pimpinan BN adalah kemampuan kewangan PH untuk melaksanakan Belanjawan PH ini.



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

Kami telah menjelaskan bagaimana dan dari mana sumber pendapatan dalam Bajet PH. Menghapuskan GST akan menafikan sumber RM42 bilion dengan melaksanakan kembali SST kami hanya akan menjana RM16.5 bilion. Maka kami akan mengalami defisit sebanyak RM25.5 bilion. Isunya bagaimana ditampung?

Secara ringkasnya, telah dibutirkan dan tunjukkan bagaimana PH akan menampung 'lompong' atau 'defisit' RM25.5 bilion itu. Mengambil kira semua cukai yang lain seperti Cukai Pendapatan Korporat (CITA), RPGT, Duti Import dan Eksais dan sebagainya, maka kami masih kekurangan RM20 bilion.

Berdasarkan perhitungan semua perbelanjaan Persekutuan yang tertakluk kepada ketirisan, maka 'penjimatan' daripada pembaziran, ketirisan dan rasuah, akan dapat menjana dana (termasuk memotong peruntukan Jabatan PM) sebanyak RM20 bilion.

Prestasi penjimatan sebanyak 15-20%, telah kami buktikan dalam kecekapan mengurus negeri Selangor dan Pulau Pinang. Kami sedar kerajaan Umno-BN bingung memikirkan akan perkara ini kerana tidak ada dalam 'sifir' dan 'perbendaharaan' kata mereka akan 'penjimatan' kerana sifat itu adalah amat berlawanan dengan tadbir-urus yang sarat dengan rasuah, ketirisan dan pembaziran.

Semoga ini kali terakhir kami membentangkan sebagai "Belanjawan Alternatif" dan sekaligus Bajet terakhir Najib sebagai "Bajet Kerajaan Persekutuan". Insya Allah, tidak ada pilihan buat rakyat untuk "Merawat Derita Rakyat". Sama ada "PH menang atau BN kalah".

Ya, buat PH dan rakyat... Kekalahan bukan lagi satu pilihan! Biiznillah.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

## Tiada lagi keraguan pada Tun M - Ahmad Awang

**ALOR SETAR:** Kesungguhan ditunjukkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bersama Pakatan Harapan untuk menumbangkan kerajaan Datuk Seri Najib Razak dan Umno-BN pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) tidak perlu lagi diragui.

Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang berkata, sekalipun banyak pihak termasuk beliau pada awalnya meragui Tun Mahathir, namun perkara itu sudah tenggelam dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu (PPBM) itu sehingga kini.

"Seawal kemasukan Tun Mahathir bersama Pakatan Harapan, saya masih ada sedikit curiga kerana bimbang beliau akan masuk kembali Umno.

"Namun setelah melalui tempoh yang panjang serta beberapa sahabat yang saya kira murabbi dalam tarbiah secara peribadi bercakap dari hati ke hati dengan Tun,

ternyata tekad dan perjuangan beliau kini adalah untuk menumbangkan Umno dan BN dalam PRU14," katanya.

Ahmad berkata, jika mahu diambil kira, banyak kisah beliau dengan Tun M sewaktu beliau berkhidmat di Pusat Islam yang kini telah dijenamakan sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Namun segalanya telah berubah, siapa sangka mereka yang menjadi musuh, diujung usianya menjadi teman seperjuangan dan mereka yang sejak muda dalam satu tarbiah memilih untuk bermusuhan dan berdendam," katanya.

Sementara itu beliau mengingatkan semua pihak untuk melihat pengajaran di sebalik ayat 216 dalam surah Al-Baqarah yang antara lain bermaksud:

"Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahuinya."



**Ustaz Ahmad Awang menyambut salam Tun Mahathir semasa program Kenduri Rakyat anjuran AMANAH di Dataran Stargate, Alor Setar.**

# Malam Gong Langkasuka

Oleh **HUSEIN MAHAT**

Foto **WAN ZAHARI SALLEH**

**A**LOR SETAR: Konvensyen AMANAH Nasional yang berlangsung di Alor Setar 21 dan 22 Okt lalu diserikan dengan program santai, Malam Gong Langkasuka.

Sungguhpun Stadium Darul Aman yang terletak beberapa kilometer daripada lokasi konvensyen dipenuhi ribuan peminat bolasepak yang menyaksikan perlawanan separuh akhir kedua Piala Malaysia antara pasukan Kedah dan Felda United, dewan teater di tingkat enam hotel lokasi konvensyen tetap penuh dengan hadirin yang terdiri daripada perwakilan dan pemerhati.

Program dihoskan bersama Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Morib Hasnul Baharuddin.

Mengakui tidak berpengalaman mengacarakan persembahan pentas, namun dua pemimpin AMANAH Nasional itu berjaya memudahcarakan majlis dengan celoteh dan puisi disulami maklumat dan fakta.

"Kami pun tak tahu mengapa diberi tugas ini. Mungkin kerana kami berdua jarang bercakap dalam mesyuarat," kata

Hasnul berseloroh.

Malam Ahad itu, hadirin dihiburkan dengan nyanyian dua artis jemputan Tok Ki dan Aishah Ariffin dengan diselang seli bacaan puisi.

Ketua Wanita AMANAH Johor Norhayati Bachok memulakan acara dengan bacaan puisi.

Aishah yang juga ahli jawatankuasa AMANAH Nasional kemudiannya tampil dengan lagu Bahtera Merdeka.

Tok Ki muncul dengan lagu rentak Nusantara yang pernah menjadi popular satu masa dulu. Setelah menyampaikan satu lagi lagu, penyanyi itu bermurah hati mendedangkan lagu yang baru dirakam khusus untuk hadirin.

Diselangi persembahan Tok Ki, Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir tampil membacakan sajak dengan penuh semangat.

Aishah sekali lagi dijemput Raja Bahrin untuk menyampaikan lagu dan kali ini menyanyikan lagu hitsnya Janji Manismu.

"Lagu ini mungkin berkaitan dengan janji manis politik yang tidak tertunai," kata Raja Bahrin sebelum memberi ruang kepada Aishah di pentas.

Malam Gong Langkasuka ditutup dengan bacaan sajak oleh Sasterawan Negara Datuk Seri A Samad Said.



Para pemimpin utama AMANAH turut hadir mengikuti persembahan pentas.



Aishah mendendangkan dua lagu.



Pak Samad mendeklamasikan sajak.



Raja Bahrin dan Hasnul mampu menghidupkan majlis.



Tok Ki menyampaikan lagunya dengan penuh perasaan.



Mohd Anuar Tahir bersemangat mendeklamasikan sajak.

# Tun Mahathir yakin Pas akan sertai Umno

**ALOR SETAR:** Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Mahathir Mohamad menjangkakan Pas akan menyertai Umno pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya fikir akhirnya (Pas) akan menyertai Umno," ujarnya pada sidang media sempena Konvensyen AMANAH Nasional dekat sini, 21 Okt lalu.

Ditanya tentang status permohonan pendaftaran Pakatan Harapan, Mahathir menganggap pihak kerajaan takut dengan blok pembangkang itu.

"Tulis surat tak jawab sama ada dia bisu atau peka tidak tahulah. Nampak perasaan



takut sangat kepada Pakatan Harapan," katanya.

Turut dipersoalkan bekas Perdana Menteri itu adalah kegagalan pemimpin Pas menjelaskan sama ada mereka yang menentang Pas boleh digolongkan sebagai kafir.

"Orang di luar Pas ini kafir atau tidak, tak boleh jawab. Kita nak tahulah sebab kafirkan

orang ini satu perkara yang serius," ujarnya lagi.

Untuk rekod, Mahathir pada September lalu mengemukakan lapan soalan kepada Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berhubung isu tersebut.

Sementara itu, Presiden AMANAH Mohamad Sabu memaklumkan tentang agihan kerusi pilihan raya yang sedang dalam proses rundingan.

"Beberapa perkara pertindihan sedang berjalan (ditangani) baik," jelas Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi Pakatan Harapan itu.



Mohamad memeriksa perbarisan anggota ARiF pada majlis perasmian Konvensyen AMANAH Nasional.

## AMANAH bakal punya 156 kawasan, 628 cawangan

**SETIAUSAHA** Agung AMANAH, Mohd Anuar Tahir mengumumkan parti itu bakal mempunyai 156 kawasan di seluruh negara.

Menurutnya, 153 kawasan sudah berdaftar manakala tiga kawasan lagi dalam tempoh mendapatkan kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS).

"Kita sudah memiliki 364 cawangan

dan sedang menanti kelulusan 264 cawangan lain menjadikan kesemuanya selepas konvensyen ini sebanyak 628 kawasan," jelasnya.

Beliau berkata demikian dalam pembuka tirai ucapan sempena Konvensyen Nasional 2017 AMANAH 21 Okt lalu di sebuah hotel di Alor Setar, Kedah.

Anuar juga memberitahu An-

gkatan Wanita Amanah Nasional (AWAN) telah diwujudkan di 12 negeri dan 28 kawasan manakala 25 lagi bakal didaftarkan menjadikan kesemuanya 53 Awan kawasan di seluruh negara.

Perkembangan Pemuda AMANAH pula, ujarnya menyaksikan penubuhan sayap parti itu di 12 negeri dengan kekuatan 36 Pemuda AMANAH

kawasan.

"Permohonan 20 kawasan lagi akan menjadikan Pemuda mempunyai 56 kawasan selepas konvensyen ini," ujarnya.

Sementara itu, sayap baharu AMANAH iaitu Wanita Muda (Wardah) telah ditubuhkan di dua negeri dengan enam kawasan kesemuanya.

"Ini perkembangan yang membanggakan. Ingat, ini dalam tempoh dua tahun saja," ujarnya lagi.

Beliau turut mengucapkan penghargaan kepada seluruh ahli AMANAH di atas penganjuran ceramah Rapat Umum dan Kenduri Rakyat pada 20 Okt di Dataran Star-gate, Alor Setar yang dihadiri ribuan hadirin.

## 4 pemimpin Pas hadir Konvensyen AMANAH

**KONVENSYEN** Nasional 2017 Parti Amanah Negara (AMANAH) 21 Okt lalu menyaksikan kehadiran empat pemimpin Pas.

Mereka ialah Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar serta Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Datuk Ir Amiruddin Hamzah (Anak Bukit) dan Mohd Nasir Mustafa (Kubang Rotan).

Selain itu, Adun Batu Burok, Dr Syed Azman juga diumumkan hadir dalam konvensyen parti Islam itu.

Mereka sejak akhir-akhir ini dilihat mesra AMANAH dan sering menghadiri program anjuran Pakatan Harapan (PH).

Bertemakan 'Menjunjung Amanah Rakyat' acara tahunan kali kedua itu diadakan di Hotel Royale Signature, Alor Setar.

Kesemua pemimpin utama PH turut hadir antaranya Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden Bersatu Tan Sri Muhyiddin



Mohd Nasir dan Ir Amiruddin (satu dan dua dari kiri) hadir pada majlis perasmian konvensyen.

Yassin, Presiden Keadilan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Turut hadir wakil Ikram,

Abim, Parti Keadilan Sejahtera (PKS) Indonesia dan ahli parlimen Sri Lanka.

Konvensyen disertai 898 perwakilan dari seluruh negara.

## Pemerhati Sri Lanka setuju PH ikut Piagam Madinah

**AHLI** Parlimen Sri Lanka Seyed Ali Zahir Moulana berminat menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam yang mampu membawa isu kesederhanaan kaum dan agama dalam sistem pentadbiran negara di rantau Asia.

Justeru beliau berkeyakinan jika Pakatan Harapan (PH) menuruti model negara Islam yang menepati Piagam Madinah, rakyat pelbagai kaum dan agama akan memberikan sokongan padu.

"Saya telah mengikuti lama perkembangan Malaysia terutama bagaimana negara ini mampu mengekalkan secara harmoni hubungan antara kaum dan agama.

"Mungkin ia dilihat mudah kerana negara anda majoriti Islam berbanding di Sri Lanka yang mana masyarakat Islam adalah minoriti.

"Saya melihat AMANAH sebuah parti baharu dan saya juga telah mengenali presiden (Mohamad Sabu) yang telah menjemput saya menghadiri konvensyen ini," ujarnya.

Seyed Ali juga gembira mengikuti pidato



presiden yang disampaikan Mohamad dan mendapati Islam dijadikan teras perjuangan parti.

Mohamad dalam pidatonya ada menyentuh mengenai 'kontrak sosial' yang terkandung dalam Piagam Madinah (Sahifah Madinah) bagi menyatupadukan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

"Di Sri Lanka kami bekerjasama dengan kerajaan sedia ada untuk melakukan reformasi terhadap sistem perundangan, pilihan raya dan kesejahteraan rakyat dalam pelbagai sektor.

"Tetapi di sini (Malaysia) desakan kepada rakyat adalah untuk menukar kerajaan. Apa yang utama adalah mereka (Pakatan Harapan) mahu semua rakyat mendapat keadilan daripada pemerintah hari ini. Itu satu perjuangan.

"Saya juga berasa gembira dengan bekas perdana menteri Malaysia yang mahukan negara ini lebih sukses dan maju dari segi ekonomi dan kehidupan rakyat," ujarnya.

# Gandingkan isu kesusahan hidup dengan kleptokrat

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Penganalisis politik, Hisomuddin Bakar berpendapat kempen anti-kleptokrasi yang merujuk kepada "pemimpin perompak harta negara" perlu disekalikan dengan isu-isu kesusahan hidup rakyat khususnya masyarakat Melayu.

Pengarah Eksekutif Ilham Centre itu berkata, Pakatan Harapan harus bekerja keras kerana pemimpin yang

dikatakan kleptokrat itu tidak mesra kepada pengundi di kawasan pedalaman.

"Namun istilah-istilah jargon (kleptokrat) seperti itu sebenarnya agak kontradik dengan keperluan dan juga desakan hidup yang berlaku di peringkat akar umbi dan kawasan majoriti Melayu yang rata-ratanya miskin.

"Jika kempen Pakatan Harapan menggandingkan isu yang dekat dengan rakyat marhaen, di samping isu rasuah maka tidak mustahil akan

berlaku lonjakan sokongan Melayu," ujarnya dipetik dari akhbar Suara Keadilan Bilangan 346.

Menurutnya, mana-mana kajian melaporkan kelompok yang berada di kawasan majoriti Melayu lebih terkesan dengan isu kesusahan hidup.

Mengulas Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi, 14 Oktober lalu, beliau menyifatkan segmen peserta Melayu yang semakin bertambah mencecah 60 peratus itu memberi petanda baik kepada Paka-

tan Harapan.

Katanya, peranan aktif PPBM telah mengubah landskap sokongan masyarakat Melayu di kawasan-kawasan luar bandar yang sebelum ini dikuasai Umno dan Pas.

Walhal mereka ini, jelasnya kurang peka dengan isu-isu nasional sebelum ini dan enggan menyertai himpunan anjuran pembangkang.

"Dengan adanya parti serpihan dari Umno itu (PPBM) dan sikap Pas yang tidak bersama blok Pakatan Harapan,

ia memberi impak positif kepada pembangkang untuk meraih sokongan di kawasan pedalaman majoriti Melayu," ujarnya.

Walaupun mengakui siri jelajah dan ceramah anjuran Pakatan Harapan sebelum ini bukan pengukur mutlak pengaruh Pakatan Harapan, Hisomuddin berpendapat himpunan di Petaling Jaya itu menggambarkan wujud lonjakan pengaruh pada segmen kawasan yang bermajoriti Melayu.

## AMANAH isi lompong ditinggalkan Pas

**KUALA LUMPUR:** AMANAH berperanan dalam Pakatan Harapan sebagai parti berpaksikan Islam yang amat diperlukan dalam masyarakat majmuk di negara ini, kata Pengarah Strateginya, Dr Dzulkefly Ahmad.

Menurutnya, AMANAH membawa pendekatan Islam yang inklusif bukannya eksklusif dalam usaha mengelak perbalahan agama.

"Orang selalu tanya apa peranan AMANAH dalam Pakatan Harapan? Hadir dan tampilnya Parti Amanah Negara (AMANAH) mengisi lompong dan kekosongan yang ditinggalkan oleh parti lama kami (Pas). Inilah peranan kami.

"Sebenarnya, ini adalah tuntutan pada perjuangan Islam itu sendiri. AMANAH tidak melabel atau menghukum orang dan sifatnya progresif maknanya sentiasa memperbaharui jihad, tajdid dan ijhtihad,"

ujarnya.

Sehubungan itu, AMANAH katanya giat dengan program wacana dan membudayakan dialog.

Menurut beliau, model masyarakat majmuk dapat dilihat pada negara bernama Madinah Al Munawwarah (Bandar Bercahaya) dengan perlembagaan bertulis pertama di dunia.

"Nabi Muhammad menangani masyarakat majmuk dan mengemudi Madinah itu dalam satu kontrak sosial yang pertama di dunia ini (melalui) Sahifah Madinah.

"Ada 23 daripada 47 fasal (Sahifah Madinah) bercakap tentang urusan berkaitan bukan Islam, i tambah bekas Ahli Parlimen Kuala Selangor itu lagi.

Sehubungan itu, pendekatan Islam yang diketengahkan AMANAH, jelasnya, penting bagi menangani unsur-unsur

melampau yang membawa perpecahan agama.

"Tambah pula menjelang pilihan raya ini, saya perhati dan kita saksikan bagaimana isu perkauman dan pertentangan agama akan dijadikan modal untuk menang dan mengekalkan kuasa.

"Sebab itu AMANAH rasa bertanggungjawab meletakkan Islam sebagai rahmah, ehsan, belas, sejahtera untuk semua hinggakan penganut agama lain tidak takut dengan Islam. Mereka rasa selamat dengan Islam," jelasnya.

Bercakap dalam forum disiarkan TV Oren baru-baru ini, Dr Dzulkefly bimbang dengan gejala pelampau atau fasis Islam yang mulai berputik dan perlu ditangani sebelum menjadi tidak terkawal.

## Krisis kepimpinan MAB: Najib digesa beri penjelasan di Parlimen

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diminta memberikan penjelasan berhubung krisis kepimpinan dalam Malaysia Airlines Bhd (MAB), gesa Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil.

Beliau berkata, Najib selaku Pengerusi Khazanah Nasional perlu memberi penjelasan kepada Parlimen kenapa begitu ramai ketua pengarah eksekutif (CEO) MAB bertukar ganti dalam masa singkat.

"Memandangkan kepimpinan MAB kini dalam krisis sedangkan pelan pemulihan diteruskan oleh sebab berbilion ringgit yang dilabur Khazanah ke dalam MAB adalah wang rakyat, maka Najib perlu memberi penjelasan kepada Parlimen.

"Jelaskan apa sebenarnya yang sedang berlaku dalam MAB, mengapa begitu ramai CEO telah bertukar ganti dalam masa cukup singkat dan apa langkah-langkah syarikat penerbangan tersebut untuk memastikan ia akan pulih sepenuhnya menjelang 2019," katanya

dalam satu kenyataan.

Katanya, pengumuman CEO MAB, Peter Bellew untuk meninggalkan syarikat penerbangan negara cukup mengejutkan dan lebih memeranjatkan kenyataan itu dibuat bekas majikan beliau, RyanAir Holdings PLC.

"Apa yang lebih memeranjatkan adalah pada 27 September lalu, Peter dilaporkan gembira untuk terus berada di Malaysia dan usaha mengembalikan kegemilangan MAB adalah 'kejayaan terbesar hidup saya'.

"Berhentinya Peter mewujudkan persepsi bahawa Pelan Pemulihan MAB bernilai RM6 bilion yang diumumkan Khazanah Nasional pada 2014 mungkin terkesan secara negatif, kerana beliau merupakan CEO ketiga yang meninggalkan MAB dalam masa dua tahun," katanya.

Fahmi mendakwa, tanda-tanda perbalahan pendapat antara Peter dengan pemegang saham MAB kelihatan jelas berdasarkan respons CEO

terhadap pengumuman Najib di White House berkenaan pembelian kapal terbang Boeing berjumlah US\$10 bilion dalam tempoh lima tahun.

"Namun usaha Najib untuk membantu ekonomi Amerika mungkin menjadi penyebab Peter memilih untuk meninggalkan MAB.

"Seminggu selepas pengumuman Najib itu, media melaporkan Peter sebagai berkata kapal terbang itu tidak akan dimiliki MAB tetapi akan disewa. Ia merupakan norma mana-mana syarikat penerbangan moden. Ini bercanggah dengan pengumuman Najib," katanya.

Tambah beliau, perbezaan ini mengakibatkan pendirian Peter tidak disenangi sesetengah pihak.

"Apakah perbezaan ini juga telah mengakibatkan sekutu rapat Najib, Habibul Rahman Kadir Shah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif MAB, sebagai satu cara memastikan kenyataan-kenyataan Bellew dapat dikawal?" soalnya.

## Akta baharu pembiayaan politik boleh disalah guna



**KERAJAAN** perlu memberi keutamaan kepada ketelusan Parlimen dan memperkukuh aspek penyiasatan, pendakwaan, serta pelaksanaan undang-undang berhubung salah laku pilihan raya di Malaysia berbanding mewujudkan peraturan baharu pembiayaan politik.

Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar berkata, tanpa tindakan ini, peraturan baharu hanya akan dimainkan untuk mendakwa ahli politik pembangkang melalui kaedah undang-undang yang 'sah' bagi matlamat yang salah.

"Peningkatan ketelusan dan persaingan pilihan raya yang adil adalah sasaran Keadilan dan Pakatan Harapan dalam mengejar Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi yang mampu mengutamakan keadilan buat rakyat.

"Malangnya, seperti yang selalu dapat kita lihat, undang-undang baharu yang diturunkan kepada cabang eksekutif kerajaan BN acap kali disalahgunakan untuk mengekang serta menyerang pihak pembangkang dan mana-mana pihak lain yang mengkritik dasar kerajaan yang boros, tiris, rasuah dan menambah bebanan ekonomi rakyat.

"Oleh itu, saya amat meragui keputusan Jemaah Kabinet yang terburu-buru memberi kebenaran agar Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik (PDEA) dibentangkan di Parlimen," ujarnya dalam satu kenyataan.

## Tarik balik anugerah Jamal Md Yunos

**PRESIDEN** Persatuan Patriot Kebangsaan Brig Jeneral (B) Datuk Mohd Arshad Raji berkata, desakan persatuan itu agar anugerah Ahli Kehormat Kelab Komando yang diberikan kepada Datuk Seri Jamal Md Yunos ditarik balik adalah bagi menjaga naik baik Kelab Komando Veteran.

"Ingin kami nyatakan bahawa kami membawa isu ini semata-mata bagi menjaga nama baik Kelab Komando Veteran, dan anugerah yang diberikan itu perlulah dijaga dengan baik dan terhormat.

"Begitu juga dengan gelaran Datuk Seri dan Datuk yang telah dianugerahkan oleh Sultan Pahang.

"Kami ingin ingatkan pada Jamal Yunos bahawa Sultan Johor adalah Kolonel Yang DiPertua Rejimen Komando, dan saya percaya Sultan Johor yang juga telah mengikuti latihan komando di Amerika Syarikat, dan kami yakin baginda tidak akan berkenan dengan tindakan Jamal Yunos itu.

"Sekiranya Jamal Yunos tidak memegang anugerah Ahli Kehormat Kelab Komando, kami tidak akan memperdulikan tindakan Jamal Yunos itu," ujarnya kepada Malaysia Dateline.

Arshad pada 12 Oktober lalu mengeluarkan kenyataan melahirkan kebimbangan dengan telatah Pengerusi Gerakan NGO Malaysia itu yang boleh mengundang teladan tidak baik kepada golongan belia dan memberi kesan buruk kepada perpaduan negara.

# Warna-warni Konven AMANAHA Nasional ke

Pemimpin utama AMANAH dan tetamu kehormat di majlis perasmian Konvensyen AMANAH Nasional.



Suasana di majlis perasmian Konvensyen AMANAH Nasional.



Sebahagian anggota Awan di majlis perasmian konvensyen.



Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Abdullah menyerahkan kampil beras AMANAH kepada Timbalan Speaker, Yuhaizad Abdullah.



Seorang perwakilan meneliti laporan tahunan.



Antara aksi perwakilan yang sempat dirakam ketika berlangsung.



# nsyen e-2



SN Datuk Seri A Samad Said memperkatakan sesuatu kepada Tun Mahathir Mohamad sambil diperhatikan Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang.



Dua tunggak utama AMANAH tekun mengikuti perbahasan.



Mohamad menyampaikan Pidato Presiden.



Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub menggulung perbahasan.



Pelancaran lagu rasmi ARIF.



Naib Ketua AMANAH Kuala Kangsar Dr Ahmad Termizi Ramli bertanya khabar tetamu wakil PPP Indonesia, M Zainul Arifin dan Indra Hakim.

perbahasan

# AMANAHAH peduli hak anak muda

**T**imbangan Ketua Pemuda AMANAHAH Nasional, Faiz Fadzil berpendapat, tiga usul berkaitan pendidikan, perumahan dan pekerjaan yang diluluskan pada konvensyen lalu bukti kepentingan anak muda tidak sama sekali dikompromi.

Menurutnya, AMANAHAH bukan sekadar berbincang tentang politik Pakatan Harapan semata-mata sebaliknya turut peduli dengan hal berkaitan hak dan keadilan terhadap golongan muda bagi mencapai kehidupan lebih makmur dan sejahtera.

"Dakwaan pihak tertentu kononnya AMANAHAH gagal memperjuangkan masa depan anak muda yang lebih baik tidak benar jika perbincangan usul pada hari kedua Konvensyen AMANAHAH yang lepas diikuti sehingga selesai.

"Boleh rujuk semula pada media AMANAHAH bahkan rakaman perbincangan tentang usul berkaitan pendidikan, perumahan serta pekerjaan itu pun sudah dimuat naik dan boleh dilayari di laman Youtube," ujarnya kepada akhbar mingguan Amanah.

Konvensyen Nasional AMANAHAH 2017 di Alor Setar pada 20 hingga 22 Oktober lalu menyaksikan usul berkaitan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), harga rumah mampu milik serta menangani kebanjiran pendatang tanpa asing antara enam usul yang dibahas perwakilan dan diluluskan.

Selain itu, 31 usul diluluskan tanpa bahas seperti diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Usul Konvensyen yang juga Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad.

Usul memansuhkan pinjaman PTPTN yang selama ini membebankan graduan universiti dengan hutang pengajian dibawa oleh perwakilan Pulau Pinang sebelum dibahaskan wakil Bukit Gelugor, Fadzil Abdullah.

Usul itu kemudiannya dipersetujui majoriti perwakilan dengan pindaan bagi tujuan pengukuhan selepas perbincangan wakil Pemuda AMANAHAH Nasional, Zubair Rahim dan Ammar Atan serta wakil Hulu Langat, Rosman Abu Samah.

Menurut Zubair, pihaknya konsisten memperjuangkan pendidikan percuma pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dengan saranan agar bagi



Faiz Fadzil (tengah) bersama Ketua Pemuda AMANAHAH Terengganu, Hasbie Muda (kiri) dan Ketua Pemuda AMANAHAH Melaka, Syafiq Azmi pada Konvensyen Nasional AMANAHAH 2017.

jangka pendek hanya graduan yang sudah memperoleh pendapatan bersih mencecah RM4,000 sebulan diwajibkan membayar semula hutang pinjaman masing-masing.

"Kami setuju dengan usul dikemukakan Pulau Pinang tetapi dari segi teknikal ada pindaan kami cadangkan memandangkan reformasi pendidikan perlu dibuat secara bertahap.

"Hal ini kerana kesan bebanan PTPTN kepada anak muda mendapati lebih 53 peratus peminjam PTPTN mempunyai pendapatan RM1,900 sebulan.

"Kadar gaji graduan baru agak tidak banyak berubah selama lebih 10 tahun walaupun kos hidup meningkat. Maka, satu penyelesaian perlu diambil Pakatan Harapan.

"Anak-anak muda dibebani PTPTN setelah enam bulan selepas bergraduasi. Nak bayar (hutang) bagaimana? Jarang (mereka) dapat kerja dalam tempoh kurang enam bulan.

"Akibatnya, nama mereka disenaraihitam dalam CCRIS (Sistem Rujukan Maklumat Kredit Berpusat) dan Imigresen. Mereka dibebankan dengan rekod kewangan yang buruk," bahasnya.

Sehubungan itu, Pemuda mencadangkan,

ujarnya, supaya beberapa pindaan dibuat kepada usul Pulau Pinang iaitu pembayaran hanya wajib selepas pendapatan peminjam PTPTN mempunyai pendapatan bulanan berjumlah RM4,000 setelah ditolak cukai selain penghapusan kadar faedah seperti diamalkan di Australia.

"Pinjam RM10,000, pulang balik RM10,000. Hapuskan penggunaan CCRIS dan sekatan Imigresen kepada peminjam yang baharu bergraduasi dan mempunyai pendapatan bulanan kurang RM4,000," jelas Zubair lagi.

Bagaimanapun, Rosman kemudiannya tidak bersetuju dengan pindaan oleh Pemuda itu kerana menyifatkan sebagai tidak bertanggungjawab.

"Selepas empat, lima tahun (kerja) baru bayar PTPTN. Bagi kami, ini tidak amanah. Mana integriti kita? Apabila kita berhutang hendaklah bayar sama ada sedikit atau banyak bergantung pada perbincangan dengan pihak PTPTN," katanya.

Bagaimanapun, Ammar seterusnya menjelaskan saranan Pemuda tentang angka RM4,000 itu sebagai tanda aras kerana realiti sosio-ekonomi yang dihadapi rakyat pada masa ini.

"Kami suruh bayar selepas gaji melepasi kos

sara hidup lain. Hutang (dengan PTPTN) akan dibayar selepas memperoleh gaji yang seeloknya. Kenapa PTPTN kenakan caj satu peratus?

"Kita boleh tahu gaji sebenar rakyat. Tiada masalah untuk mengejar peminjam PTPTN yang gagal melunaskan (hutang). Realiti hari ini, anak muda kena paksa bayar hutang sedangkan mereka tiada pilihan lain (untuk membiayai pengajian) selain PTPTN," tambah Ammar lagi.

## PEKERJA ASING

Sementara itu, usul bagi mendesak kerajaan menggiatkan operasi pembersihan pendatang asing tanpa izin dan menjalankan dasar pengurangan penggantungan pekerja asing secara berperingkat juga dipersetujui majoriti perwakilan.

Usul yang dicadangkan Faiz kemudiannya disokong perwakilan Tebrau, Khalidi Ramli dan dibahaskan perwakilan Perak, Richard Wong dari Pasir Salak.

Faiz berpendapat pekerja asing bukan sahaja menguasai sektor buruh bahkan mereka pada masa ini telah menguasai bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

"Lihat saja di pasar-pasar, gedung beli-belah dan kedai runcit. Kebanyakannya dikuasai warga asing. Mereka datang dengan permit pekerja tetapi akhirnya mereka sekarang menjadi tauke di negara kita.

"Kalau tahun 2015, pengaliran keluar mata wang ringgit sebanyak RM34.7 bilion, Pemuda AMANAHAH bimbang kalau hal ini tidak dibendung, pengaliran wang kita akan meningkat dan ini akan menyebabkan ekonomi rakyat Malaysia semakin mundur," tegasnya.

Beliau juga memberitahu kadar pengangguran dalam kalangan anak muda pada masa ini hampir 10.7 peratus termasuk melibatkan graduan.

"Kalau tiada peluang pekerjaan, bagaimana untuk kita mengharap kebangkitan rakyat Malaysia bersama-sama membina negara yang baru. Masalah sosial dan kemiskinan akan bertambah serta menyebabkan jenayah semakin banyak," tambah peguam itu lagi.

# Takut berubah padahal realiti parah

Oleh ARIF ATAN

**W**ALAU dihentak segenap sudut oleh rejim Umno-BN dengan bantuan 'tongkat' Pas, Pakatan Harapan tetap tampil menawarkan kepada rakyat belanjawan berhemah dua hari sebelum Presiden Umno membentangkan Bajet 2018.

Jika dicermati intipati Belanjawan Alternatif Malaysia 2018, dapat dilihat semangat bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran golongan muda pada masa depan.

Paling ketara penekanan kepada urus tadbir yang baik dan iltizam menghapuskan rasuah dengan jangkaan dapat menyelamatkan RM20 bilion dana awam.

Bertepatan dengan tema belanjawan Pakatan Harapan 2018 - 'Belanja Berhemah, Potong Cukai, Pilih Harapan', polisi fiskal yang merombak dasar hasil dan perbelanjaan menyaksikan tekad untuk berbelanja lebih rendah berbanding kerajaan Persekutuan.

Belanjawan Jabatan Perdana Menteri yang disifatkan sebagai mewah sehingga mencecah sebanyak RM15.9 bilion pada 2017 akan dikurangkan kepada sekitar RM8 bilion pada 2018.

Bahkan, dalam tempoh tiga tahun berikutnya, Pakatan Harapan akan mengecilkan peruntukan kepada RM5 bilion dalam usaha menangani pembaziran.

Tidak hairanlah, Pakatan Harapan berani meletakkan perbelanjaan

pada paras RM258.52 bilion dengan perbelanjaan mengurus sebanyak 77 peratus dan perbelanjaan pembangunan 23 peratus.

Pada ketika kerajaan memaksa lulus undang-undang baharu untuk memperkenalkan cukai pelancongan dan meningkatkan denda, yuran dan penalti, Pakatan Harapan sebaliknya bertekad menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Penegasan terhadap rejim cukai regresif yang menindas rakyat itu konsisten kerana Pakatan Harapan akan melaksanakan kadar sifar ke atas kebanyakan barangan serta kembali kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Subsidi petrol bakal dikembalikan

dengan cadangan Pakatan Harapan supaya subsidi bahan api sekitar RM1 bilion untuk tahun depan yang membawa kepada pengurangan harga sebanyak 20 sen seliter bagi 5.4 bilion liter petrol bersubsidi.

Menyedari tahap hutang isi rumah mencecah hampir 90 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Pakatan Harapan menyasarkan penurunan sehingga ke paras 75 peratus bagi tempoh satu penggal pertama pentadbiran di Putrajaya.

Pinjaman hartanah dan kereta yang menjadi dua komponen hutang isi rumah terbesar akan menjadi keutamaan Pakatan Harapan untuk ditangani dengan panduan Bank Negara Malaysia (BNM).

Janji Pakatan Harapan untuk menaikkan gaji minimum kepada RM1,500 sebulan di seluruh negara pastinya tidak harus dipandang sepi oleh anak muda yang rata-rata tertekan dengan kos sara hidup tinggi mutakhir ini.

Janji Pakatan Harapan sudah dicatitkan. Tidak timbul syak wasangka 'kalau dapat kuasa, entah-entah tak buat' ketika peluang Pakatan Harapan mara ke Putrajaya tidak pernah diberi walaupun sekali.

Usah mencipta pelbagai jenis sangkaan buruk jika AMANAHAH, Bersatu, DAP dan PKR mendapat mandat pada PRU-14 sehingga takut untuk berubah ketika rejim Umno-BN terbukti membebaskan rakyat dengan segala bentuk korupsi dan kleptokrasi.

# Kesedaran mengundi mahasiswa rendah

Kelolaan ARIF ATAN

**P**eratusan mahasiswa yang keluar mengundi dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2017/2018 universiti awam (UA) rata-ratanya dilihat masih tidak memuaskan.

Bahkan, beberapa UA yang jauh lebih tua usianya dan dikenali dengan aktivisme mahasiswa turut mencatat peratusan mengundi yang relatif rendah.

Universiti Malaya (UM) menyaksikan hanya 64.97 peratus pelajarinya keluar mengundi diikuti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 58.11 peratus dan Universiti Sains Malaysia (USM) cuma 47.89 peratus.

Jauh daripada merayakan demokrasi kampus apabila



terdapat UA yang menyaksikan semua kerusi dimenangi tanpa bertanding lantaran tiada sesi pemilihan diadakan seperti berlaku di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Hanya dua UA sahaja setakat ini mencatat pelajar keluar mengundi yang baik dengan paling tinggi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebanyak 82.58 peratus.

Rekod seterusnya dipegang Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan sebanyak 82.0 peratus keluar mengundi apabila pihak pentadbiran memberi kelonggaran termasuk pelepasan

kuliah dan mem-banyakkan tempat mengundi.

Pola rendahnya kesedaran mahasiswa tentang tanggungjawab mengundi dibimbangi berlanjutan selepas mereka menamatkan pengajian seperti disuarakan Naib

Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau dilapor berkata, mahasiswa sebaik tamat pengajian sepatutnya telah memiliki kesedaran maksimum untuk menjalankan tanggungjawab mengundi pada peringkat

negara yang mempunyai impak amat penting.

Menurutnya, mahasiswa harus memberi komitmen pada tang-

gungjawab mengundi kerana acuan kepimpinan akan mempengaruhi mereka secara langsung kelak.

Sehubungan itu,

tegasnya, pembabitan ramai rakyat adalah penting bagi menjayakan agenda kebajikan oleh pemimpin yang dipilih.

## Peratusan Pelajar Mengundi Sesi 2017/2018

Universiti	Peratus (%)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	83
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	82
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	70
Universiti Malaya (UM)	65
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	58
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	50
Universiti Sains Malaysia (USM)	48
* Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	-
* Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	-

\*Tiada PRK, semua kerusi dimenangi tanpa bertanding.



Kesepakatan tiga gerakan mahasiswa di UM dengan sembilan tawaran masih gagal memenangi hati majoriti penuntut.

## 'Pas Kampus' dominasi di UIA, UKM

### PERTUBUHAN

Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) menyifatkan buat kesekian kalinya We Unite For Islam (Wufi) yang sinonim dengan Pas menguasai Univer-

siti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada setiap kali keputusan Pilihan Raya Kampus (PRK).

Exco Antarabangsa PKPIM Pusat, Halmie Azrie Abdul Halim dipetik berkata, proksi-proksi di bawah seliaan Wufi selama ini menjadi kubu kukuh buat pihak oposisi di UIAM yang akan berdepan dengan pencabar dari pelbagai aliran berbeza setiap tahun.

Walau bagaimanapun, beliau berpendapat, wujud perubahan sikap yang ketara oleh pihak Wufi-Gamis (Pas) mutakhir ini dalam memaparkan imej lebih lunak dan mesra dengan pihak pentadbiran universiti berbanding kempen terdahulu.

"Lantaran cubaan bereksperimentasi pendekatan, mengambil ibrah dari strategi awal PKPIM (ABIM) pada sekitar era penghujung 70-an, 80-an dan awal 90-an serta taktik yang pernah digu-



napakai oleh Belia Harmoni (IKRAM) dan juga Pembina (Isma) dalam beberapa tahun kebelakangan ini," jelasnya.

Menurutnya, pelbagai pendekatan

propaganda atau mainan perang saraf dan muslihat daripada ketua-ketua jentera dalam meraih sokongan dari mahasiswa dilakukan.

Antaranya, termasuklah cubaan memakai gelaran pihak 'berkecuali', slogan-slogan beretorika, manifesto 'kitar semula', acara-acara muhibah untuk memaparkan 'perpaduan' dan aksi-aksi 'politik kosmetik'.

Difahamkan, Wufi yang wujud sejak daripada awal penubuhan UIAM lagi akan menghantar calon bertanding kecuali pada 2006 apabila gerakan mahasiswa itu memboikot PRK.

Sementara itu, bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Halmie berpandangan pertarungan jelas berlaku antara dominasi Aspirasi UKM (Umno) menentang Inspirasi UKM (Pas).

"Masing-masing melalui proses penyusunan semula tersendiri setelah beberapa kisah krisis

dalam juga sebelum ini, dan kelihatan kelibat beberapa calon bebas mencuba nasib bertanding memandangkan organisasi-organisasi lain seolah-olah tenggelam.

"Antara topik utama yang masih timbul adalah perihal urusan tadbir atau pengelolaan pilihan raya yang dipertikai sebagai kurang telus, perbuatan samseng, gerak kerja kempen yang beremosi hingga hilang rasional dan juga kualiti calon-calon berserta tawaran manifesto yang memalukan," bidasnya.

Berbanding universiti awam (UA) utama lain, beliau mengangap suasana PRK di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) jauh lebih terbuka luas dan kurang konflik atau kontroversi dengan persaingan lebih tertumpu kepada gaya penampilan calon.

Jelas Halmie lagi, calon bertanding di USIM dinilai sama ada menepati tuntutan piawai Islamik yang ideal dengan umumnya dimiliki pada golongan warga usrah yang menumpukan aspek tarbiyah dan akhlak seperti Gamis (Pas), Pembina (Isma) dan Belia Harmoni (IKRAM).

## Sepintas

### Cuaca panas terik

**P**rofesor Klimatologi dan Oseanografi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fredolin Tangang @Tajudin Mahmud berkata, cuaca panas terik di Semenanjung susulan tempias Taufan Lan yang menggegarkan timur Filipina.

Mengulas fenomena cuaca panas kering yang dianggarkan melebihi 33 darjah celsius itu, jelasnya, Semenanjung menjadi kurang berawan, cuaca stabil dan insolasi iaitu radiasi pancaran matahari serta suhu meningkat.

Menurutnya dipetik berkata, keadaan cuaca akan kembali stabil apabila musim peralihan monsun kembali yang menyebabkan keadaan dijangka berawan dan hujan pada lewat petang.

Walau bagaimanapun, berbeza di Sabah, Labuan dan Sarawak, wilayah tersebut menerima hujan lebat dan angin kencang berterusan akibat 'tempias' Taufan Lan.

### Murung di media sosial

**P**ensyarah Kanan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Jasy Liew Suet Yan membangunkan sistem mengesan tanda kemurungan dengan menganalisis corak emosi pada luahan individu di media sosial.

Dr Suet Yan, 32, dari Pusat Pengajian Sains Komputer itu dilapor berkata, sistem pengesanan emosi automatik akan mengenal pasti isyarat linguistik yang dikaitkan dengan kemurungan.

Inovasi dalam usaha mengawal emosi berdasarkan teks, bicara serta paparan ditulis individu itu menerima pengiktirafan Anugerah L'Oreal - Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi Wanita dalam Sains 2017.

Sehubungan itu, beliau berkata, sistem pengesanan tanda kemurungan itu akan berterusan dimantapkan menggunakan geran anugerah tersebut bagi menangani masalah kesihatan mental dalam masyarakat.



Dr Jasy Liew Suet Yan

### Serampang empat mata

**T**erdapat hanya lima peratus iaitu 131 orang daripada lebih 2,716 profesor di negara ini yang dikategorikan sebagai Profesor Muda iaitu berada pada usia bawah 45 tahun.

Menurut Profesor di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Azizuddin Sani, negara ini mempunyai hampir 60,000 warga akademik dari universiti awam dan swasta.

Jelasnya dipetik berkata, peranan profesor muda adalah signifikan dan penting terutama dalam usaha Malaysia meneroka Revolusi Industri 4.0 yang giat berlangsung pada masa ini.

Profesor muda, ujan, perlu ke arah penyelidikan bersifat serampang empat

# Cabaran, gugatan parti masa depan

Oleh ZIN MAHMUD

**A**HAD lalu, AMANAH mengadakan konvensyen nasional tahunan keduanya di Alor Setar. Tahun lalu, ia diadakan di Shah Alam. Dijangka inilah konvensyen terakhir sebelum pilihan raya umum (PRU) ke-14 yang mungkin diadakan pada tahun depan.

Terdapat tanda-tanda berlakunya kejenuhan berpolitik. Tidak ada pengumuman atau kejutan baharu. Mana tidaknya, baru seminggu lalu, lebih kurang pemimpin yang sama berhimpun di Petaling Jaya dalam hentian akhir rangkaian jelajah kempen "Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi".

Apa yang hendak dicakapkan sudah dicakapkan. Sekarang, apa yang diperlukan adalah undi rakyat.

Sementara aktivis Amanah sendiri pula sudah bergerak sejak 2 tahun ia ditubuhkan. Sebelum itu, mereka juga sibuk bekerja untuk Pas dan Pakatan Rakyat.

PRU ke-14 ini akan menentukan kedudukan AMANAH dalam politik negara. Sama ada ia akan mengikut jejak parti serpihan dahulu yang hilang ditelan zaman, atau dapat bertahan dan melakar wajah baharu politik negara.

Walaupun konvensyen ini tidak mengemparkan dan menarik perhatian besar rakyat negara ini tetapi ia mempunyai keistimewaan tersendiri, lebih baik daripada majlis yang sama tahun lalu.

Ini kerana, bersamanya terdapat Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada tahun lalu, PH belum distrukturkan semula dengan Dr Mahathir sebagai pengerusi. Kali ini ia lebih jelas, padu dan berfokus dengan AMANAH mempunyai peranan penting sebagai parti yang mewakili politik Islam.

Aktivis AMANAH Kedah yang pada satu masa merupakan ahli Pas adalah antara mereka yang memenangi dan memimpin Kedah dari tahun 2008 hingga 2013. Di Kedah inilah juga bibit-bibit asas AMANAH muncul dalam bentuk kumpulan yang kritikal terhadap pucuk pemimpin Pas apabila berlaku krisis mempertikaikan menteri besar Pakatan Rakyat, Tan Sri Azizan Abdul Razak.

Golongan inilah yang mula menubuhkan Persatuan Ummah Sejahtera Malaysia (PasMa) yang mempertahankan Pakatan Rakyat ketika mana Pas mahu meruntuhkannya melalui perselisihannya dengan DAP. Penyokong PasMa yang merupakan ahli Pas umumnya kemudian menyertai AMANAH.

Pas yang tidak pernah memenangi Kedah hanya mampu mencapainya pada tahun 2008 kerana antara lain ia bekerjasama dengan DAP dan disokong oleh PKR. Inilah sering diingatkan oleh golongan progresif Pas dan PasMa kepada pucuk pimpinan parti itu, tetapi ia tidak diendahkan.

Kalau dalam Pakatan Rakyat dahulu, Pas merupakan parti utama dan dapat menerajui negeri itu, tetapi AMANAH tidak akan dapat kedudukan seumpama itu. Ini kerana PPBM yang akan menjadi parti utama.

Pada perkiraan awal ketika ditubuhkan pada tahun 2015, AMANAH melihat dirinya sebagai pengganti Pas dalam PH. Maknanya ia akan bertanding di kawasan yang Pas tanding dahulu ketika dalam Pakatan Rakyat.

Maka kalau dahulu, Pas diperuntukkan kerajaan negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis, tetapi kedudukan itu tidak boleh diwarisi oleh AMANAH. Malah di Selangor, yang sepatutnya kerajaan Pakatan Rakyat diubah menjadi kerajaan PH pun tidak berlaku.

Ini kerana harapan supaya separuh dari-

pada Pas menyertai AMANAH tidak menjadi kenyataan. Ia tinggal harapan dengan AMANAH menjadi lebih kecil.

Ditambah lagi dengan kehadiran PPBM, AMANAH tidak boleh mewarisi Pas dengan begitu saja. Ia harus menerima PPBM dan perkara ini menjadi ketara di Kedah.

Mungkin AMANAH boleh mengharapkan Perlis, negeri Setiausaha Agung AMANAH, Anuar Tahir. Perlis juga mempunyai seorang mufti yang dilihat sebagai seorang ulama "progresif".

AMANAH ada peluang menerajui Johor. Tetapi jika negeri itu jatuh ke PH, parti utama yang menerajui negeri itu mungkin adalah PPBM.

Johor adalah negeri presiden PPBM yang pernah menjadi menteri besar negeri itu. Kedudukan Johor adalah seperti Kedah bagi AMANAH.

Tetapi PPBM adalah seperti AMANAH yang mana PRU ke-14 ini akan menentukan sama ada ia dapat kekal lama dalam politik Malaysia.

Dalam sejarah Semenanjung Malaysia, parti serpihan sukar bertapak. Namun begitu, ada juga yang dapat bertahan lama.

Pas, Gerakan dan PKR adalah contoh parti serpihan yang bertahan lama. Pas adalah parti serpihan Umno walaupun penyertaan aktivis Hizbul Muslimin dan pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) mengubah fahamannya.

Gerakan merupakan parti pecahan MCA. Tetapi penyertaan bekas aktivis Parti Buruh mengubah perwatakannya.

Begitu juga dengan PKR. Ketika awal penubuhannya, Parti Keadilan Nasional menampung banyak aktivis yang bukan Umno. Dengan gabungan bersama Parti Rakyat Malaysia, PKR muncul sebagai parti berbeza daripada Umno.

Tentunya antara persoalan yang timbul

ialah sama ada AMANAH akan dapat mengadakan Konvensyen Nasional Ketiga tahun depan, iaitu selepas pilihan raya, iaitu sekiranya ia gagal bertapak di mana-mana kawasan.

Andaikata ia gagal, adakah ahli-ahlinya akan menyertai Pas semula? Jika pembubaran berlaku, adakah sebahagiannya akan menyertai PKR?

Ini kerana ada pihak menyatakan bahawa dasar PKR dan AMANAH tidak berbeza.

Malah semasa penubuhannya, ada tokoh penyokong pembangkang menyatakan tidakkah wajar golongan progresif PAS menyertai saja PKR dan tidak perlu menubuhkan parti baharu.

Tokoh yang menguruskan pendaftaran Keadilan dahulu adalah orang yang sama dengan orang yang menguruskan pendaftaran AMANAH iaitu Anuar Tahir. Malah dikatakan dasar asal PKR adalah apa yang ada pada AMANAH pada hari ini.

Tetapi AMANAH adalah parti pecahan yang berbeza daripada yang lain. Seringkali parti pecahan ditubuhkan atas dorongan seorang tokoh popular seperti PPBM dengan Dr Mahathir, PKR dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Semangat 46 dengan Tengku Razaleigh Hamzah, Berjasa dengan Datuk Muhamed Nasir dan Hamim dengan Datuk Asri Muda.

Namun AMANAH ditubuhkan bukan kerana ketokohan presidennya, Mohamad Sabu atau penasihatnya, Ahmad Awang. Ia ditubuhkan atas kesepakatan bersama golongan progresif yang melihat kepimpinan Pas menjejaskan jalur perjuangan Islam.

Oleh kerana ia tidak berorientasikan pada seorang tokoh, maka pendokongnya lebih ditarik pada fahamannya, iaitu politik Islam progresif. Slogannya ialah "Rahmatan Lil Alamin", Rahmat Islam untuk sekalian alam. ■

## Daripada ABIM ke AMANAH, perjuangan berterusan

Oleh ABU FIRDAUS

**D**ALAM Konvensyen Nasional tahunan Parti Amanah Negara di Alor Setar, Kedah baru-baru ini, satu resolusi yang menyokong supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi perdana menteri telah diluluskan. Ia bukan perkara baharu dan mengejutkan. Ia merupakan pengesahan perwakilan parti terhadap keputusan pucuk pimpinan untuk menyokong Anwar sebagai ketua kerajaan Malaysia andai kata Pakatan Harapan menang.

Lagipun mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan telah pun membincangkannya, dan ia juga sudah disetujui bahawa Anwar adalah calon bagi perdana menteri. Persetujuan ini turut disokong oleh Pengerusi Pakatan Harapan yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad yang dari tahun 1998 hingga tahun ini adalah memusuhi Anwar.

Tetapi bagi parti lain dalam Pakatan Harapan iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP, Anwar se-

bagai perdana menteri bukanlah suatu isu. Kedua-dua parti itu menyokong Anwar untuk menjadi perdana menteri sejak tahun 1998 lagi apabila gerakan Reformasi dilancarkan.

PKR tentunya menyokong Anwar kerana itulah rasional penubuhan Parti Keadilan Nasional. Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang bergabung dengannya pada tahun 2003 juga menyokong Anwar sejak tahun 1998. PKR menegaskan prinsipnya supaya Anwar dijadikan perdana menteri dalam kongresnya tahun ini. Penegasan itu dibuat ekoran penyertaan PPBM ke dalam Pakatan Harapan.

PAS juga menyokong Anwar sebagai perdana menteri dari tahun 1998 ketika ia dipimpin oleh Datuk Fadzil Nor sehinggalah pada tahun 2015 apabila di bawah pimpinan Datuk Seri Abdul Hadi Awang, parti itu berbalah dengan DAP dan meruntuhkan Pakatan Rakyat.

Ada satu masa golongan yang menyokong Anwar dalam PAS dipanggil Anwarinas. Umumnya

mereka inilah yang keluar PAS dan menubuhkan AMANAH pada tahun 2015.

Tetapi Umno khususnya Dr Mahathir sendiri pernah menyokong Anwar untuk menjadi bakal perdana menteri apabila beliau dipilih sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri dari tahun 1993 hingga 1998. Maka sokongan terhadap Anwar bukanlah perkara baharu.

Dengan keadaan beliau yang dipenjara dua kali, keutuhan populariti Anwar adalah mengagumkan. Rakan-rakan seperjuangannya yang pernah memusuhi turut kembali menjadi penyokongnya.

Banyak pemimpin AMANAH yang pernah berjuang bersama Anwar ketika dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada tahun 1970-an dahulu. Paling ketara ialah Timbalan Penasihat AMANAH, Abdul Ghani Shamsuddin, Presiden AMANAH, Mohamed Sabu dan Setiausaha Agung AMANAH, Anuar Tahir.

ABIM ketika di bawah pimpinan Anwar adalah pelopor kepada

kebangkitan perjuangan Islam kontemporari dengan penyertaan anak-anak muda yang komited.

Dulu perjuangan mereka ini dipanggil gerakan dakwah. Kepada mereka yang pernah melaluizaman itu tentu dapat merasakan nostalgia idealisme perjuangan Islam. Mungkin di sebalik idealisme itu, aktivis-aktivis ABIM itu juga memiliki sifat naif, suatu perkara biasa di kalangan anak-anak muda yang cenderung pada politik di mana-manapun di dunia.

Yang Dipertua Agung Pas ketika itu, Datuk Asri Muda mengesan potensi Anwar dan mengharap beliau menyertai Pas dan bakal menggantikan beliau untuk menerajui parti itu.

Ekoran Demonstrasi Pelajar 1974, Anwar ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Ketika itu Perdana Menteri ialah Tun Razak Hussein dan Menteri Pelajaran ialah Dr Mahathir. Fadzil Nor pula memangku jawatan presiden ABIM.

Kemudian daripada itu pucuk pimpinan ABIM memutuskan

supaya Fadzil Nor, Nakhaie Ahmad dan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman menyertai Pas. Tetapi apabila Dr Mahathir menjadi perdana menteri, Anwar menyertai UMNO dan diikuti dengan beberapa pemimpin ABIM seperti Datuk Kamaruddin Mohd Nor dan Kamaruddin Jaafar. ABIM secara keseluruhan tetap menyokong Anwar.

Namun, Abdul Ghani Shamsuddin memilih untuk aktif dalam Persatuan Ulama Malaysia (PUM) pimpinan Ahmad Awang. Abdul Ghani menjadi timbalan presiden. Itu semua kisah sejarah tetapi bekas pemimpin-pemimpin ABIM terus mencorak politik negara. Walaupun berubah wadah, perjuangan Islam tetap sama. Kini ada antaranya berada dalam PKR, sementara yang lain pula bersama dengan AMANAH. Kamaruddin Mohd Nor kini bersama PPBM. Tetapi ketiga-tiga parti ini, PKR, Amanah dan PPBM bersama dalam satu Pakatan Harapan yang menyokong Anwar sebagai bakal perdana menteri. ■

# Misi besar untuk AMANAH

**ANTARA** faktor besar kepada tertubuhnya Pakatan Harapan adalah perpecahan dalam-an Pas yang melahirkan Gerakan Harapan Baru. Gerakan Harapan Baru kemudiannya menjadi buah mulut orang-orang yang mengikuti perkembangan politik negara. Gerakan Harapan Baru ini akhirnya menjadi Parti Amanah Negara, atau ringkasnya, AMANAH.

Polemik yang ditimbulkan oleh episod ini boleh tahan besarnya. Begitu besar sehingga pakatan pembangkang sendiri mengabdikan perkataan Harapan sebagai nama rasmi untuk gabungan politik mereka. Begitu besar juga sehingga pertembungan antara kedua-dua Pas dan AMANAH masih lagi tidak kunjung habis sehingga hari ini.

Demikian pun, AMANAH yang begitu gah ketika awal kemunculannya kini mulai dilihat sedikit lesu. Polemik dan perbincangan yang muncul seperti zaman tertubuhnya Amanah sudah beransur hilang. Keanggotaan beramai-ramai bekas pemimpin dan ahli Pas (atau Umno sendiri) ke dalam AMANAH juga tidak lagi menghiasi tajuk berita. Yang bersisa hanyalah perbalahan di dalam media sosial.

Adakah ini pengakhiran buat AMANAH? Sudah habiskah bisa dan sengat AMANAH? Apakah benar AMANAH akhirnya akan terkubur seperti mana yang disumpah oleh Pas? Bagi saya, tentu sekali tidak. Yang berlaku dahulu harus kita lihat sebagai hanya mukadimah kepada sesuatu yang lebih besar di hadapan. Saya percaya, Amanah ada misi yang lebih besar.

Sebelum meneruskan, tidak salah untuk kita menyingkap dahulu beberapa perkara agar kita tahu duduk letak AMANAH dan konteks tulisan saya. Ini hanyalah padangandari kaca mata saya dan teman-teman yang mengikuti rapat AMANAH selama ini.

Pertama, kita harus mulakan dengan memahami mengapa Harapan Baru atau AMANAH ini begitu meninggalkan kesan, dan apa punca kepada pudarnya kesan tersebut? Selesai persoalan ini, kita beralih kepada duduk letak AMANAH hari ini, dan seterusnya masa hadapan dan misi besar buat AMANAH.

Untuk persoalan pertama, yang paling jelas dan tiada lain adalah kerana episod perpecahan Pas dan kelahiran AMANAH itu sendiri. AMANAH adalah parti yang menimbulkan sebuah krisis politik besar dan tidak pernah berlaku untuk tempoh masa yang lama. Sebab itu sahaja, Amanah telah meninggalkan begitu banyak kesan kepada landskap politik negara.

Perpecahan yang berlaku dalam Pas pada 2015 adalah antara yang terbesar pernah dirakam dalam sejarah politik moden Malaysia. Kali terakhir perpecahan sebegini berlaku adalah pada 1998, iaitu ke atas Umno sehingga tertubuhnya Parti Keadilan Nasional (hari ini Parti Keadilan Rakyat). Namun itu pun tidak sebesar yang berlaku ke atas Pas pada 2015.

Pas adalah parti kedua paling besar dalam negara ini selepas Umno. Maka, apabila berlaku sebarang gejolak di dalam parti tersebut, ia pasti memberi kesan kepada semua komponen politik lain dalam negara ini, terutama sekali pembangkang.



Yang meninggalkan Pas pada 2015 dahulu bukanlah bekas AJK cawangan atau benda-hari kawasan. Yang meninggalkan Pas dahulu adalah mantan Timbalan Presidennya sendiri. Kemudian dituruti dengan hampir keseluruhan pimpinan pusat yang lain, termasuk mantan Naib-naib Presiden, pemimpin Dewan Muslimat, dan pemimpin serta ketua Pemuda.

Perkara sebegini adalah krisis besar untuk sesebuah parti politik. Lihat sahaja kepada Umno pada 1988. Pertembungan antara Dr Mahathir Mohamad dengan Tengku Razaleigh Hamzah akhirnya membawa kepada perpecahan Umno. Perpecahan ini akhirnya merobohkan parti mereka sendiri yang sepatutnya kukuh dan kuat, hingga akhirnya terpaksa ditubuhkan Umno Baru di bawah Dr Mahathir. Krisis perpecahan adalah mimpi ngeri buat semua parti politik.

Risiko sebeginilah yang dihadapi oleh Pas pada 2015, biarpun yang meninggalkan parti adalah orang yang sudah digugurkan jawatannya. Jawatan hanyalah perkataan dan hierarki organisasi, sedangkan kesetiaan ahli selalunya adalah pada individu-individu itu sendiri.

Individu yang mempunyai pengaruh ke atas ahli selama ini telah meninggalkan parti, jadi apa jaminan yang ada untuk melihat parti tidak roboh?

Kekuatan Pas iaitu kesetiaan dan ketaatan ahlinya telah terburai dek krisis ini. Inilah sebabnya kata hikmat yang menjadi semboyan Pas hari ini adalah ISTIQAMAH. Jangan tersilap baca; kata hikmat ISTIQAMAH ini bukan untuk ditiup kepada musuh agar takut dengan kekuatan Pas tersebut, sebaliknya ISTIQAMAH ini tidak lain adalah doa untuk diri mereka sendiri agar tidak ada lagi di antara

mereka yang meninggalkan parti. Mujur sahaja ada sistem baiah dan doktrin agama yang kuat di dalam Pas, jika tidak; apa yang berlaku ke atas Umno akan berulang ke atas Pas.

Disebabkan kemungkinan dan krisis sebeginilah, AMANAH menjadi begitu berimpak. Tertubuhnya AMANAH pada waktu itu menandakan bahawa akan muncul blok politik baharu masyarakat Melayu Islam. Tertubuhnya AMANAH menandakan berakhirnya zaman Pas yang selama ini mampu mendabik dada dengan ketaatan ahlinya. Tertubuhnya AMANAH menamatkan monopoli politik berasaskan agama yang dibolot oleh Pas selama ini. Tidak mungkin Umno boleh senang duduk dengan perkembangan ini.

Sebab itulah, apabila dinilai kembali, AMANAH bukan sahaja sebuah parti yang lahir daripada sebuah krisis, AMANAH juga adalah parti yang melahirkan sebuah krisis. Krisis adalah baik dalam perlawanan selagi mana ianya ditimbulkan oleh kita, bukan pihak lawan. Dan krisis politik inilah yang menjadikan Amanah begitu berimpak. Dalam keadaan politik yang tidak berketentuan selepas pemejaraan Anwar Ibrahim dan kegagalan Langkah Kajang, menimbulkan sebuah krisis adalah strategi politik yang baik. Musuh yang sedang tertawa dek krisis kita akan kembali panik.

Jadi, dengan segala rentetan ini, bagaimana pula akhirnya AMANAH tiba-tiba menjadi lesu, termasuklah dalam kalangan Pakatan Harapan sendiri yang tertubuh oleh kelahiran AMANAH itu sendiri? Saya akan cuba lontarkan pandangan saya minggu hadapan.

Wallahuallah.

## Gulai kawah menemukan sahabat lama

Oleh **ABDUL SHUKUR HARUN**

**B**ERTEMU sahabat lama adalah suatu kenikmatan yang sangat mengesankan bahkan menimbulkan pelbagai kesan emosi, lebih-lebih lagi sama-sama pernah mengharungi perjuangan yang panjang dan penuh getir.

Apa yang berlaku itu menjadi sebuah sejarah yang penting bagi mereka yang sama-sama berjuang, khususnya ketika bersama parti lama dulu.

Saya amat terkesan akan semuanya ini ketika bertemu dengan para sahabat lama di Kenduri Rakyat di Alor Setar anjuran Pakatan Harapan sempena Konvensyen Nasional ke-2 Parti Amanah Negara.

Di majlis kenduri itu, yang menu utamanya gulai kawah, saya bertemu dengan otai Amjal, atau Pak Amjal, serta sahabat lain hampir dari seluruh pelusuk negara.

Terasa benar kenangan lama itu sangat manis dan harum, walaupun ada ketikanya pahit dan pelbagai lagi.

Amjal usia dengan saya dan masih aktif. Di restorannya di Pantai Baru, Kuala Lumpur, saya sering berkunjung dan kadang-kadang makan bersama dengan Anwar Ibrahim, yang waktu itu sebagai Presiden ABIM yang berpejabat di tingkat atas restoraan Amjal.

Di Kenduri Rakyat tanpa protokol itu, saya bertemu ramai kawan lama. Kadang-kadang lupa nama, tapi saya kenal apabila melihat

wajah mereka. Bertemu sahabat lama ini, yang kini semuanya dalam AMANAH, menyebabkan warna oren (warna AMANAH) mendominasi suasana.

Demikianlah perjuangan, dari satu fasa ke satu fasa. Bagi yang terlibat dengan perjuangan politik yang panjang ini, detik Kenduri Rakyat itu seperti melihat wajah masing-masing di kolam yang jernih airnya, di mana bayangan wajah di air jernih itu sama sekali tidak berbohong. Itulah intisari sebuah kehidupan dan perjuangan.

Sahabat lama itu, antaranya Adun Semantan, Syed Hamid Syed Mohamed, Tengku Puji Tengku Abdul Hamid, bekas AJK Pas Pusat, Ir. Phahrolrazi Zawawi, beberapa pemimpin AMANAH yang ada sekarang - Datuk Dr. Mujahid Yusuf Rawa, Khalid Samad, Ir. Nizar Jamaluddin, Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hasan dan ramai lagi yang pernah menjadi pemimpin parti lama di pelbagai peringkat.

Mereka sangat mesra, diselang seli dengan cerita lama dan terbaru bagaimana mereka menyertai parti AMANAH.

Sementara itu, ketika menikmati gulai kawah di kenduri rakyat itu, saya bernostalgia lagi, ketika saya selalu ke Kedah di zaman Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor memimpin parti lama. Beberapa kali Almarhum mengajak ke jamuan gulai kawah, ketika kempen pilihanraya dan sebagainya di sana.

Sangat mendalam kenangan saya terhadap Almarhum dan negeri Kedah dan kini kembali



**Shukur bersama Pak Samad Said di Konvensyen AMANAH, Alor Setar, minggu lalu.**

segar di majlis kenduri rakyat itu.

Ketika menikmati hidangan yang lazat itu, ramai yang bercakap, terkenangkan Almarhum Ustaz Fadzil, seperti terasa kehadirannya di tengah kami malam itu.

Malam itu ramai generasi lama yang hadir, di samping generasi baru. Ini menggambarkan kesinambungan paduan antara generasi lama dan baru yang mendukung Pakatan Harapan.

Malam itu, selepas menikmati jamuan dan solat berjamaah, majlis pidato pemimpin

Pakatan Harapan berlangsung. Juga deklamasi puisi oleh Sasterawan Negara, A. Samad Said.

Sungguh meriah dan sangat bermakna keseluruhan majlis dari petang hingga jauh malam itu.

Esoknya, Konvensyen AMANAH kali kedua berlangsung hingga Ahad.

Negeri jelapang padi itu membawa pelbagai kenangan di mana kenangan itu sangat mahal nilainya.

# Saksi utama pendakwa **minta maaf** fitnah Mohamad Sabu

Selepas melalui proses mahkamah selama enam tahun, akhirnya Mahkamah Rayuan Putrajaya menolak permohonan pendakwaraya untuk mensabitkan Presiden AMANAH Mohamad Sabu atas dakwaan memfitnah anggota polis dan keluarga mereka dalam tragedi serangan gerila komunis terhadap Balai Polis Bukit Kepong pada 1950. Tulisan ini adalah salah satu daripada siri tulisan Mohamed Hanipa yang menceritakan pengalaman beliau mengendalikan kes tersebut. Siri tulisan Hanipa boleh diikuti di laman portal Malaysia Dateline.

**A**PABILA usaha kami selaku peguambela Mohamad Sabu (@ Abang Mat) untuk membatalkan pertuduhan ke atas beliau gagal, baik di Mahkamah Tinggi mahupun Mahkamah Rayuan, maka perbicaraan kes tersebut di Mahkamah Sesyen diteruskan di hadapan Hakim Ikmal Hishan Mohd Tajuddin pada 10 Jun 2012.

Maaf, saya perlu jelaskan di sini. Ada orang memfitnah kononnya peguambela-peguambela tokoh-tokoh politik yang didakwa di Mahkamah seperti Dato Seri Anwar Ibrahim dan Abang Mat sengaja melambatkan perbicaraan anakguam mereka dengan memfailkan pelbagai permohonan di Mahkamah.

Saya rasa fitnah ini berlaku kerana kekeliruan memahami "the true nature" perbicaraan kes jenayah.

Kita perlu memahami dalam perbicaraan jenayah, ia melibatkan dua pihak yang hakikatnya berlawanan tapi bukan di atas padang yang sama rata. Pihak yang mendakwa adalah sebuah negara dengan seluruh jentera yang dikuasainya (the State with its entire machinery at its disposal). Jadi, kita tersilap jika membuat anggapan dalam perbicaraan jenayah, kedua-dua pihak (negara/kerajaan) dan Orang Yang Kena Tuduh (OKT) mempunyai kekuatan yang sama.

Justeru itu, di sana wujudnya beberapa prinsip universal yang dijaga dan dikawal ketat daripada dicabul (hatta dalam sistem perundangan jenayah Islam, ia juga sama). Contohnya dalam perundangan jenayah, wujud prinsip seperti ianggan tidak bersalah (presumption of innocence) yang diberikan kepada OKT, prinsip beban pembukti (burden of proof) daripada awal hingga akhir kes hanya dipertanggungjawabkan ke atas pendakwa sahaja.

Begitu juga pendakwa perlu membuktikan kesnya ke atas OKT sehingga melampaui keraguan munasabah (beyond reasonable of doubt) yang dalam perundangan dipanggil istandard of proof (nisab al-shahadah in Islamic law). Begitu juga prinsip jika ada keraguan, faedah keraguan (the benefit of doubt) hendaklah diberikan kepada OKT. Dan ada beberapa lagi prinsip lain yang mungkin saya kongsi



di lain masa insya Allah.

Bagi OKT yang didakwa, hanya prinsip-prinsip itulah yang boleh memberi sedikit perlindungan kepada mereka dalam menghadapi kekuatan keseluruhan jentera kerajaan seperti pihak polis (dengan pelbagai alat yang mereka ada seperti pelbagai waran, kuasa tangkap dan geledah, jel atau penjara, peguam negara dan sebagainya). Sebab itu prinsip-prinsip yang saya sebut itu bukan sahaja tidak wajar diganggu-gugat malahan perlu diperkasakan agar tidak ada mana mana innocent man (orang yang tak bersalah) disalah hukum.

Sebab itu dikatakan oleh sarjana perundangan Barat bahawa kononnya Sir William Blackstone (sarjana perundangan British yang terkenal dengan siri syarahannya) adalah individu pertama yang mengungkapkan kalimah lebih baik hakim tersilap bebaskan 10 orang yang bersalah sebagai tak bersalah daripada hakim tersilap mensabitkan walau seorang yang tidak bersalah sebagai bersalah!

Jika kita belajar perundangan Islam, prinsip yang disebut itu lebih awal disebut oleh junjungan baginda Rasulullah s.a.w.. Tak mustahil, bagi saya, Blackstone mungkin dipengaruhi oleh kata-kata Nabi Muhammad s.a.w..

Bertolak daripada prinsip tersebut, para peguambela biasanya akan menenteroka segala usaha yang dibenarkan dalam perundangan untuk membela atau mencari pembelaan yang terbaik bagi anakguamnya. Adakala permohonan yang dibuat itu hanya boleh dibuat di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan kerana isu Perlembagaan hanya boleh didengar di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan.

Dan kadangkala sesuatu keputusan yang dibuat perlu pula dirayu bagi "dibetulkan" mana-mana keputusan yang mungkin dirasai silap oleh mahkamah yang lebih tinggi melalui proses rayuan.

Kembali semula kepada kes Abang



Mohamad berbual dengan Hanipa di luar kamar Mahkamah Rayuan. Turut kelihatan peguam Nasar.

**“Macam mana Haji Mat Sabu nak hina YDPA sedangkan insiden Bukit Kepong berlaku sebelum merdeka iaitu pada tahun 1950, masa itu Encik Visva, YDPA pun tak ada lagi. Macam mana nak hina YDPA jika YDPA pun masih tak wujud?”**

Mat. Perbicaraan dimulakan pada 10 Jun 2012. Saya pada masa itu bertolak dengan kereta daripada Kuala Terengganu bersama peguam Nasar dan terus ke Penang sebab sehari sebelumnya, saya dan peguam Nasar menghadiri perbicaraan semakan kehakiman bagi membela bangunan anak yatim di Dungun, Terengganu agar tidak dirobohkan. Masa itu kami berdua masih bersama Pas.

Apabila sampai sahaja di Mahkamah Sesyen Butterworth pagi itu (terima kasih kepada Saudara Norzehan yang tolong memandu kereta untuk kami), saya diberitahu oleh peguam Amin bahawa saksi yang akan dipanggil oleh pendakwa hari itu ialah pengadu bagi kes ini iaitu seorang polis pencen berbangsa India dari Raub. Namanya Visva Nathan, 75 tahun.

Saya lihat senarai saksi pendakwa yang diberikan kepada kami sebelum itu, tak ada nama Visva Nathan. Jadi logiknya kami tak boleh nak melakukan persiapan bagi menyoal saksi ini. Lagi satu, pada pagi itulah buat kali pertama saya melihat laporan polis yang beliau buat. Saya baca laporan

Nathan setuju bahawa encik tak pernah dengar ceramah Haji Mat Sabu sebelum buat laporan polis encik?". Saya cuma mencuba untuk mengumpun. Apa yang mengejutkan saya, dia makan umpan dan menjawab "setuju". Lepas itu, dia boleh dikatakan setuju hampir kepada semua soalan atau cadangan saya.

Dia setuju laporan polis yang beliau buat adalah daripada laporan berita Utusan Malaysia. Dia setuju apa yang Abang Mat cakap dengan apa yang Utusan lapor tak sama. Dia setuju Abang Mat tak sebut komunis tapi Utusan ada sebut. Dia setuju Utusan ada tokok tambah. Dia setuju Abang Mat tak fitnah polis Bukit Kepong. Dia juga setuju yang laporan polis yang dia buat ke atas Abang Mat adalah tak betul.

Yang lucunya dia juga setuju yang bukan Abang Mat yang fitnah polis, tapi dia yang fitnah Abang Mat! Dia juga kata ingin meminta maaf pada Abang Mat. Dia juga berkata kepada Mahkamah, "I want to seek apology from him. He (Abang Mat) is my brother now. Tuan Hakim saya pohon kes ke atas OKT ditarik balik".

Semua yang ada di mahkamah yang sebelum itu 'gelak sakan' mendengar keterangan beliau, kini terdiam dan terpaku bila dia minta kes ke atas Abang Mat ditarik balik.

Dalam laporan polis, dia sebut Abang Mat menghina Yang di-Pertuan Agong (YDPA). Saya tanya, "Macam mana Haji Mat Sabu nak hina YDPA sedangkan insiden Bukit Kepong berlaku sebelum merdeka iaitu pada tahun 1950, masa itu Encik Visva, YDPA pun tak ada lagi. Macam mana nak hina YDPA jika YDPA pun masih tak wujud?"

Saksi saya lihat termangu dan kelihatan bingung dan tak tahu nak jawab. Akhirnya keluar perkataan ini daripada mulut saksi, "Tuan Hakim, saya tak boleh jawab soalan itu".

Yang lagi lucu bila saya tanya dia tahu tak di mana Bukit Kepong? Dia kata tak tahu. Dia sebaliknya merujuk Kepong di KL. Bila Visva habis memberi keterangan, dia lalu dekat kandang tertuduh dan menghulur tangan bersalaman dengan Abang Mat.

Esoknya, akhbar Sinar Harian keluar tajuk muka depan "Kes Bukit Kepong: Saksi mahu Mat Sabu dibebaskan". Di muka surat dua akhbar yang sama pula satu muka penuh laporan perbicaraan kes itu dan transkrip soal balas saya ke atas saksi tersebut.

**Mohamed Hanipa Maidin ialah Ketua Biro Undang-Undang (Kanun) AMANAH Nasional dan peguam Mohamad Sabu dalam kes saman fitnah Bukit Kepong.**

polis itu dan hanya esenyum sorang-sorang tapi tak cakap apa-apa kepada mana-mana orang hatta kepada Amin dan Nasar. Saya hanya tunggu masa untuk menyoal balas beliau.

Saksi pertama pun dipanggil oleh pendakwa. Keterangan ringkas dan pendek. Beliau juga dirujuk dengan laporan polis yang beliau buat dan mengesahkan ia adalah laporan polis beliau dan kami tak bantah bila pendakwa mohon laporan itu dijadikan eksibit keterangan pendakwa.

Saksi itu bukan sahaja agak berumur, dia juga ada kencing manis. Saya agak simpati dengan keadaan dia. Bila pendakwa habis menyoal saksi, saya bangun untuk soal-balas. Soalan saya lebih kepada meminta dia menjawab sama ada eya atau etidak. Ini biasa dalam pemeriksaan balas. Saya buat begitu kerana saya hanya tahu tentang saksi itu pada pagi itu dan hanya baca laporan polis yang dibuat olehnya pagi itu. Jadi saya tidak sempat membuat sebarang persiapan (homework) ke atas saksi ini.

Saya uji beliau dengan soalan pertama, "Adakah Encik Visva

# Batal arahan pindah peniaga pasar Pasir Puteh



Husam berucap di majlis solidariti bersama peniaga Pasar Pasir Puteh.

Oleh ZIKRI ABDULLAH

PASIR PUTEH: Kerajaan Negeri Kelantan dituntut membatalkan arahan Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) supaya peniaga-peniaga Pasar Besar Pasir Puteh berpindah ke pasar baharu.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan Datuk Husam Musa berkata, penangguhan itu perlu dibuat sehingga pilihan raya umum ke-14 (PRU14) diadakan selewat-lewatnya pertengahan tahun depan.

"Selepas tamat tempoh arahan berpindah pada 22 Oktober lalu, jelas hampir kesemua peniaga pasar ini tidak berpindah.

"Ini menunjukkan semua mereka tidak boleh menerima untuk berniaga di tempat baru yang jelas tidak sesuai," katanya ketika berucap di majlis solidariti bersama peniaga Pasar Pasir Puteh 25 Okt lalu.

Beliau yang kesal dengan tindakan MDPP yang mengarahkan perpindahan itu berkata, sepatutnya semua pihak menunggu keputusan Mahkamah Rayuan

sebelum melakukan apa-apa tindakan.

"Saya cuba untuk bertemu Ketua Jajahan Pasir Puteh pagi ini untuk mendapatkan penjelasan tetapi gagal kerana semua ahli majlis kini dikatakan sedang bermesyuarat di Kuala Lumpur.

"Memang sukar difahami ketika rakyat sedang kesusahan dan memerlukan penyelesaian mereka pula keluar bermesyuarat di sana.

"Tentulah bila bermesyuarat di sana, banyak pula perbelanjaan digunakan untuk tambang menambang dan perbelanjaan penginapan serta lain-lain kos," katanya.

Husam berkata jika situasi ini berlaku di zaman Almarhum Tok Guru Nik Aziz Nik Mat tentulah bekas MB itu akan turun berjumpa rakyat dan mendengar semua rintihan.

"Tetapi menteri besar sekarang nampaknya langsung tidak peduli untuk mendengar suara rakyat.

"Saya berjanji, oleh kerana dia tidak mahu datang, saya sedia bersama para peniaga di sini untuk pergi berjumpa beliau.



Para peniaga Pasar Pasir Puteh bersepat untuk tidak berpindah.

"Walaupun saya hanyalah wakil rakyat prebet, namun saya tetap wakil rakyat dan sedia bersama tuan-tuan untuk menyampaikan hasrat kita kepada menteri besar," katanya.

Beliau membangkitkan semula perbelanjaan berjumlah RM6.1 juta yang digunakan untuk membina pasar baru berkenaan.

"Tanah pasar lama ini akan diserahkan kepada pemaju untuk dibangunkan. Sepatutnya belanja membina pasar baru itu dikeluarkan oleh pemaju sebagai balasan pemberian ini.

"Apa yang peliknya, pasar baru yang dibina tidak seperti pasar itu menggunakan wang peruntukan persekutuan," katanya.

Beliau mahu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asraf Wajdi Dusuki menyiasat perkara ini.

"Saya dengar Datuk Asraf akan bertanding di kawasan parlimen Pasir Puteh.

"Jadi saya nak beritahu dia melalui siaran langsung ini supaya beliau tolong tengok-tengokkan apa yang telah terjadi kepada duit yang Kerajaan Persekutuan berikan itu," katanya.

Husam yang memuji langkah peniaga pasar berkenaan yang membuat laporan SPRM semalam mahu perkara ini disiasat dengan telus.

"Pihak SPRM perlu serius menyiasat perkara ini kerana ia melibatkan golongan peniaga kecil yang jelas teraniaya dan tertindas akibat angkara golongan atasan.

"Saya tak tahulah SPRM pun sekarang, sejak nampak kerjasama Pas dan Umno, sikap merekapun lain macam sekarang," katanya.

Beliau yang mahu perpindahan ini ditangguhkan sehingga PRU14 berkata, rakyat perlu diberi peluang menjadi penentu.

"Bila pilihan raya, kita mahu rakyat tentukan kerajaan baru pilihan mereka.

"Kalau kerajaan bertukar dan saya ada dalam kerajaan baru itu, saya akan nasihatkan supaya dibina sebuah pasar lain yang sesuai dengan kehendak peniaga-peniaga di sini.

"Pasar yang telah mereka buat itu tuan-tuan buatlah untuk pelihara binatang atau zoo kecil untuk manfaat orang ramai," katanya.

## Peniaga mahu kerajaan tidak berhati perut ditukar

TINDAKAN Kerajaan Pas Kelantan melalui Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) memaksa peniaga-peniaga pasar berpindah ke tempat baru yang tidak sesuai dianggap tidak berhati perut.

Pengerusi Persatuan Peniaga Pasar Pasir Puteh, Kamar Zaman Che Ngah berkata rakyat Kelantan patut menukar kerajaan seperti ini dan menaikkan sebuah kerajaan baru yang lebih mesra rakyat.

"Kerajaan adalah dipilih rakyat melalui pilihan raya dan saya menyeru kerajaan ini ditukar dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) nanti.

"Saya tidak nak sebutkan parti mana yang patut dipilih asalkan kerajaan sekarang tidak lagi diberi kuasa untuk menzalimi rakyat," katanya ketika berucap di majlis solidariti bersama peniaga Pasar Pasir Puteh yang turut dihadiri Datuk Husam Musa, 25 Okt lalu.

Beliau yang terlibat sebagai perunding antara para peniaga dengan kerajaan negeri melahirkan perasaan sedih.

"Apabila pasar baru hampir siap, saya sudah maklumkan kepada pihak MDPP bahawa reka bentuknya tidak mungkin



Kamar Zaman bercerita tentang keadaan pasar baru yang teruk.

sesuai dengan keperluan kami.

"Apa yang berlaku ialah mereka langsung tidak pedulikan rungutan peniaga. Ia berlarutan hinggalah tarikh yang dijadualkan kami berpindah awal tahun ini," katanya.

Para peniaga katanya sepatutnya tidak akan berpindah kerana tempat baru itu sama sekali

tidak boleh dijadikan ruang niaga.

"Jadi setelah pelbagai rundingan yang dijalankan gagal, kami sepatutnya untuk membuat tuntutan di mahkamah.

"Walaupun Mahkamah Tinggi tidak menyalah kami dalam keputusannya, tuntutan diteruskan di Mahkamah Rayuan yang akan

memulakan pendengaran pada 26 Oktober ini," katanya.

Tiba-tiba menurutnya kami mendapat notis untuk mengosongkan pasar lama ini antara 15 hingga 22 Oktober lalu.

"Kami berpegang bahawa proses mahkamah belum selesai dan notis seperti ini adalah tidak sah.

"Kecuali tidak sampai 10 orang, kesemua lebih 500 peniaga di sini sepatutnya untuk tidak berpindah sehingga proses mahkamah selesai," katanya.

Dalam tempoh ini menurutnya pelbagai percubaan berbentuk ancaman dan ugutan di-hadapkan kepada para peniaga.

"Bekalan air dan elektrik dipotong pada sebelah malam 22 Oktober dan kononnya pagar akan dikunci dan jalan-jalan masuk akan ditimbun pasir," katanya

Kamar Zaman berjanji beliau akan tetap bersama para peniaga memperjuangkan nasib mereka walau apapun terjadi.

"Ini tempat kita, tempat asal usul kita mencari kehidupan dan kita akan berkubur di sini walau apapun terjadi," katanya.

# AMANAHAH mesti jadi 'gam' Pakatan Harapan

Oleh **ARIF ATAN**

**A**LOR SETAR: Perwakilan AMANAHAH Kedah, Ustaz Ridzwan Abu Bakar menekankan pentingnya parti itu menjadi faktor pemersatu dalam Pakatan Harapan.

Menurutnya, AMANAHAH harus bersifat seperti gam yang merapatkan komponen parti dalam tahaluf blok pembangkang itu.

"Jangan isu titik bengkok meruntuhkan sifat kebijaksanaan. AMANAHAH jangan menjadi duri dalam daging.

"AMANAHAH perlu jadi faktor penyatu. Kita yang merapatkan rakan-rakan tahaluf kita," katanya ketika membahaskan Pidato Presiden AMANAHAH sempena konvensyen tahunan parti berkenaan dekat sini, 21 Okt lalu.

Menurutnya, dimensi baharu dalam realiti politik demokrasi hari ini memerlukan pendekatan yang mesra rakyat.

"Bina strategi yang mesra dan dicerap segera



**Ustaz Ridzwan Abu Bakar**

oleh rakyat dengan mudah dan segera. "Orang belah Padang Terap tidak faham isu 1MDB (1Malaysia Development Berhad). Apabila sebut negara kita teruk dah, Mahathir pun

sudah bersama Pakatan Harapan, orang kampung boleh terima dengan cepat," jelasnya.

Menyentuh peranan AMANAHAH menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU-14), Ustaz Ridzwan mengingatkan setiap rakyat sebenarnya memiliki hak dan keadilan.

"Saudara seiman dan seinsan perlu diberikan keadilan kepada mereka. Hidup bersama secara damai. Mereka semua ini adalah rakyat Malaysia. Prinsip ini perlu dihadapi dan turun ke bawah bahawa kita semua adalah rakyat Malaysia.

"Kita semua mempunyai hak ke atas negara ini. Hak dan keadilan kepada semua. Dan ini adalah tawaran AMANAHAH," ujarnya.

Beliau berkata, AMANAHAH melindungi bukan sahaja masyarakat hari ini bahkan generasi akan datang.

"AMANAHAH perlu menawarkan pemimpin yang bersifat membantu dan merasai denyut nadi rakyat," tambahnya.

## Tapak tragedi tanah runtuh penuh semua syarat

Oleh **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGETOWN:** Tapak projek pembinaan yang mengalami tanah runtuh di Jalan Lembah Permai 3 dekat sini memenuhi semua syarat ditetapkan pihak berkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kemalangan diyakini berpunca daripada kecuaihan pengendalian dan pengurusan projek.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Datuk Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, jarak tapak projek perumahan swasta itu ke pusat peletupan sebuah kuari adalah lebih dari 500 meter dan lebih 180 meter ke 'crashing point'.

Justeru, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa kematian seorang warganegara dan 10 buruh asing dalam kejadian runtuhan tanah pada 21 Okt lalu berpunca daripada kecuaihan pengendalian dan pengurusan di tapak pembinaan tersebut.

"Pemajuan ini adalah mengikut garis panduan 'Safety Guidelines for Hill Site Development 2012' dan turut mendapat sokongan daripada Jabatan Mineral dan Geosains pada 30 Disember 2014," jelasnya kepada pemberita dalam sidang media di Komtar,

baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri Dr P Ramasamy; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng turut hadir.

Maimunah menjelaskan bahawa Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) meluluskan projek tersebut selepas mengambil kira semua ulasan 22 jabatan teknikal, termasuk JAS.

Berbanding kedudukan tapak projek tersebut, katanya JAS pada 22 Mei 2008 menyokong dua projek pemajuan lain yang berada di kedudukan lebih hampir dengan kawasan letupan kuari.

"Memandangkan kepada fakta-fakta tersebut, Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) telah mempertimbangkan dan meluluskan pemajuan ini mengikut garis panduan, dan termasuk syarat-syarat yang telahpun diberikan pada kelulusan-kelulusan pelan di atas.

"Projek ini masih dalam peringkat pembinaan, selagi tapak projek ini dalam peringkat pembinaan, perunding adalah bertanggungjawab dalam aspek keselamatan

pekerja dan keselamatan tapak, serta memastikan pembinaan mengikut syarat-syarat yang telah diberikan oleh Majlis (MBPP) dan jabatan teknikal berkaitan," jelasnya.

Difahamkan, tapak pemajuan dizonkan sebagai Perumahan Am dalam Pelan Dasar dan Perancangan MPPP 1976.

Tapak pemajuan itu adalah dalam Kategori II dengan cerun purata di bawah 20 darjah, tanah landai dengan kontor 18 meter hingga kontor 40 meter.

Ketinggian tapak ini kurang daripada 250 kaki atau 76 meter, sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sendiri.

Sebelum itu, Kon Yeow turut diminta menjawab dakwaan seorang menteri, kononnya kemalangan di tapak pembinaan tersebut adalah berpunca oleh kegagalan kerajaan negeri memantau projek-projek pemajuan di kawasan tanah tinggi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa kesemua ulasan daripada 22 jabatan teknikal dipertimbangkan oleh OSC untuk kelulusan projek tersebut, bukan berdasarkan laporan JAS sahaja.

## Terengganu alami krisis salah guna Islam



**Ustaz Roslan Ismail**

**ISU** salah guna nama Islam sudah mencapai tahap krisis seperti diakui perwakilan AMANAHAH Terengganu, Ustaz Roslan Ismail.

Menurutnya, krisis itu berlaku ekoran wujudnya kelompok yang menganggap mereka 'lebih Islam' berbanding orang lain.

"Di Terengganu, kita terpaksa berhadapan orang yang membawa krisis ini berpunca daripada penyalahgunaan perkataan Islam.

"Mereka rasa kelompok dan parti mereka saja yang Islam, orang lain tidak.

"Apa yang mereka buat semuanya untuk Islam. Mereka buat dapat pahala. Masuk parti lain tidak boleh dapat pahala. Ini yang berlaku," jelasnya.

Berucap membahaskan Pidato Presiden pada Konvensyen AMANAHAH Nasional ke-2 di sini, 22 Okt lalu, beliau berkata situasi menjadi lebih buruk apabila penyalahgunaan label Islam itu memberi kesan apabila meresap ke semua segmen masyarakat.

"Salah guna (kata Islam) ini diucapkan oleh ustaz dan orang bukan ustaz yang memakai kopiah dan serban.

"Ia berlaku dalam kalangan masyarakat dan meresap kepada anak muda. Macam-macam perkataan (salah guna)," katanya.

"Kita khuatir kalau tidak ditangani dengan betul, perkara ini boleh membawa krisis peperangan seperti berlaku di Asia Barat," ujarnya.

Beliau selanjutnya yakin AMANAHAH bakal mempunyai masa depan cerah.

"Tahniah kepada Bang Mat (Presiden AMANAHAH, Mohamad Sabu) dan pimpinan menuhkan AMANAHAH dan berjaya menarik keluar sebahagian besar ahli Pas.

"Parti kita suatu hari nanti akan berkembang dengan hebat seperti mana berlaku pada AKP (Parti Keadilan dan Pembangunan Turki).

"Mereka (AKP) juga berhadapan seperti apa kita hadapi, ditohmah tapi lihatlah setelah bertahun-tahun," ujarnya.

Ustaz Roslan yakin AMANAHAH mampu membina masyarakat Malaysia yang faham apa itu Islam yang dibawa Rasulullah s.a.w.

Konvensyen AMANAHAH menjelang PRU-14 ini menyaksikan kehadiran pimpinan Partai Persatuan Pembangunan (PPP) dari Indonesia yang diwakili Indra Hakim dan Datuk Zainol Ariffin H. Mohamad.

Sementara itu, Timbalan Speaker, Yuhazad Abdullah juga mengumumkan tentang sumbangan air mineral Embun Cool kepada perwakilan dan pemerhati konvensyen.

Agihan sumbangan Pemuda AMANAHAH Nasional itu adalah projek pilihan raya sayap parti tersebut.

## Pastikan agihan kerusi untuk AMANAHAH bukan semua 'gred B'

**PERWAKILAN AMANAHAH** Pahang, Syed Hamid Syed Mohamed berharap rundingan berkaitan agihan kerusi bertanding di antara parti-parti komponen Pakatan Harapan (PH) bagi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) menghasilkan keputusan munasabah.

Menurutnya, pemimpin AMANAHAH Nasional perlu mempertahankan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun) yang berpotensi untuk menang.

"Mana kerusi yang bertindih diselesaikan. Kerusi biar munasabah. Kalau kerusi gred B belaka, susahlah.

"Kita harapkan kepimpinan nasional memertahankan kerusi yang strategik.

"Jangan (kerusi) yang tak baik (sukar menang) bagi kita," tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Semantan itu.

Menganggap kedudukan Umno-BN kini sebagai lemah, Syed Hamid berkata terpulang kepada kebijaksanaan pemimpin AMANAHAH untuk mengambil peluang.

"Kita kena kuatkan penyatuan, kurangkan



**Syed Hamid Syed Mohamed**

persengketaan, jangan perkara kecil dibesarkan.

"Umno-BN lemah dengan pelbagai isu. Terpulang pada sejauh mana AMANAHAH bijak mengambil peluang," ujar satu-satunya wakil rakyat Pas yang mengisytiharkan diri menyertai AMANAHAH di Pahang.

Menurut Syed Abdul Hamid, AMANAHAH diakui sebagai pelopor PH dan ini dinyatakan oleh Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam ucapannya di majlis perasmian Konvensyen AMANAHAH

Nasional, 21 Okt lalu.

Beliau memuji kepimpinan AMANAHAH kerana menunjukkan sikap keterbukaan dengan memberi peluang kepada wakil-wakil parti sahabat berucap pada majlis perasmian konvensyen.

Pengerusi PPBM yang juga Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad dan Dr Wan Azizah yang juga Presiden PH diberi penghormatan berucap pada majlis itu.

Syed Hamid juga mahu pemimpin nasional memikirkan kaedah terbaik untuk mengumpul dana pilihan raya.

Walaupun AMANAHAH 'parti miskin' ia mampu untuk bertanding dalam pilihan raya negeri (PRN) Sarawak dan dua pilihan raya kecil (PRK) di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Syed Hamid juga menyarankan aktivis parti agar bukan sahaja bekerja keras tetapi bekerja secara bijak khususnya apabila berhadapan pertandingan tiga penjurua dalam PRU akan datang.

Oleh itu beliau menasihati bakal-bakal calon supaya mengenal pasti orang berpengaruh dalam masyarakat bagi memudahkan usaha kempen dan mendekati masyarakat.



# Promosi kampil beras AMANAH untuk asnaf

Oleh **ARIF ATAN & ZIKRI ABDULLAH**

Foto **WAN ZAHARI SALLEH**

**ALOR SETAR:** Perwakilan Kelantan, Hisham Fauzi menggunakan peluang perbahasan pidato presiden untuk mempromosikan beras jenama AMANAH keluaran negeri itu. "Beras ini kita keluarkan bagi memberi peluang mereka yang berkelapangan untuk membantu AMANAH menyantuni rakyat marhaen yang semakin terdesak," katanya ketika berucap pada hari kedua Konvensyen AMANAH Nasional.

Beliau turut memuji Presiden AMANAH Mohamad Sabu kerana terus menjadikan agenda membela rakyat yang susah sebagai teras perjuangan.

"Kini rakyat semua peringkat berada dalam keadaan tertekan dengan kenaikan harga barang dan kuasa beli yang semakin merudum.

"Bayangkan bila harga ikan kembong melonjak menjad RM18 sekilogram sedangkan harga getah (sekerap) masih RM2.80 sekilogram.

"Barang-barang yang dulu keperluan asas harian berubah sekelip mata men-

jadi barang mewah bagi orang kampung," katanya.

Menyedari situasi inilah, katanya AMANAH Kelantan mengambil inisiatif mengeluarkan beras untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

"Sekarang kalau kita berkunjung ke rumah golongan asnaf sekarang tidak tergamak nak hulur RM10.

"Tetapi dengan adanya beras ini, kita merasa senang untuk berziarah dan menghulurkan keperluan mereka," katanya.

Bagaimanapun Speaker, Yuhazad Abdullah segera mengingatkan Hisham agar fokus membahaskan Pidato Presiden.

"Kalau nak menempah (beras) boleh ambil nombor 019-9863736, Dr Rohani," ujarnya yang sempat mempromosi produk AMANAH Kelantan itu.

Menurutnya, inisiatif beras itu membolehkan



**Hisham Fauzi**



**Setiap ahli jawatankuasa AMANAH Nasional diberi sekampil beras sumbangan AMANAH Kelantan.**

kan AMANAH Kelantan bergerak menemui dan memberi sumbangan kepada rakyat di seluruh pelosok negeri tanpa kos yang tinggi.

"Kos rendah kita (ini) boleh sampai ke kampung-kampung, boleh turun ke setiap daerah mengundi (DM).

"Kita membantu rakyat di bawah. Dakwah kita sampai. Hubungan silaturrahim terjalin

sesama ahli parti," jelasnya.

Selanjutnya, Hisham menyeru supaya AMANAH tampil berbeza dengan Pas.

"Jangan sampai rakyat kata dulu hijau, sekarang oren sama saja. Biarlah kewujudan kita dirasai.

"Saya juga menyeru ulama-ulama kita membina imej Islam dalam membangunkan parti kita ini," tambahnya lagi.

## Politik ganas tiada tempat di Kelantan

**KOTA BHARU:** Masyarakat Kelantan terkenal dengan budaya harmoni, mesra dan bertolak ansur tidak akan membenarkan politik ganas menyelip masuk.

Mengulas insiden rempuhan gerombolan Pemuda Pas ke pekarangan pejabat AMANAH di Salor 22 Okt lalu, Naib Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Prof Dr Abdul Halim Yusuf berkata, tidak pernah berlaku sikap biadap seperti itu dalam sejarah politik negeri ini.

"Bangunan itu masih pejabat kami yang diduduki secara sah dan tidak dinafikan sesiapa pun.

"Seperti rumah tangga yang kita duduki walaupun bukan milik kita, ia dilindungi Allah, Rasul dan syariat daripada dicerobohi oleh sesiapa.

"Bila rumah itu bukan rumah kita, Al-Quran menegaskan kita

tidak boleh masuk kecuali melalui pintunya, yang bermaksud dengan kebenaran dan redha tuan yang ada di dalamnya," katanya.

Pencerobohan oleh Pemuda Pas malam 22 Okt itu, katanya bercanggah dengan apa sahaja undang-undang dan peradaban manusia yang bertuhan dan yang tidak bertuhan.

"Ini satu contoh politik ganas yang tidak mepedulikan nilai-nilai harmoni dan tolak ansur yang menjadi pegangan sejagat.

"Mereka kata, mereka nak pacak bendera di luar bangunan atau di tepi jalan tetapi tempat itu masih lagi dikira perkarangan pejabat kita.

"Saya ingin tanya kepada pemimpin-pemimpin Pas bolehkah orang parti lain buat begitu di hadapan rumahnya," katanya.

Beliau bersyukur kerana para Pemuda AMANAH dan rakan-rakan mereka dalam Pakatan Harapan (PH) dapat mengawal diri dan bersabar menghadapi situasi kritikal seperti itu.

"Siapa akan bertanggungjawab jika berlaku perkara tidak diinginkan malam itu kerana sebagai tuan rumah yang masih sah di sisi moral dan undang-undang, menjadi hak kepada mereka untuk mempertahankan diri dari diceroboh," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih atas sokongan orang ramai yang bersimpati dengan AMANAH dan PH serta turut hadir pada malam itu.

"Saya sendiri tidak sempat hadir kerana meraikan sahabat-sahabat yang membuat majlis khas sempena persaraan saya.

"Bagaimanapun saya meng-



**Dr Abdul Halim Yusuf**

ikuti perkembangan terus menerusi melalui informasi media sosial rakan-rakan yang ada di situ.

"Amat jelas cara pemuda Pas malam tadi begitu rakus dan tidak mepedulikan keharmonian," katanya.

Beliau yakin rakyat Kelantan yang sudah semakin sedar dengan tindak tanduk Pas ini akan membuat keputusan baru

dalam pilihan raya nanti.

"Masyarakat kita yang lemah lembut, berbudi bahasa dan hormat menghormati tidak akan membenarkan politik jenis ini menguasai Kelantan.

"Saya menyeru AMANAH dan semua parti dalam PH terus menambahkan usaha menjelaskan kepada rakyat untuk menolak politik kleptokrasi amalan BN dan politik antisosial bawaan Pas," katanya.

Ketua Pemuda AMANAH Kelantan Zulhasmi Hassan, Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) Kelantan Roslan Ismail, Ketua Wanita PH Norashidah Jaafar serta pemimpin-pemimpin pemuda parti-parti anggota PH bersama penyokong dan orang ramai yang bersimpati turut berada di Wisma Tok Guru malam tersebut bagi menghalang tindakan samseng Pemuda Pas itu.

## Budaya Pas T'ganu tidak harus dibenar cemari keharmonian

**KOTA BHARU:** Kejadian rempuhan gerombolan samseng Pemuda Pas ke pekarangan Pejabat AMANAH di Salor malam 22 Okt lalu menjadi satu lagi bukti Pas Kelantan kini berkiblat kepada budaya politik Pas Terengganu yang ekstrem dan ganas.

Timbalan Ketua AMANAH Pasir Mas Ir Ali Omar berkata budaya politik menghormati keharmonian, bertolak ansur dan menjaga adab yang menjadi pegangan Almarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat kini jelas telah ditinggalkan Pas Kelantan.

"Sebenarnya saya amat faham sejak Almarhum Tok Guru masih ada betapa berbezanya amalan politik beliau dengan apa yang ada di Terengganu.

"Di Kelantan, kalau ada kaum



**Ir Ali Omar**

keluarga berbeza fahaman politik, kita terus jaga silaturrahim dan boleh bercampur gaul dengan mesra tetapi di Terengganu orang-orang Pas memulau anggota parti lain walaupun dari kalangan keluarga sendiri.

"Di kedai-kedai kopi di Kelan-

tan, orang ramai tidak kisah untuk duduk bersama dan bersembang walaupun berlainan parti tetapi di Terengganu orang Pas akan menjauhkan diri dari bersama orang-orang parti lain," katanya.

"Ini tentu berbeza dengan bawaan arwah Tok Guru Nik Aziz yang melarang ahli-ahli Pas berpatah arang dengan orang ramai walaupun mereka tidak menyertai Pas.

"Apa lagi menggunakan perkataan-perkataan kesat dan tuduhan-tuduhan menghina kepada orang di luar Pas.

"Saya sentiasa ingat pesan Tok Guru, kerja kita menerang bukan menyerang," katanya.

Ir Ali yang pernah aktif bersama Pas Terengganu semasa ber-

tugas sebagai jurutera JKR Terengganu selama 13 tahun berkata, budaya politik bawaan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu dengan mudah boleh bertukar ganas.

"Amanat Hadi adalah simbol politik tanpa tolak ansur yang memang menjadi pegangan pentaksub-pentaksub Hadi di Terengganu dan di luar Terengganu.

"Sepanjang saya di Terengganu beberapa insiden panas pernah saya alami sendiri apabila pengikut budaya ini bersikap begitu keras dengan pihak polis dan agensi-agensi keselamatan lain," katanya.

Mengulas kejadian malam tersebut, Ir Ali tidak terkejut apabila dimaklumkan anak Presiden Pas,

Khalil Abdul Hadi mengetuai sendiri gerombolan itu.

"Memang jelas sekarang ketiadaan arwah Tok Guru telah menyebabkan teraju Pas beralih kepada puak yang antimasyarakat.

"Dengan merasa diri suci dan mulia, mereka melihat orang lain kotor dan keji dan boleh diperlakukan apa saja di luar akhlak dan undang-undang," katanya.

"Kita mesti meneruskan budaya politik amalan arwah Tok Guru Nik Aziz dan menggembleng tenaga untuk menolak budaya politik bawaan Hadi yang merbahaya kepada masa depan negara.

"Sekarang saya semakin faham apa yang disebutkan oleh Datuk Husam Musa bahawa AMANAH adalah Pas Tok Guru Nik Aziz manakala Pas sekarang adalah Pas Haji Hadi," katanya.

## Untuk perjuang hak wanita Jangan bimbang digelar feminis, liberal

**ALOR SETAR:** Wanita perlu diberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan dan pekerjaan secara adil dan saksama dengan segala bentuk diskriminasi terhadap mereka dihapuskan.

Pada masa yang sama, wanita juga perlu komited membuktikan diri mereka boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan yang lain.

"Negara ini perlu membantu wanita yang bekerja dengan meningkatkan sistem sokongan kepada wanita. Sistem sokongan yang paling penting adalah menyediakan kemudahan penjagaan bayi dan anak dengan kos yang munasabah.

"Polisi kerajaan perlu menggalak-

kan majikan dan semua institusi awam dan swasta menyediakan ruang untuk premis nurseri dan taska," ujar Presiden AMANAH Mohamad Sabu ketika menyampaikan Pidato Presiden sempena Konvensyen AMANAH Nasional ke-2 dekat sini, 21 Okt lalu.

Menurut beliau, polisi anjal untuk membenarkan wanita bercuti bagi membesarkan dan mendidik anak sendiri dan kemudian kembali bekerja perlu dirangka guna mengelakkan kehilangan tenaga terlatih dari kalangan wanita.

Kerajaan juga, tambah beliau perlu menggalakkan kaum bapa turut terlibat dalam penjagaan anak-anak dengan diberi kemudahan yang sama dengan wanita jika

mereka berhasrat menjaga anak.

Justeru katanya, tekad AMANAH dalam mendokong usaha memartabatkan wanita dan mengembackkan wanita pada kedudukan sewajarnya tidak akan terhenti.

"Usah bersifat apologetik kerana bimbang dituduh bersekongkol dengan kumpulan yang memperjuangkan feminisme dan liberalisme. Pentingnya ialah kita katakan yang hak dalam semua keadaan dan berperanan membawa mesej pencerahan dan islah," ujarnya.

Mohamad juga akan mempertimbangkan secara serius cadangan Wanita Pakatan Harapan untuk menambah bilangan wakil wanita di dalam parlimen dan dewan-dewan undangan negeri.



Antara perwakilan Awan pada Konvensyen AMANAH Nasional ke-2 di Alor Setar 21 dan 22 Okt lalu. Foto WAN ZAHARI SALLEH

## Norashidah ketuai Wanita PH Kelantan

**KOTA BHARU:** Timbalan Ketua Wanita AMANAH Kelantan Norashidah Jaafar dipilih mengetuai Wanita Pakatan Harapan (PH) negeri sekaligus mengumumkan struktur kepimpinan sayap itu, baru-baru ini.


"Seperti yang diamalkan di peringkat pusat, semua ketua wanita parti-parti anggota menjadi Timbalan Ketua Wanita PH negeri.

"Dengan itu Normala Mohd Nadzar (AMANAH), Noraini Husin (Keadilan), Zaleha Che Kob (PPBM) dan Irene Tan (DAP) akan bersama saya menggerakkan Wanita PH negeri Kelantan," katanya.

Beliau turut mengumumkan Nur Hidayah Abdullah (Keadilan) sebagai setiausaha manakala Rozan Rahman (PPBM) sebagai bendahari.

"Kita juga telah melantik jawatan-jawatan utama yang akan berperanan segera untuk bersiap menghadapi pilihan raya.

"Pengaroh pilihan raya diamanahkan kepada Ketua Wanita Keadilan



Norashidah Jaafar

Kelantan Noraini Husin manakala Ketua Awan Kelantan Normala Mohd Nadzar sebagai ketua penerangan.

"Untuk memberi fokus kepada aktiviti penerangan melalui media baru, kita melantik ketua Srikandi PPBM Zaleha Che Kob sebagai ketua komunikasi," katanya.

Bagi menyemarakkan lagi kerja-

kerja kebajikan katanya, mesyuarat bersetuju melantik Irene Tan (DAP) mengetuai biro ini.

"Kebajikan adalah teras utama bagi membantu kesukaran rakyat dalam situasi kritikal seperti sekarang," katanya.

Bagi memulakan gerak kerja, beliau berkata majlis pelancaran Wanita PH negeri dijadual diadakan pada 11 November depan.

"Majlis ini akan dirasmikan oleh Pengerusi PH negeri Datuk Husam Musa.

"Kita akan cuba melibatkan pimpinan wanita nasional semua parti dalam PH untuk bersama di majlis ini," katanya.

Majlis yang akan diadakan di Wisma Tok Guru itu juga melibatkan jentera wanita semua parti dalam PH.

Mesyuarat pertama Wanita PH negeri yang diadakan di pejabat Keadilan negeri dihadiri semua wakil parti anggota PH.



Norashidah mempengerusikan mesyuarat pertama Wanita PH Kelantan.

## WARDA mahu golongan wanita muda didekati

**WANITA** Muda AMANAH (WARDA) mahu suara golongan wanita muda diberikan ruang dalam gerak kerja politik parti.

Timbalan Ketua WARDA Sarah Humairah berkata, penglibatan golongan muda amat penting dalam merealisasikan sebahagian daripada perjuangan parti.

"Umum mengetahui anak muda penting dalam merealisasikan perubahan negara. AMANAH sebuah parti baru mengorak langkah mendahului parti lain dalam Pakatan Harapan (PH) telah menubuhkan sayap wanita muda ini.

"WARDA adalah medan latihan kepimpinan bagi melahirkan aktivis wanita bagi AWAN (Angkatan Wanita AMANAH Nasional) di peringkat negeri dan kawasan," ujarnya ketika membahaskan Pidato Presiden.

Sarah berkata, WARDA adalah platform bagi wanita muda berkecimpung dalam membangunkan masyarakat untuk mengupayakan mereka.

Beliau melahirkan kebimbangan kerana terdapat kurang 10 peratus mahasiswa kampus mendaftar sebagai pengundi.

Kebanyakan mereka yang tidak mendaftar sebagai pemilih, ujarnya memberi alasan tidak tahu kaedah mendaftar dan membuang undi malah ada yang enggan melibatkan diri dalam proses pilihan raya.

"Jika hal ini berterusan kita bimbang generasi yang akan lahir di masa akan datang



Sarah Humairah

bukan sahaja tidak sedar hak sebagai pengundi malah tidak sedar hak sebagai rakyat Malaysia," ujarnya.

Tambahnya lagi, dengan penubuhan WARDA beliau mengajak golongan wanita muda untuk memupuk semangat cintakan negara dan bersemangat patriotik bagi mengelakkan negara dibelenggu pemimpin yang zalim.

"WARDA telah memperkenalkan gelombang 'Aura Oren' untuk menggalakkan mereka mendaftar sebagai pemilih dan mencari sukarelawan dalam menghadapi PRU akan datang.

"WARDA perjuangan titik tengah dalam golongan berpendidikan dan profesional. Walau bagaimanapun impian dan keperluan WARDA tidak akan berjaya tanpa panduan dan sokongan semua pihak," ujarnya.

# Sesudah tirai konvensyen dilabuh

**KONVENSYEN** Parti Amanah Negara kali kedua telah berakhir dengan gilang-gemilang sekali. Ucapan-ucapan penutup para perwakilan dan para pimpinan mengambarkan kepuasan dan keselesaan semua dan kesungguhan iltizam untuk menjadikan parti ini parti terbesar negara.

Konvensyen untuk kedua kalinya ini telah kita putus diadakan jauh dari ibu negara ke Alor Setar, Kedah untuk antara lain menguji kemampuan parti. Kejayaan konvensyen yang menggamit kedatangan perwakilan dari seluruh negara dari Padang Besar hingga ke Sandakan menunjukkan kematangan jentera parti di seluruh negara.

Walaupun konvensyen ini tertangguh lebih sebulan dari tarikh asalnya 16 September 2017 kerana menghormati perkabungan rakyat Kedah ekoran kemangkatan Sultan Kedah Almarhum Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah, ia tidak menjejaskan kelancaran pengurusan konvensyen ini.

Kemampuan AMANAH Kedah pimpinan Dato' Dr Ismail Salleh mengendalikan kerja-kerja sokongan konvensyen dengan mantapnya membuktikan Kedah memiliki prasarana jentera parti yang cukup cemerlang. Saya kagum melihat komitmen dan kesungguhan ahli-ahli AMANAH Kedah bekerja siang malam untuk menjayakan program ini.

Rapat Umum Sayangi Malaysia dan kenduri rakyat yang dianjurkan bersem-



**TULANG BELAKANG...** Pengerusi AMANAH Kedah Dr Ismail Salleh menjelaskan sesuatu kepada Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub sambil didengar teliti Presiden AMANAH Mohamad Sabu di pagi perasmian konvensyen.

pena Konvensyen AMANAH di Dataran Stargate mendapat sambutan yang cukup baik. AMANAH berjaya menjadikan program ini terutama Rapat Umum Sayangi Malaysia sebagai Program Pakatan Harapan (PH) Kedah untuk menunjukkan kematangan PH. Ini tentu memberikan keyakinan empat parti besar yang bergabung sebagai Pakatan Harapan dan rakyat Kedah secara umum kepada gerakan politik perubahan ini.

AMANAH memulakan satu tradisi baru, memberi ruang kepada pimpinan utama

PH memberikan ucapan sebelum Pidato Presiden. Ruang ini telah menunjukkan kejutuan hubungan antara parti dalam PH. Tun Dr Mahathir dan Datuk Seri Dr Wan Azizah telah menyampaikan ucapan-ucapan penegasan hubungan akrab di kalangan empat parti besar ini.

Kehadiran parti-parti politik luar negara di konvensyen parti berusia dua tahun ini adalah suatu yang agak unik justeru menunjukkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Program malam kesenian di konvensyen yang dipanggil Gong Lang-



**PENDAPAT**  
MOHD ANUAR TAHIR

kasuka menampilkan penyair, pemuisi dan artis adalah program santai yang sangat menarik. Untuk masa-masa mendatang acara santai bernuansa seni sebegitu wajar diteruskan.

Perbincangan para perwakilan juga begitu menyerlahkan, dalam tempoh yang singkat mereka telah dapat menyesuaikan diri dengan parti yang membawa tema "Amanah, Progresif, Peduli". Berbagai saranan dan usul telah dikemukakan. Oleh itu Parti Amanah Negara di setiap peringkat perlu bekerja keras menjeremahkan semua yang diperkatakan untuk menjadi realiti.

Sesungguhnya tiada berguna sedikitpun untuk 'berkokok berdegang-degar' seperti setengah ahli politik walhal tiada satu pun dilaksanakan. Jadilah ahli politik baru yang 'mengotakan janjinya, yang tidak bertanam tebu di bibir'.

Ayuh singsingkan lengan, terus bekerja untuk rakyat. Teguh Menjunjung Amanah Rakyat!

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH Nasional.

# Jalan raya Sabah tidak selamat

**PADA** pukul 6.30 pagi 24 Okt lalu, rakyat Sabah telah menerima berita tragis satu kemalangan jalan raya yang berlaku di Jalan Kanibongan-Pitas.

Menurut berita tersebut, sebuah kereta Avanza yang sedang membawa 9 pelajar tingkatan 6 sekolah SMK Pitas telah terbabas akibat terlanggar lubang di jalan raya. Seramai empat pelajar maut akibat kemalangan manakala seorang cedera parah dan bakinya bernasib baik, hanya cedera ringan.

Berita sebegini bukanlah suatu yang baru malahan kemalangan sebegini hanyalah rantaian daripada beratus lagi kes kemalangan jalan raya yang dilaporkan akibat daripada keadaan jalan raya Sabah yang teruk dan berlubang-lubang.

Pasti ramai yang pernah melalui jalan raya Pitas, Kota Belud, Kudat, Telupid, Beluran serta berpuluh lagi jalan di Sabah. Para pengguna jalan raya sudah pasti sedia maklum keadaan jalan yang sangat teruk dan teramat tidak sesuai untuk digunakan.

Jalan Ulu Kukut umpamanya yang menghubungkan daerah Kota Kinabalu, Kota Belud, Kota Marudu dan Kudat telah rosak sejak dekad 90-an. Namun sehingga tahun 2012 barulah mula diperbaiki. Dan setakat ini, jalan inilah yang menjadi satu-satunya jalan utama menghubungkan daerah-daerah tersebut.

Mungkin ada menteri yang akan beralasan ini adalah jalan di kawasan pedalaman. Namun rakyat Sabah sudah maklum juga, jalan-jalan di Tuaran, Sepanggar mahupun Putatan juga berlubang dan kawasan ini adalah kawasan bandar, bahkan sangat



**Keadaan jalan raya di Sabah perlukan penambahbaikan.**

hampir dengan ibu negeri Sabah, Kota Kinabalu!

Inilah cerita malang untuk rakyat Sabah di bawah pemerintahan kerajaan Umno-BN sejak berdekad lamanya. Di bawah pentadbiran Datuk Seri Panglima Musa Aman, rakyat Sabah berasa lebih malang lagi kerana Menteri Kewangan Sabah tersebut menggunakan wang rakyat bagi membina jalan yang tidak sampai satu kilometer ke Dewan Undangan Negeri Sabah tetapi menelan belanja RM14.9 juta pada 2012.

Sudah berapa cerita pedih dan luka seperti ini harus kita tanggung lagi. Berapa nyawa lagi ingin kita korbakan akibat ketidakcekapan pengurusan jalan

oleh kerajaan Umno-BN yang membuat jalan secara alang kepalang dan menggunakan bahan yang tidak berkualiti tinggi. Baru hujan sedikit jalan raya sudah menjadi kolam ikan!

Pemimpin kerajaan Umno-BN negeri boleh menutup sebelah mata kerana mereka menaiki kenderaan mewah ataupun menaiki kapal terbang kelas pertama untuk sampai ke destinasi di Sabah. Dan di pedalaman, rakyat tercengang melihat mereka datang menggunakan helikopter, sedangkan rakyat di kawasan pedalaman negeri terpaksa melalui jalan-jalan lori kayu balak yang meletakkan nyawa mereka di hujung tanduk. Di bandar pula, rakyat jelata yang hanya memakai kende-



**PENDAPAT**  
KHAIRUDDIN DAUD

raan biasa sudah tentu sangat merasai keperitan dan kepayahan mengelak jalan-jalan yang berlubang.

AMANAH Negeri Sabah mendesak agar kerajaan segera memperbaiki lubang-lubang di jalan raya yang telah sedia merisikokan nyawa pengguna jalan raya di Sabah. Sesuatu yang memalukan apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak datang ke sini mengumumkan pakej-pakej lebu raya Pan-Borneo kalau jalan-jalan sedia ada masih berlubang-lubang. Hatta jalan masuk ke rumah YB Sepanggar juga banjir sewaktu hujan dan dia masih membisu.

Pemimpin kerajaan jangan tutup mata dan memberi alasan lapuk iaitu bentuk muka bumi di Sabah tidak sesuai buat jalan dan sebagainya. Ini semua alasan kuno sebelum merdeka. Sekiranya jalan raya ini dibuat dengan kos dan mengikut piawaian prosedur operasi (standard operational procedure) yang betul sudah tentu jalan raya rakyat di Sabah lebih baik.

Sejaga baiki jalan dan jangan lagi beralasan!

■ Penulis ialah Ketua Pemuda AMANAH Sabah.

# Why most Malaysians cannot afford to retire?

**“EPF members do not appreciate their retirement funds being used to buy low-yielding US infrastructure funds. Malaysians do not want government leaders to sacrifice their interests to curry favour with a foreign leader, especially one who has never offered any concessions to advance our national interests.”**

**MALAYSIA** is ageing, and the population of those over 65 should hit 15% by 2035. Current Employees' Provident Fund (EPF) savings for most Malaysians are barely enough for a decent life after retirement.

Meanwhile, Malaysian life expectancy has been rising.

Life expectancy at birth in 2015 was 72.5 years for males and 77.4 years for females. Assuming someone lives until 75, with no major medical expenses and outstanding debt, average savings of RM194,000 would bring RM25 per day, or only RM810 monthly.

Of course, this crude analysis does not consider many factors, but the picture is clearly dire.

## Poor EPF returns

This year, the EPF raised the minimum savings target by age 55 from RM197,000 to RM228,000. But only 18% of members have this much, far short of the EPF's target of getting at least half its members to meet the minimum level by 2021.

Low investment returns and withdrawals permitted – for housing, health and education – imply even less for retirement.

More than two-thirds (68%) of EPF members aged 54 have less than RM50,000 in EPF savings. With the household poverty line at RM930 monthly, RM50,000 in savings will only last 4.5 years. The bottom fifth of EPF members have average savings of only

According to the EPF, 70% of members who withdraw their funds at age 55 use up their savings less than a decade after retiring. Most EPF savings are therefore not enough to stave off poverty after retirement.

There are 32 million people in Malaysia, with 69% of the population at the "working age" of between 15 and 65. Only 48% of the labour force of 14.5 million have active EPF accounts. Around a tenth work for the federal government and are eligible for pension, contributing to other pension funds, such as KWAP and LTAT.

Others remain uncovered. Many employees in the informal sector or those who are casually employed do not have active EPF accounts, while many in farming and the informal sector are self-employed.

## EPF assets diversified

A late colonial innovation from the early 1950s, the EPF is now the world's seventh largest sovereign pension fund in terms of total assets.

In its early decades, the EPF had to buy relatively low-yielding government bonds, providing the government with a steady source of cheap funds. By 2015, its investment assets were RM685 billion, after growing about 10% annually over the previous 15 years. The EPF has held considerable assets in 'cash' in the past.

Investments in traditional, lower-risk, domestic, fixed-income assets, specifically Malaysian government bonds, remain significant.

Of "held-to-maturity" (HTM) investment sukuk (zero coupon bonds) holdings. By 2015, these came to 29% of total HTM assets, rising rapidly from 2.7% in 2006.

Since the 1980s, the EPF has become increasingly market-oriented, and has been investing abroad since 1996. Over the years,

riskier assets have come to account for increasingly large shares of total investment.

Ostensibly in search of higher returns, the EPF's foreign investments have grown. Investments in equities and properties abroad have been rising in recent years. The EPF has gone into foreign markets since 1996, with investments in equity, fixed-income yielding assets and real estate, specifically in the US, UK, Singapore, China and Australia.

Significantly, it is now allowed to be a major investor, or even operator of businesses i.e. well beyond being a passive portfolio investor – a significant departure from past *ferrari-pakai-duit-rakyat-rakyat-yang-rugi/*.

In spite of all these damning documentary evidence, while I am not at all surprised that Tan Sri Spractice.

This has undoubtedly affected the context, management incentives and governance of the fund, opening the door to abuse of various kinds.

Holdings in other asset classes, especially equity investments, have grown in recent decades. Direct real estate and infrastructure investments, such as toll highways and waste management, have grown since 2011, most significantly, its 49% stake in PLUS costing RM9 billion in 2011.

The EPF declared a dividend of 5.7% for 2016 to its 14.72 million members, with a total payout of RM37.2 billion. Total gross investment income was RM44.2 billion in 2015, with domestic (52%) and foreign (48%) sources contributing almost equally.

While income from interest, profits and dividends remains stable, capital gains acco-



OPINION  
DR JOMO KS

unted for more than a quarter of the EPF's income in 2015.

## Why EPF returns are low

As EPF savings do not provide most retired employees with enough to live above the poverty line after retirement, it is failing to serve its intended purpose.

For over four-fifths of members, poor returns on their EPF savings will prevent them from retiring in comfort. Clearly, depressed wages, low EPF investment returns and high household debt are not serving most Malaysians well.

The EPF and other retirement fund professionals need to be allowed to do their jobs to best serve their primary stakeholders, namely retirees, current and future. But political interference is preventing EPF professionals from better serving members' interests.

Such political intervention in investment decisions does not inspire the confidence of either EPF members or the public.

In the past, EPF members were resigned to low returns as their funds were mainly used to buy government bonds offering low returns. With EPF investments more diversified in recent decades, EPF returns increased, but not by much.

EPF members do not appreciate their retirement funds being used to buy low-yielding US infrastructure funds. Malaysians do not want government leaders to sacrifice their interests to curry favour with a foreign leader, especially one who has never offered any concessions to advance our national interests. - FMT

■ Jomo KS is a Malaysian economist.

## "Zerorising GST" - Really Mr PM?

**MR** Prime Minister, may I ask you about the news being bandied around that you will 'zerorise' the GST from 6% to 0% in this coming 2018 Budget? In other words, will that mean that there will be no more collection of the (6% rate) Consumption Tax on Good and Services, which you anticipated to generate a sum of RM42 billion for this year in 2017, come 2018?

If truly that is the case, may I congratulate you Sir! Bravo!

But didn't you say that GST is the saviour of the Malaysian Economy? Didn't you say this is our lifeline of sort for the nation, when the global oil price were erratic or unreliable and we are in need a broad-based tax?

So if you believe you're able to manage the economy without GST, why didn't you think of it earlier? Why have you

subjected the rakyat to this inflationary pressure of almost 3.7% for the full-year and at its worst 5.1% in March this year? Were you oblivious of the burden and sufferings of the rakyat that you claimed to champion?

Much to our amazement, you have finally got wind of our Pakatan Harapan Budget 2018 that proposes to do away or abolish the GST and reinstate the SST. We are indeed flattered by your plagiarism, as alluded by the proverbial expression that "Plagiarism is the best form of Flattery".

While Pakatan Harapan is clear and conscious of where our revenues are coming from, to cover for the shortfall in the 'direct tax', once GST is no longer in place on our PH Budget, may we ask you as to how you could achieve that?

The penchant for abuses, endemic leakages and chronic inefficiencies in your pro-

urement, management and administration system, make it a real suspect that you will ever be able to achieve a reasonable fiscal deficit, that will put the rating agencies at bay. So how do you intend to square the circle?

Finally, may I also ask you why have you decided to do it now i.e. for the Budget 2018, which is the mandatory election year for the 14th General Election?

Besides, why are you only 'Zerorising' the GST rate and not 'Abolish' this regressive consumption tax that equally burdens the poor too? Do you intend to hoodwink the rakyat i.e. the voters to mandate you and the BN, and later reintroduce it, once you're back in Putrajaya? If ever you're entertaining such thoughts, that will be the greatest folly and most despicable!

Mr Prime Minister, please take sometimes to allay the apprehension of the rakyat or



OPINION  
DR DZULKEFLY AHMAD

perhaps give them the glad tidings. Either way, we the Pakatan Harapan and the greater Opposition fraternity, including the Civil Society Organisations (CSOs), would be vindicated for our relentless campaign to effectively rid the rakyat of this existential threat from the burdening GST!

■ Dr Dzulkefly Ahmad is Strategy Director of Parti Amanah Negara.

# Nelayan minta pemantauan bukan pesta hiburan

**P**ADA 14 Oktober 2017 nelayan seluruh negara di kumpulkan kerajaan di Kerteh, Terengganu untuk program Gelombang Nelayan Nasional (GNN). Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Zahid Hamidi yang hadir, program GNN yang berlangsung selama 3 hari diadakan di lokasi ikonik.

Saya berpendapat Kerteh bandar minyak bukanlah lokasi yang ikonik, tetapi sebenarnya lokasi 'ironic', kerana Kerteh adalah pusat untuk orang minyak dan gas yang kaya raya sementara nelayan masih di tahap miskin tegar dengan pendapatan nelayan kita masih serendah RM400 sebulan.

Ini adalah penemuan dari kajian Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan juga Khazanah Nasional. Situasi status kewangan pengusaha industri minyak dan nelayan bolehlah dikatakan keadaan yang jauh berbeza cara hidup seperti di antara dua darjat. Begitulah ironinya situasi nelayan yang berkumpul di Kerteh untuk program GNN yang berlangsung untuk 3 hari dengan kos RM2 juta!

Ironinya lagi, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, yang berasal dari Kemaman, telah mengecewakan nelayan Terengganu. Bagi penggal ke-13 Parlimen ini saya telah membawa wakil nelayan ke Parlimen setiap tahun untuk berjumpa Menteri Pertanian. Tetapi pada tahun ini wakil nelayan tidak mahu lagi ke Parlimen kerana mereka menyatakan menteri-menteri hanya mengecewakan rungutan dan permintaan mereka selama ini.

Mereka selama ini meminta kawalan perairan kita yang baik oleh pihak berkuasa tetapi kerajaan telah gagal memberi keperluan asas ini.



**PENDAPAT**  
**RAJA BAHRIN SHAH**

Program 3 hari yang memakan belanja RM2 juta itu lebih merupakan pesta untuk komuniti nelayan. Lengkap dengan beratus bot dan perahu serta siap dengan pertunjukan kapal terbang jet bersama dengan sukan rakyat. Ini adalah program RM2 juta untuk membuat nelayan lupa seketika akan kesengsaraan hidup mereka. Masalah-masalah yang mereka alami seperti tersenarai di bawah masih juga tidak ditangani dengan berkesan:

a) Pencerobohan kawasan perairan nelayan tempatan oleh bot laut dalam asing.

b) Kecurian ikan dengan peralatan yang diharamkan oleh nelayan asing yang juga merosakkan perangkap ikan mereka dengan kerugian beribu ringgit.

c) Kecurian ikan di tengah laut oleh nelayan asing dan salah guna bot kargo. Timbalan Perdana Menteri sendiri mengakui kehilangan hasil laut sebanyak 980,000 tan metrik bernilai di antara RM3 bilion hingga RM6 bilion setahun!

d) Pengawasan pihak berkuasa yang amat lemah kerana tiada peruntukan minyak ronda yang mencukupi dengan bot ronda usang mereka yang baru-baru ini dua buah telah terbakar di Setiawan.

e) Tindakan dan hukuman



**Ahmad Zahid menunjukkan isyarat bagus kepada jet pejuang yang melakukan persembahan di GNN.**



**Drone yang dicadangkan Raja Bahrin untuk memantau nelayan asing Vietnam di perairan Malaysia digunakan di Australia untuk mengesan ikan jerung.**

yang lemah ke atas nelayan asing yang dilindungi oleh orang atasan kenamaan tertentu.

Apabila saya mencadangkan kegunaan drone - kapal terbang model mini untuk pemantauan, Menteri Pertanian telah memperlekehkan

cadangan tersebut di Parlimen. Australia menggunakan drone untuk memantau ikan jerung di laut. Apa yang dipertunjukkan pada program GNN adalah jet pejuang tentera yang tidak mungkin digunakan untuk membantu nelayan. Ini adalah sandiwara yang tidak akan membantu

nelayan.

Selesai GNN nelayan akan kembali bersendirian di laut yang luas menghadapi pencerobohan nelayan asing.

Selepas GNN, apakah yang akan terkandung dalam Bajet 2018 ini untuk membela nasib nelayan. Nelayan adalah golongan termiskin yang nasib mereka tidak terbela begitu lama. Adakah bajet hari Jumaat 27 Oktober ini akan memberi mereka apa-apa harapan atau pembelaan yang baru? Mereka sebenarnya mengharapkan pembelaan kawalan keselamatan dan bukan circus pesta hiburan seperti GNN.

Kajian-kajian di Terengganu tidak memberi gambaran masa depan yang cerah untuk nelayan Terengganu. Di Kampung Teluk Ketapang yang berhampiran dengan rumah Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, kajian UMT menemui beberapa nelayan dengan pendapatan sekitar hanya RM460 sebulan. Di Kemaman pula di dalam Parlimen Menteri Pertanian, Datuk Ahmad Shabery Cheek, masih terdapat nelayan berpendapatan di bawah RM500 sebulan.

Daripada berbelanja RM2 juta untuk pesta GNN, lebih baik wang tersebut digunakan untuk membantu nelayan yang daif ini. Daripada belanja minyak jet pejuang yang mahal untuk pertunjukan jet di pesta GNN, lebih baik beli minyak diesel untuk kapal dan bot peronda pihak berkuasa membantu nelayan.

Berpijaklah di bumi yang nyata wahai para menteri yang berkuasa.

**Raja Bahrin Shah ialah Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan Pengerusi AMANAH Terengganu.**

## Ole-ole Konvensyen AMANAH Nasional suntik semangat juang PH

Oleh **HAYAR HASSAN**

**BERMUSAFIR** di hujung minggu lepas di Alor Setar sambil meninjau program Pakatan Harapan (PH) dan Konvensyen AMANAH Nasional ke-2 rupanya tidak mengecewakan. Malahan ianya menjelmakan tradisi-tradisi baru kepada gerak kerja PH.

Suasana kemesraan, santai dan bersahaja tetap akan menjadi suatu kenangan bagi pendukung dan penyokong-penyokong PH. Rata-rata aktivis dan penyokong-penyokong PH, terutamanya ahli-ahli AMANAH yang ditemui sentiasa mempamerkan senyuman mesra penuh makna dan bersemangat menceritakan kisah-kisah dan pengalaman mereka di kawasan masing-masing.

Jamuan Rakyat yang bermula pada sebelah petang 20 Okt umpama majlis kenduri tradisi masyarakat Melayu tanpa tahlil dan marhaban. Nasi putih berlaukan gulai daging, ayam masak merah, ulam timun beserta sambal belacan dan sedikit ikan kering cukup enak dan menyelerakan.

Apatah lagi jamuan kami itu turut juga disertai oleh Tun Mahathir Mohamad, Ustaz Ahmad Awang, Mohamad Sabu dan para pemimpin PH. Difahamkan ahli-ahli AMANAH Kedah dan Pulau Pinang bergotong royong memasak dan menyediakan jamuan. Menjelang Maghrib diberitakan semua juadah sudah habis!

Program sebelah petangnya juga dimeriahkan dengan kehadiran ahli-ahli kelab

motor berkuasa besar, sepak raga bulatan/sepakraga tuju, buskers, qasidah dan pelbagai aktiviti.

Seusai solat Isyak sekitar jam 9.00 malam, program diteruskan dengan Rapat Umum "Selamatkan Malaysia" di Dataran Stargate Alor Setar. Seperti yang diharapkan ianya berjaya menarik ribuan hadirin. Tua muda, pria atau wanita dari pelbagai bangsa turut memenuhi tempat duduk yang disediakan.

Keesokan harinya, Konvensyen AMANAH Nasional 2017 berlangsung di Hotel Royale Signature, Alor Setar dengan penuh warna warni. Tema konvensyen kali ini adalah "Menjunjung Amanah Rakyat".

Kalau diamati, konvensyen kali ini menyajikan sedikit kelainan apabila Presiden PH Datuk

Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Pengerusi PH Tun Mahathir Mohamad diberi penghormatan untuk berucap.

Saya cukup bersetuju dengan saranan perwakilan daripada Kedah, Ustaz Ridhwan Abu Bakar bahawa AMANAH perlu berperanan sebagai penyatu (gam) kepada PH. Ia perlu berperanan sebagai pendamai seandainya diperlukan, bukan sebagai pencetus perbalahan dan perseteruan. Itulah imej Islam Rahmatan Lil Alamin yang perlu diamalkan oleh pimpinan dan ahli AMANAH!

Akhirnya saya cukup optimis akan gerak kerja dan komitmen Parti AMANAH dan PH dalam menyertai PRU ke-14 akan datang. Kita perlu terus berusaha untuk melakukan perubahan!



# Malaysia tidak perlu penyangak sebagai PM

Mohamad, Tun Mahathir dan Muhyiddin mengibar jalur gemilang bersama anak-anak kecil pelbagai kaum.

Oleh **MOHD ALI HASHIM, HUSIN MAHAT & ZIKRI ABDULLAH**  
Foto **WAN ZAHARI SALLEH**

**ALOR SETAR:** Negara ini tidak memerlukan seorang penyangak untuk menjadi Perdana Menteri, tegas Presiden Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, penyangak dapat disamakan dengan lanun, pencuri mahupun 'kawaq' dalam loghat Kedah.

Ucapan awal Dr Mahathir di Rapat Umum Selamatkan Malaysia di Dataran Stargate, dekat sini, 20 Okt lalu mendapat tepukan gemuruh ribuan hadirin.

Menurut beliau lagi, kini penyangak telah diadaptasi bahasanya kepada 'kleptokrasi' yang mempunyai persamaan dengan penyamun ataupun pencuri.

"Kita merasa amat malu apabila negara luar melabelkan PM kita sebagai 'crook' (penjahat).

"Seharusnya rakyat negara ini tidak mengekalkan mana-mana penyangak sebagai Perdana Menteri.

"Sekiranya pemimpin sebegini dikekalkan dalam kepimpinan negara, maka mereka akan membeli pengundi dengan duit," katanya.

Beliau berkata, skandal 1MDB, 'derma' RM2.6 bilion ke akaun peribadi perdana menteri dan sebagainya adalah bukti jelas bagaimana kleptokrasi wujud dalam kepimpinan Najib.

Oleh kerana itu katanya, sekiranya rakyat tidak membuat perubahan maka banyak lagi wang rakyat akan hilang kerana dicuri.

Sehubungan itu ujarinya, bagi memastikan tiada lagi wang rakyat yang dicuri, rakyat harus membuat perubahan dari sekarang.

"Rakyat mesti berani untuk menukar pemimpin yang korup dan suka mencuri wang negara.

"Buktikan pembaharuan yang diinginkan dengan tidak lagi memberi sokongan kepada Umno dan BN dalam pilihan raya umum akan datang.

"PH telah sepakat untuk membawa perubahan dengan membela nasib rakyat, sekaligus

rakyat mesti menolak pemimpin yang gemar menjadi penyangak dalam pilihan raya umum nanti," tambahnya lagi.

Beliau juga berkata, PH mempunyai ramai pemimpin yang mampu membawa perubahan bagi membela nasib rakyat.

Sehubungan itu ujarinya, rakyat harus membuktikan sokongan tersebut dengan berani untuk menolak Umno dan BN melalui peti undi.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

## Umum senarai jawatankuasa Pakatan Harapan Kedah

Dalam ceramahnya juga, Tun Mahathir turut mengumumkan senarai jawatankuasa PH negeri Kedah.

Pengerusi PH Kedah disandang Timbalan Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir manakala jawatan timbalan pengerusi disandang Ahli Parlimen Kuala Kedah Dr Azman Ismail (Keadilan), Pengerusi AMANAH Kedah Datuk Dr Ismail Salleh dan Pengerusi DAP Kedah Tan Kok Yew.

Ketua sekretariat disandang Dr Abdul Rahman Ahmad (AMANAH), Setiausaha PPBM Kedah Datuk Abdul Aziz Mahmud (Bendahari), Ketua Pemuda AMANAH Kedah Mohd Asmirul Anuar Aris (Ketua Pemuda) dan Ketua Wanita Keadilan Kedah Nurin Aina Abdullah (Ketua Wanita).

Timbalan Pengerusi PPBM Kedah Mejar (B) Anuar Abdul Hamid menyandang jawatan pengarah penerangan manakala Timbalan Pengerusi AMANAH Datuk Ir Pahrolrazi Zawawi pula sebagai pengarah pilihan raya.

Lima anggota jawatankuasa ialah Gooi Hsiao Leung (Keadilan), G. Karunakaran (DAP), Dr R. Krishnamoorthy (Keadilan), Aris Awang (AMANAH) dan Beh Poh Kheng (DAP).



Tun Mahathir dan para pemimpin PH Kedah melambai tangan kepada hadirin.



Sebahagian daripada ribuan hadirin yang membanjiri Dataran Stargate.



Isteri Presiden AMANAH Normah Alwi dan Ketua Awan Dr Mariah Mahmud (dua dan tiga dari kiri) tekun mendengar ceramah.

# Demi negara kami sanggup bersama, lupakan kisah lama

“Bukan senang nak bersama Tun Mahathir Mohamad. Hangpa tengok senanglah. Tapi aku yang kena tahan dalam ISA.

“Tapi kerana inginkan perubahan dalam negara, kami sanggup bersama untuk menyelamatkan Malaysia,” kata Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Mohamad mengimbau kembali Operasi Lalang pada 1988 yang menyaksikan beliau dan beberapa pemimpin parti pembangkang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Tun Mahathir ialah perdana menteri ketika krisis ketegangan kaum itu berlaku.

Antara bekas tahanan ISA dalam Ops Lalang yang hadir pada majlis malam itu ialah Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar.

Dalam ucapannya juga, Mohamad mengucapkan tahniah dan terima kasih dengan kehadiran orang ramai pada malam itu walaupun baru berhimpun di Padang Timur Petaling Jaya sempena himpunan antikleptokrasi.

Menurutnya, ada yang mendakwa perhimpunan antikleptokrasi itu cuma dihadiri oleh 1500 orang sedangkan kutipan derma mencecah RM68,000 malah derma pusingan kedua juga dibuat.

Beliau gembira kerana perhimpunan pada malam ini dihadiri rakyat pelbagai kaum.

“Ramai yang marah bila barang naik, tapi adakah kemarahan itu boleh diterjemahkan di peti undi? Sebab itu dalam pilihan raya akan datang pastikan BN kalah dengan memilih Pakatan Harapan,” katanya.

Mohamad menambah, rakyat kini menghadapi kes- usahan hidup dan kemiskinan malah para graduan gagal memperolehi pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka sehingga ramai yang terpaksa bekerja di restoran makanan segera.

Ketika kehidupan rakyat sukar, Perdana Menteri yang bekunjung ke Rumah Putih



berhasrat membantu ekonomi Amerika Syarikat (AS) dengan melabur di negara tersebut sedangkan ekonomi California, salah sebuah negeri di AS sahaja berkali ganda berbanding Malaysia.

Menyentuh skandal 1MDB, Naib Presiden PH itu berkata, skandal terbesar negara itu benar-benar wujud apabila Bank Negara mengenakan denda berjumlah RM115.8 juta kepada syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) itu kerana gagal mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

“Tindakan BNM ini mengakibatkan pemimpin dua parti Melayu yang mem- bela Najib dalam isu 1MDB tidak berkata apa-apa,” katanya.

Beliau turut menegaskan komitmen PH untuk membela semua kaum jika berjaya membentuk kerajaan selepas PRU akan



Ceria mengikuti ceramah para pemimpin PH.



Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar diapit Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub dan Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir.

datang dan antara perkara yang akan di- laksanakan dalam 100 hari pemerintahan PH adalah menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Sementara itu, Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar ketika berucap berkata, kehadiran besar rakyat di program rapat umum itu memberi petanda kejutan besar akan berlaku pada PRU14 nanti.

Menurut Nurul Izzah, derita rakyat aki- bat dasar dan program kerajaan BN tidak lagi mampu ditanggung.

“Dengan semua kesusahan ini mahukan orang Kedah berubah?” soal beliau disam- but suara gemuruh ribuan hadirin.

Menurutnya, pakar ekonomi terkenal, Prof Jomo Kwame Sundaram mengang- garkan ratusan ribu graduan kini meng- ganggur.

“Pekerja asing yang ada izin dan tanpa izin dua tahun lalu diumumkan 6.7 juta. Saya anggarkan sekarang sudah mencapai 7 juta,” katanya.

Justeru beliau menyeru seluruh rakyat agar tidak takut dengan politik yang menggunakan jentera kerajaan untuk menindas.

“Jangan lagi takut ugutan kerana sekarang kita dapat sokongan semua. Tun Mahathir, Datuk Seri Anwar, Keadilan, DAP, AMANAH, PPBM kini bersama kita,” katanya.

Beliau turut menyampaikan salam re- formasi daripada ayahnya, Anwar Ibrahim yang baru selesai melakukan pembeda- han di Hospital Sungai Buluh.



Antara orang ramai yang hadir di Rapat Umum Selamatkan Malaysia di Dataran Stargate, Alor Setar.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA) **RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**


- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT: **01132334322 (EN HAKIM)**

10 Jangan takut bercakap tentang Melayu, Islam

14 Tun Mahathir yakin Pas akan sertai Umno

29 Nelayan minta pemantauan bukan pesta hiburan



PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:19	18:59	20:09
30.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:19	18:58	20:09
31.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09
01.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09
02.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09
03.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09
04.11.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:20	18:58	20:09

# Amanah

BIL 74 | 29 OKTOBER - 4 NOVEMBER 2017

## SEDIA HADAPI PRU 14



**KONVENSYEN AMANAH** Nasional kali kedua di Alor Setar minggu lalu membayangkan kesediaan parti kerabat Pakatan Harapan itu untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang. Pidato Presiden, perbincangan perwakilan dan penjelasan pimpinan membayangkan kesediaan mereka menggalas tanggungjawab itu bersama Keadilan, PPBM dan DAP.

Laporan penuh  
muka 3, 8, 9, 10, 13, 14,  
16, 17 dan 24

Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Ahmad Awang dan saf kepimpinan berdoa untuk kesejahteraan parti Islam jenerasi kedua itu sempena Konvensyen Nasional kali kedua.

## Najib guna SPRM lawan pembangkang, dakwa Dr Mahathir

**TUN** Dr Mahathir Mohamad mendakwa pentadbiran Datuk Seri Najib Razak memperalatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyekat lawan politiknya.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu berkata mereka yang mengancam Barisan Nasional akan ditangkap dan dihadiahkan baju oren bertulis 'lokap', pemberita dijemput untuk ambil gambar dan akaun bank mereka dibekukan.

"Sekali lagi beku akaun bank. Duit beku tidak boleh diguna untuk politik," tulisnya di blog Chedet baru-baru ini.

"Terselamatlah penyayang Darul Penyangak,"



Penyokong Shafie berhimpun di perkarangan mahkamah tempat Shafie dibicarakan untuk tahanan remah dengan memakai baju oren.

tambah Dr Mahathir ketika Presiden Parti Warisan Sabah, Datuk Shafie Apdal direman selepas siasatan SPRM ke atasnya.

SPRM baru-baru ini menangkap Presiden Parti Warisan Sabah, Shafie Apdal serta dua adiknya, bekas pegawai dan pemimpin lain dalam parti itu bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penyelewengan RM1.5 bilion dana persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, antara 2009 hingga 2015. Shafie adalah menteri sepanjang tempoh itu.

**Natural Safe Effective**

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

OTHER PRODUCTS:  
SOAPS  
BODYS CRUBS  
SERUMS  
DEODORANT  
SUNSCREEN  
TEA SUPPLEMENTS

Contact Info:  
TEL: +6013 754 9335  
EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)

**DR. OLIVE BODY CARE**